



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2018

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KETIGA

SHAH ALAM, 28 NOVEMBER 2018 (RABU)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Sungai Tua)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham Bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Datuk Abdul Rashid Bin Asari, P.S.D., S.M.S., J.P.
(Selat Kelang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah Binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi, P.J.K. (Sementa)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain Bin Othman (Sabak)

Y.B. Puan Rozana Binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya Binti Zulkifli (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Mohd Shaid Bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin Bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Mohd Sany Bin Hamizan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman Bin Idham (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Tuan Edry Faizal Bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Bakhtiar Bin Mohd Nor (Semenyih)

Y.B. Tuan Mazwan Bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus Bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Shatiri Bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Puan Jamaliah Binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Azmizam Bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Harumaini Bin Haji Omar, D.P.N.
(Batang Kali)

Y.B. Tuan Mohd Najwan Bin Halimi (Kota
Anggerik)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Tuan Adhif Syan Bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Tuan Mohd Zawawi Bin Ahmad Mughni (Sungai Kandis)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Halimey Bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin Bin Haji Lias,
DPMS., JSM., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Tuan Rizam Bin Ismail (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Mohd Imran Bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

**TIDAK HADIR
(Dengan maaf)**

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Fakhurulrazi Bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Borhan Bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar, DMSM., PJK. (Hulu Bernam)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi bin Nik Sulaiman, D.I.M.P., A.S.A.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

**PEGAWAI
BERTUGAS**

Puan Gayathri Prasena a/p Jaya Kumar
Setiausaha Bahagian Dewan

Encik Muhajirih bin Ahmad
Penolong Setiausaha Dewan

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Bentara

Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Encik Jamil Hasib bin Abd Karim
Encik Nilam Mersa bin Mansur
Encik Mohammad Redzuan bin Adam

Pelapor Perbahasan

Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid
Encik Mohamad Izad Shafiq Bin Ahmad Mashudi

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA : Selamat pagi dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Ke-14 pada 28 November 2018 dimulakan dengan bacaan doa.

PENOLONG SETIAUSAHA : Bacaan doa.

SETIAUSAHA : Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER : Saya persilakan Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 33.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT
DARIPADA Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : USAHA PENYELIDIKAN DAN KONSERVASI OLEH PADAT

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Adakah Kerajaan memberi perhatian dan peruntukan yang mencukupi terhadap usaha-usaha penyelidikan dan konservasi yang dilakukan oleh Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) khususnya berkaitan dengan sejarah awal Negeri Selangor?

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI : Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Kerajaan Negeri telah memberi perhatian dan peruntukan yang mencukupi kepada kerja-kerja penyelidikan dan pemeliharaan warisan bagi negeri Selangor.

Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor atau PADAT sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan kerja-kerja tersebut telah dan sedang dalam tindakan melaksanakan penyelidikan tidak hanya terfokus kepada sejarah awal sahaja tetapi juga meliputi kepada penyelidikan mengenai warisan dan kebudayaan ketara dan tidak ketara.

Kajian prasejarah di Dengkil, Selangor yang bersedang berjalan dan laporan akan dibentangkan ke Lembaga PADAT tidak lama lagi, yang kedua kajian kerajaan Melayu Tua di Jeram, Kuala Selangor. Ketiga kajian untuk *Jugra Acsvisy Archeology* juga

telah disiapkan dan sedang dalam proses untuk diterbitkan. Peruntukan Rancangan Malaysia Ke-11 yang diterima untuk kajian ini adalah berjumlah RM500,000.00. Selain daripada itu Yang Berhormat, banyak juga telah menyediakan penyelidikan mengenai sejarah, warisan dan budaya dan hasil daripada penyelidikan yang dijalankan oleh PADAT telah berjaya menerbitkan 5 buku yang berjudul seperti berikut :

1. Kebaya Selangor
2. Kesenian Telepok Warisan Melayu Selangor
3. Sulaman Kelingkan Melayu Selangor
4. Permainan Wow Kapal Selangor
5. Batu Nisan Aceh Di Selangor

Buku-buku ini telah pun mendapat perkenan DYMM Sultan Selangor dan pelancaran buku-buku tersebut dijangka akan dilaksanakan pada Januari 2019. Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Memandangkan ketika mana PADAT diwujudkan dengan pelancaran yang gilang-gemilang. Saya ingin bertanya apakah selain daripada perkara-perkara yang telah dinyatakan, akan dilancarkan dan dirasmikan tadi, di manakah program *high impact* sesuai dengan pelancarannya ketika ia ditubuhkan dulu yang akan dilakukan pada tahun yang akan datang? Terima kasih.

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI : Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya selain daripada apa nama itu kajian-kajian yang dibuat ini kita juga mendapat kerjasama daripada beberapa persatuan, terutamanya Persatuan Anak-Anak Bugis Selangor, di mana kita telah dimaklumkan mereka ada sedikit ataupun maklumat-maklumat penting dalam susur galur ataupun asal usul keturunan Kesultanan Melayu di Selangor dan maklumat-maklumat tersebut sedang kita *compile* kan dengan izin dan kita akan masukkan sekali dalam kajian-kajian yang dibuat oleh PADAT. Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Sikit lagi. Tentang 5 buah buku yang diterbitkan itu, saya lihat ia lebih mendekati konsep adat Melayu, sedangkan PADAT ini ialah Adat Melayu dan Warisan Selangor. Warisan Selangor memerihalkan peranan bangsa-bangsa lain yang telah membangunkan Selangor seperti pekerja ladang dari India, pekerja-pekerja lombong daripada Cina dan sebagainya. Adakah itu diberikan penekanan yang sama?.

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI : Yang Berhormat, sebenarnya kita memang menjalankan apa-apa kajian yang patut dibuat seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat dan In Sha Allah kajian-kajian ini akan kita siapkan tidak lama lagi dan kita akan edarkan untuk makluman semualah. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker, soalan 34.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING
(N37 BUKIT LANJAN)**

TAJUK : **KESIHATAN UNTUK ORANG ASLI**

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Sila nyatakan jumlah Orang Asli mengikut daerah di Negeri Selangor yang telah menerima Kad Peduli Sihat.
- b) Sila nyatakan jenis perkhidmatan kesihatan yang digunakan oleh kaum Orang Asli dengan Kad Peduli Sihat.
- c) Apa cadangan penambahbaikan perkhidmatan kesihatan untuk Orang Asli Selangor?

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Bukit Lanjan. Bagi menjawab jumlah Orang Asli yang menerima Kad Peduli Sihat adalah sebanyak 3,956 Kad Sihat dikeluarkan kepada Orang Asli, maknanya di sini anggaran adalah lebih kurang 14,624 orang yang akan menerima ataupun layak menerima manfaatnya berdasarkan kepada satu keluarga 4 orang ya dan pecahan mengikut DUN sehingga 11 November 2018, Yang Berhormat Bukit Lanjan, panjang kalau mungkin saya sekarang berikan hanya di N38 Bukit Lanjan adalah 192 orang ataupun 192 Kad Peduli Sihat dan saya akan berikan senarai sepenuhnya untuk seluruh negeri Selangor kepada Yang Berhormat Bukit Lanjan.

Jenis perkhidmatan yang digunakan oleh Orang Asli bagi Kad Peduli Sihat merangkumi seperti juga secara umum saya beri kerana data tidak mengasingkan mengikut kaum. Penggunaan Kad Peduli Sihat ini secara umumnya perkhidmatan paling tertinggi ialah perkhidmatan rawatan kesihatan asas dan susulan dan paling atas di dalam penyakit jenis ini adalah *upperresptatictrac infection* ataupun batuk, selesema dan sebagainya.

Perkhidmatan kedua ialah pengambilan ubat. Ketiga adalah vaksinasi dan pemeriksaan saringan kesihatan *primary care*. Cadangan penambahbaikan perkhidmatan Orang Asli Selangor di bawah pelaksanaan Skim Peduli Sihat adalah dengan kita menambah klinik panel di sekitar kawasan tumpuan Orang Asli. Kita mempromosikan lebih banyak program kesedaran, Skim Peduli Sihat dan saya harap mendapat kerjasama daripada ADUN-ADUN yang ada penempatan Orang Asli di kawasan mereka untuk membawa program ini kepada perkampungan Orang Asli dan penempatan Orang Asli. Kerana tidak mungkin kita dapat ke semua perkampungan secara spesifik.

Terakhirnya ialah menggalakkan penggunaan kemudahan Skim Peduli Sihat untuk digunakan bagi tujuan pemeriksaan saringan kesihatan. Itu adalah tujuan utama Skim Peduli Sihat diwujudkan adalah untuk *primary care*, tetapi kebanyakan kegunaan setakat ini Yang Berhormat Bukit Lanjan adalah mengenai rawatan ya, So kita perlu mempertingkatkan promosi untuk saringan penyakit. Sekian, terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Yang Berhormat Seri Serdang, saya ada satu soalan tambahan. Tadi, Yang Berhormat mengatakan bahawa terdapat 3,600 keluarga Orang Asli di Negeri Selangor yang telah mendapat Kad Peduli Sihat. Isunya adalah jumlah keluarga yang Orang Asli di Negeri Selangor kalau mengikut banci yang terkini lebih daripada 15,000 keluarga. Maksudnya hanya 20% keluarga Orang Asli yang dapat manfaat ini daripada kerajaan negeri Selangor. Jadi saya ingin mendapat penjelasan ataupun pencerahan daripada Yang Berhormat apakah lagi yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan negeri untuk *reach out* dengan izin kepada keluarga-keluarga Orang Asli ini.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Bukit Lanjan. Saya nak betulkan sedikit jumlah yang sebut tadi ialah 3,656 keluarga ya dan bermakna 14,624 Orang Asli. Ya kalau kita ambil satu keluarga 4 orang, makna 14,624. Jadi 15,000 *figure* Yang Berhormat Bukit Lanjan beri tadi 15,000 keluarga ini akan kita cuba bawa program ini secara spesifik dengan kerjasama ADUN ke penempatan mereka kerana mereka tidak keluar sangat kepada tempat-tempat bila kita buat promosi dalam kempen Sihat Selangor dan sebagainya. Oleh kerana mereka tidak mungkin tidak sedar bahawa ada program tersebut, maka kita kena pergi kepada mereka Yang Berhormat. Terima kasih.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya saya persilakan Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker, apa pandangan Yang Berhormat Seri Serdang kalau kita berikan dalam program ini kepada semua masyarakat Orang Asli seperti program-program khas yang kita berikan kepada asnaf, fakir miskin kerana dalam pemerhatian saya sebahagian besar daripada mereka ini adalah tergolong dari golongan yang berpendapatan rendah ataupun B40 dan cuma masalahnya adalah mungkin sukar kalau kita nak harapkan mereka daftar *online* ataupun dahulunya bila kita *approach* mereka takut kepada PP dan Kerajaan Negeri. Cuma masalahnya berlaku apabila ada setengah-setengah klinik swasta yang menyebabkan mereka datang untuk dapatkan rawatan dan dia kena bayar lebih pula lagi. Kalau data-data ini kadang berlaku aduan kepada saya, kalau data-data ini ada mungkin ada satu perkara yang kita boleh pertimbangkan kepada masyarakat Orang Asli itu sendiri yang mungkin akhirnya mereka tidak perlu bayar tambahan tetapi kita agak *strict* la dengan klinik panel yang kita berikan supaya tidak menekan caj yang begitu bebas sebegitu. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Sijangkang. Saya ambil perhatian tentang perkara ini sebenarnya, kerana belum sampai lagi cadangan sebegini kepada saya kerana selama ini dikategorikan Orang Asli ini tidak dikategorikan secara spesifik. Dalam Skim Mesra Usia Emas memang secara automatik sesiapa yang mendaftar dengan Skim Mesra Usia Emas mereka terus dapat Kad Peduli Sihat dan juga asnaf. Cuma masalahnya adalah apabila pengedaran seperti Kad-Kad Peduli Sihat pada asnaf tidak disampaikan kepada penerima dan banyak aduan dan maklum balas yang dapat, kad-kad ini ditinggal di masjid-masjid dan di surau-surau. Jadi kita tidak tahu sebenarnya mereka terima atau tidak, tapi saya mengambil baik cadangan ini dan In sha Allah saya akan bekerjasama dengan Yang Berhormat yang menjaga Hal Ehwal Orang Asli untuk memastikan mereka mendapatnya dan untuk makluman, sekali berjumpa dengan doktor maksimumnya adalah RM70.00 ya. Jadi kalau ada penambahan di atas itu memang secara umumnya kita perlu tambah di atas itu. Tapi kita perlu buat kajian dahulu sedikit Yang Berhormat apakah jenis penyakit yang menyebabkan mereka terpaksa tambah kepada bayaran yang ditetapkan oleh kerajaan negeri Selangor. Terima kasih Yang Berhormat.

YB. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya, silakan Sementa.

YB. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin bertanya kepada Seri Serdang apakah program-program oleh kerana Orang Asli ini mereka agak terpinggir ataupun tidak bergaul di dalam masyarakat dan mereka di

dalam komuniti mereka. Jadi adakah program-program kesihatan daripada pihak Kerajaan Negeri dapat sampai kepada mereka ataupun adakah kerajaan negeri bercadang untuk melaksanakan program-program kesihatan seperti pendidikan kesihatan, pemakanan sihat, kebersihan *hygiene* diri kepada para wanita sebagai ibu-ibu dan juga gaya hidup sihat. Jadi apa pandangan, apakah cadangan yang akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan negeri. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Sementa, terima kasih di atas cadangan-cadangan baru ini, saya perlu melihat semula sebab memang banyak skim-skim kesihatan yang kita ada bantuan sihat Selangor semuanya di dalam proses penambahbaikan jadi saya menganggap cadangan ini sebagai satu cadangan baik dan saya akan usahakan menambah baik khidmat kita kepada orang, kepada orang asli di Negeri Selangor, terima kasih Yang Berhormat Sementa.

TUAN SPEAKER : Bukit Gasing

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya no 35.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : INDUSTRI DI PETALING JAYA

35. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar?
- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menarik industri-industri ke Petaling Jaya?
 - b) Butirkan bilangan lot tanah industri yang kosong atau terbiar pada masa ini?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, Invest Selangor sebagai selaku agensi penggalakan pelaburan Kerajaan Negeri pada masa ini lebih menumpukan kepada kawasan-kawasan yang masih mempunyai pembangunan kawasan industri yang lebih banyak. Namun begitu, bagi kawasan Petaling Jaya, potensi untuk perkhidmatan seperti pergudangan dan logistik atau lain-lain perkhidmatan sokongan yang menyokong rangkaian sektor perkilangan dan juga e-dagang adalah berpotensi besar untuk berkembang di kawasan Petaling Jaya. Berdasarkan keadaan semasa di kawasan Petaling Jaya yang lebih tertumpu pada pembangunan komersial dan perumahan serta kekangan kekurangan kawasan industri baru, maka tumpuan pelaburan lebih menjurus kepada aktiviti penambahan atau pengembangan pelaburan

sedia ada. Industri sedia ada digalakkan untuk terus menambah pelaburan dan mengembangkan operasi mereka yang seharusnya juga perlu di sokong dengan kemudahan infrastruktur yang lebih baik dan sistem penyampaian atau dengan izin *delivery system* yang lebih mesra pelabur. Bilangan lot tanah yang kosong atau terbiar pada masa ini adalah satu iaitu No. 2 Jalan 13/6 DUN Bukit Gasing.

TUAN SPEAKER : Bukit Gasing

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih Tuan Speaker. Saya perhatikan di Petaling Jaya terutamanya di Seksyen 51, 51A terdapat berpuluh-puluh lot kilang yang kosong yang sudah terbiar kilang-kilang terdahulu sudah pindah keluar beberapa tahun yang lepas dan mungkin walaupun tak ada tapak industri baru tapi *rejuvenation of exiting industrial* lot boleh di pertimbangkan boleh tak Invest Selangor buat sesuatu untuk menarik peluang pekerja masuk ke Petaling Jaya dan untuk menggunakan tanah-tanah kilang terbiar ini.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, usaha *rejuvenation* ataupun pembangunan semula ini adalah tanggung jawab pihak berkuasa tempatan. Invest adalah agensi mempromosikan sahaja, melainkan ada maklumat diperolehi dan ataupun dibekalkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan maka adalah mustahil untuk Invest untuk melakukan apa-apa tapi buat masa ini kebanyakan tanah di dalam kawasan Petaling Jaya itu nilainya tinggi, maka sebenarnya banyak tanah pemilik tanah di kawasan industri memohon untuk menukar syarat penggunaan tanah. Jadi itu adalah salah satu sebabnya tidak ada industri yang masuk. Yang keduanya adalah bahawa nilai tanah itu mahal maka pelabur tidak berniat tidak berminat dan mereka tidak mahu melaburkan terlalu banyak kewangan kos mereka ke atas tanah maka pilihan mereka adalah di luar Petaling Jaya.

TUAN SPEAKER : Seri Setia

Y.B. TUAN HALMEY BIN ABU BAKAR : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Yang Berhormat EXCO saya nak bertanya adakah yang ini termasuk dalam kawasan perdagangan bebas Sungai Way sebagai mana dalam perbincangan saya yang mana akan dimajukan. Sebab dalam kawasan ini banyak kilang-kilang tutup, dan ada yang berpindah ke luar Petaling Jaya. Yang keduanya selain daripada kawasan industri ini juga yang paling pentingnya adalah jalan masuk yang ini kena lihat kadang-kadang *facility*nya pun agak teruk di kawasan-kawasan industri. Terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Seperti yang saya sebut tadi, isu pembangunan infra nya adalah isu dia Pihak Berkuasa Tempatan jadi Invest Selangor

tidak ada kuasa ke atas perkara ini. Berkenaan dengan kawasan zon bebas yang ada kilang yang tutup dan sebagainya itu disebabkan sebelum ini kebanyakan industri ataupun kilang yang berada dalam zon bebas itu adalah kilang elektrik yang menggunakan banyak tenaga kerja. Jadi *labour intensive* sudah tidak *feasible* dalam Malaysia ini khususnya dalam Selangor maka yang ditutup ini, dia pergi keluar negara seperti di Vietnam di mana kos tenaga kerja dia adalah murah. Yang keduanya ada yang bergabung dengan kilang mereka di tempat lain seperti di Pulau Pinang jadi itu antara sebabnya kilang-kilang itu tutup dan di situ adalah zon bebas. Jadi ia pelabur yang datang industrinya mesti memerlukan *facility* ataupun kemudahan zon bebas kalau tidak dia tidak perlu ke kawasan zon bebas. Jadi itu menyebabkan lain di kawasan industri di luar zon bebas itu.

TUAN SPEAKER : Silakan, Seri Setia.

Y.B. TUAN HALMEY BIN ABU BAKAR : Maksudnya kawasan itu hanya untuk sesuatu yang diperuntukkan kilangnya ataupun bila dan berpindah boleh tak kilang lain ataupun pelabur lain buka kilang di situ ataupun memang ditetapkan hanya tertentu sahaja.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Sebenarnya kilang tidak menghalang kilang lain untuk pindah masuk tapi kilang yang masuk dia mesti memerlukan *facility* cukai, cukai bebas, bebas cukai, jadi kalau dia tidak perlukan *facility* cukai bebas tak perlu dia masuk situ. Sudah tentu kawasan itu mahal, sebab ia ada pengecualian cukai jadi sebab itu dan tanah di situ bukan tanah kerajaan, tanah di situ tanah milikan persediaan juga, jadi dia mesti cari yang pembeli yang lain yang berminat untuk mendapatkan pengecualian cukai baru dia masuk. Jadi dia bukan kawasan *industrial* yang lain dia juga tanah milik persendirian tapi dia ada kemudahan pengecualian cukai jadi kena ada industri yang boleh diberikan pengecualian cukai oleh pihak MIDA yang sudi masuk. Jadi kita kena tunggu masanya kadang-kadang senang kita nak cari pelabur yang nak beli tanah atau mempunyai tanah yang begitu besar, sebab sebelum ini setiap keping tanah besar sebab industri-industri *labour intensive* jadi kilang kena besar. Jadi sekarang ini banyak industri 4.0 kilang kecil tak boleh tapi dia nak sewa tanah besar ini tak sesuai jadi banyak isu bukan soal sama ada kita boleh menarik pelabur atau tidak kena mendapat pelabur yang sesuai industri memerlukan kemudahan bebas cukai itu isunya.

TUAN SPEAKER : Batang Kali

Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Batang Kali ini mencelah sikit di mana kawasan Bukit Beruntung Sentosa

begitu banyak kilang-kilang terbiar. Adakah hasrat Kerajaan Negeri untuk membawa pelabur-pelabur ke kawasan Sentosa Bukit Beruntung ini yang kita tahu bahawa lembah sudah pun dihimpit dengan pembangunan ataupun ada usaha-usaha untuk membaiki kawasan terbiar begitu banyak Bukit Sentosa, Bukit Beruntung terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, kawasan industri dia ada banyak faktor, umpamanya sebentar tadi saya telah merasmikan upacara pecah tanah untuk satu Syarikat daripada Jepun Dai Wah House Company Limited, tanahnya berada di Kota Kemuning, tanah mahal 7.5 ekar untuk dibuat logistik hub dan syarikat ini juga sudah membeli sekeping tanah di sebelahnya, saya dimaklumkan dalam lebih kurang 100 juta dia belanja untuk membeli tanah tersebut. Jadi walaupun tanah itu mahal tapi pelabur sudi masuk sebab dia ada kemudahan lain, dia ada sokongan lain dia dekat dengan pelabuhan dia ada ikut sistem. Di Bukit Beruntung masalah tidak ikut sistem lagi, bukan senang dia nak pergi situ, nak bawa pelabur bukan senang jadi walau bagaimanapun di kawasan Serendah yang berdekatan dengan Bukit Beruntung sudah dibangunkan sebagai kawasan perindustrian untuk ero angkasa dan juga auto mobil di mana kita ada kilang Perodua di situ dan ada satu dua lagi kereta jenama yang agak terkenal juga, juga bercadang untuk pindah ke situ. Jadi juga mengharapkan bila ini dibangunkan maka dia dapat menarik *supplier-supplier* yang dapat mewujudkan eko sistem di situ. Jadi itu juga memerlukan sedikit masa. Untuk UMW yang berada di Serendah walaupun kilang sekarang ini hanya 20 ekar tapi di sebelah kilang itu adalah 800 yang dibangunkan oleh UMW itu sendiri untuk dijadikan sendiri *high value park* jadi itu juga akan menggalakkan yang ekosistemnya yang *supplier* masuk supaya *up and down stream* mungkin akan juga akan cari tanah di situ dan dengan itu kita dapat membawa kilang atau pelabur untuk masuk ke kawasan ini kalau hanya kita nak usahakan sendiri Kerajaan tidak dapat kita juga kena lihat apa itu apa yang diperlukan keperluan pelabur itu sendiri. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Jeram

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan Jeram no. 36.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK : KEMUDAHAN SUKAN

35. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar?

- a) Berapakah peruntukan Kerajaan Negeri untuk pembangunan sukan di Selangor?
- b) Berapakah peruntukan bagi setiap DUN untuk pembangunan sukan?
- c) Apakah hasrat Kerajaan Negeri bagi menyediakan kemudahan sukan di luar Bandar seperti DUN Jeram?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Jeram atas soalan yang telah dikemukakan. Ahli Yang Berhormat sekalian, untuk tahun 2018 Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sejumlah RM9.5 juta yang merangkumi kerja-kerja membaiki pulih dan menaik taraf padang Sultan Sulaiman Klang, projek membaiki pulih dewan gimnastik di Sekolah Yok Kwan Sekinchan dan projek menaik taraf dan membaiki pulih Kompleks Shah Alam ataupun KSSA. Di samping itu Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM2.24 juta untuk membaiki kemudahan sukan di Negeri Selangor termasuk peruntukan untuk membaiki kemudahan-kemudahan sukan di peringkat DUN telah dinaikkan daripada 20 ribu kepada 40 ribu bagi setiap Dewan Undangan Negeri termasuk DUN Jeram yang akan dilaksanakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah. Untuk makluman Kerajaan Negeri daripada masa ke semasa mendapatkan maklum balas data dan status kemudahan sukan di Negeri Selangor dalam usaha untuk memastikan kemudahan-kemudahan sukan tersebut dapat di naik taraf seterusnya digunakan untuk tujuan aktiviti sukan dan kemasyarakatan. Walau bagaimanapun projek-projek pembangunan infrastruktur akan diutamakan kepada kemudahan-kemudahan sukan kritikal dan perlu dinaiktarafkan segera. Untuk tahun 2019 sebagaimana yang tertakluk dalam buku tersebut sebanyak 3.2 akan digunakan untuk menaik taraf kemudahan sukan iaitu kemudahan-kemudahan sukan di peringkat DUN dan beberapa kemudahan sukan seperti stadium dan pusat sukan yang besar untuk kegunaan berdasarkan daripada senarai semak Unit Perancang Ekonomi. Sementara itu untuk program pembangunan aktiviti sukan sebanyak 7 juta kita peruntukan untuk tahun 2019. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Silakan Jeram

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Di kesempatan ini juga saya ingin Dato' Menteri Besar berkenaan dengan Kelab Shah Alam. Di mana ada kemudahan sukan juga, sekiranya diberi peluang kepada Ahli Dewan untuk menjadi *membership* diberi *membership* senang macam saya dan Templer berenang di situ. Jadi secara tidak langsung menggalakkan Ahli Dewan juga untuk bersukan. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih boleh dipertimbangkan saya selaku Menteri Besar selaku Pengerusi Kelab Shah Alam. Ahli Yang Berhormat sekalian namun begitu saya nak jelaskan kedudukannya tidak lah terlalu *street to the point* dari segi aset dan milikan itu adalah milikan Kerajaan Negeri sebab dia berdiri di tapak lain. Bangunan itu kemudian dibina oleh Kerajaan Negeri. Tapi malangnya pengurusannya memang *chairmannya* adalah Menteri Besar tetapi kita selaraskan balik sebab ada beberapa isu-isu infrastruktur yang agak besar, melibatkan Kelab Shah Alam iaitu melibatkan rekahan tanah dan juga mendapan tanah di beberapa kawasan. Inn Shah Allah kalau pengurusannya berjaya diselesaikan keseluruhan dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan Setiausaha Kerajaan Negeri hak milik nya dapat dimuktamadkan keanggotaan dapat dimurnikan saya percaya boleh digunakan terutamanya untuk kemudahan DUN mahupun penjawat awam di Negeri Selangor. Terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Bukit Lanjan

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Tuan Speaker. Baru-baru ini Menteri Pendidikan telah mengesyorkan bahawa renang dijadikan sebagai satu sukan yang harus dijalankan di peringkat sekolah-sekolah. Saya mendapati bahawa di Negeri Selangor, walaupun kita ada 12 PBT tetapi kalau saya tidak silap hanya 4 PBT yang mempunyai kolam renang awam iaitu di MBPJ, MBSA, MPK dan MPSJ. Jadi adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk menambah lagi kolam-kolam renang khas di PBT atau pun di kawasan Majlis Daerah.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih. Memang ada tetapi kosnya agak tinggi dan terlalu tinggi, justeru kalau saya tak cadangkan guna hotel lah sebab kurang sesuai. Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, namun begitu di beberapa Majlis seperti MPS sebagai contoh Majlis Perbandaran Selayang yang mempunyai kemudahan kolam renang tersebut ia adalah usaha daripada Pihak Berkuasa Tempatan tersebut ketika membina. Ia bukan dibina oleh Kerajaan Negeri kecuali di Pusat Akuatik Shah Alam di mana Pusat Akuatik Shah Alam itu memang Pusat Kecemerlangan Renang Peringkat Negeri. Namun begitu kalau pihak Majlis-majlis Tempatan, Majlis Perbandaran terutamanya di daerah ada cadangan-cadangan tertentu Kerajaan Negeri sangat menggalakkan apa tah lagi Pihak MSN dan ia boleh membantu kita. Setakat ini kita tidak ada kemampuan lagi untuk membina sendiri pusat di setiap daerah atau pun di setiap majlis-majlis daerah. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih Tuan Speaker. Ijok ingin menanya Kerajaan Negeri Selangor dulu saya nak tumpukan kepada sukan bola sepak. Pada tahun 60an, 70an memang pasukan Negeri Selangor di gerun di Malaysia ni tetapi kebelakangan memang satu pasukan yang boleh dikatakan lemah. Jadi apa langkah-langkah Kerajaan Negeri Selangor untuk nak naik meningkatkan kegemilangan bola sepak di Negeri Selangor.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih. Kalau ikut rekodnya sebenarnya tahun lepas, tahun lepas, tahun.. eh bukan tahun lepas, tahun ini maafkan saya, *season* ini yang telah berakhir 2018. Pencapaian keseluruhan pasukan-pasukan bola sepak yang berasaskan Negeri Selangor tidak lah terlalu buruk. Walaupun pencapaiannya tidak segemilang 60an dan 70an dulu kerana di tahun-tahun tersebut memang kita merupakan kuasa besar dan tidak ada yang mampu menandingi. Saya sebutkan di sini ya, tahun ini Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Pasukan PKNS (FC) telah mencatatkan tempat ke tiga dalam Liga Super dan ini merupakan pencapaian terbaik PKNS sepanjang menyertai Kejohanan Bola Sepak Malaysia.

Kedua, Selangor United yang disertai oleh Persatuan Bola Sepak Melayu yang turut dibiayai oleh Kerajaan Negeri mampu menduduki tempat kedua dan seterusnya layak ke Liga Perdana. Jadi tahun depan kita ada pasukan di Liga Perdana yang asasnya adalah Persatuan Bola Sepak Melayu dan sudah pasti Pasukan Bola Sepak FAS yang berdepan dengan masalah pengurusan, itu dan ini dan sebagainya pada tahun ini dan kemudian telah beralih kepimpinan telah layak ke pertandingan akhir Piala FA dan juga layak di peringkat suku akhir ataupun peringkat kumpulan di Piala Malaysia. Pencapaiannya tidak lah segemilang sebelum ini kerana ada beberapa pasukan yang telah mengubah struktur pentadbiran bola sepak. Saya sebutkan tadi ya, PKNS, Persatuan Bola Sepak Melayu, FAS. Mereka terurus secara terpisah-pisah dan terpecah. Bila terpecah kita tidak dapat *consolidate* daripada segi kedudukan kewangan mereka.

Dua pasukan terbaik dan berjaya tahun ini ialah Pasukan Terengganu. Terengganu layak menang di Piala Presiden. Layak di pertandingan Piala Malaysia dan menduduki tempat yang agak baik dalam Liga ya. Mengapa mereka berubah sebab mereka telah meleburkan semua entiti-entiti bola sepak diletakkan di bawah satu payung. Iaitu Persatuan Bola Sepak dan pasukan yang sangat berjaya ketika ini, JDT juga menggunakan format tersebut. Untuk tahun 2019 kita belum lagi mampu meleburkan sebab ada beberapa isu pengurusan melibatkan pengurusan seperti PKNS, Selangor United dan FAS. Harapan kita tahun 2020 nanti semuanya akan dileburkan, diletakkan

di bawah satu payung di mana penstrukturan ini akan menjadikan kita mempunyai *consolidated fund*, dengan izin, wang yang terkumpul dan kita mempunyai sistem pengurusan pembangunan bola sepak yang satu dan tidak terpisah-pisah antara satu sama lain. Minta maaf saya nak tambah juga, PKNS tahun lepas menang Piala Belia di bawah 19 tahun ataupun Piala Remaja bawah 19 tahun. Ini menunjukkan bahawa ada asas cuma tidak disusun dan di struktur dengan baik. Itu asasnya selain daripada peruntukan kewangan. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD. SHAID B. ROSLI : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Kota Damansara.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya berkenaan dengan di Kota Damansara Seksyen 10 bersebelahan dengan Pangsapuri D'Rozele ada digazetkan tanah untuk dijadikan kompleks sukan. Saya mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Sungai Tua. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan kompleks sukan tersebut jika diteruskan ataupun alternatif lain kerana di Kota Damansara tidak ada kompleks sukan yang sempurna. Itu soalan saya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih. Bila telah digazetkan sebagai kompleks sukan maknanya Pihak Berkuasa Tempatan ataupun mana-mana pihak boleh mencadangkan untuk pembinaan kompleks sukan di tanah dan kawasan tersebut. Setakat ini pihak Kerajaan belum ada plan dan perancangan untuk membangunkan kawasan tersebut kerana kalau ikutkan setiap DUN Sg. Tua pun tidak ada kompleks sukan. Jadi kita bukan lihat kepada tengok DUN tetapi melihat kepada kemampuan dan juga kesesuaian kawasan-kawasan tersebut. Saya menyokong penuh kalau ada mana-mana pihak yang ingin membina terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan, MBPJ ataupun pihak swasta yang ingin membina untuk keperluan dan kemudahan penduduk. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD. SHAID B. ROSLI : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Jeram.

Y.B. TUAN MOHD. SHAID B. ROSLI : Speaker di kesempatan ini saya hendak bertanya kepada Sungai Tua. Kita sedia maklum kita merosot pencapaian dalam SUKMA ya jadi adakah Kerajaan Selangor berhasrat untuk memberikan ruang dengan peluang kepada Ahli Dewan Yang Berhormat untuk turut serta sebagai Penasihat untuk semua sukan yang dianjurkan di SUKMA. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ya, kita gagal untuk mencapai sasaran menjadi juara keseluruhan dan hanya mampu di kedudukan tempat ketiga dan ini adalah lumrah biasa bagi kedudukan-kedudukan Selangor. Kalau tidak tempat pertama, kedua, ketiga, ke empat dan paling buruk kedudukan kita adalah tempat ke lima pada tahun 1995.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pencapaian sukan bergantung kepada pembangunan. Pembangunan mengambil proses yang panjang. Pembangunan tidak akan boleh selesai dalam tempoh dua tahun kadang-kadang ia mengambil tempoh lapan, sembilan tahun. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mulai tahun 2016

Y.B. TUAN MOHD. SHAID B. ROSLI : ingin mencelah.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: belum, belum.. kejam, belum habis. Tahun 2016 kita dah anjurkan PLD-PLD. Pusat-pusat Latihan Daerah dan mereka baru bermula 2016 dan 2018 itu kita baru mengesan bakat-bakat muda yang sangat *reborn* dengan izin untuk dibangunkan dan dibugarkan. Untuk peranan Ahli-ahli Dewan Negeri saya sedia menyambut baik mungkin boleh terlibat dengan Persatuan ataupun sebagainya tapi saya mahu mereka yang betul-betul minat bukan atas sebab keinginan dan juga atas sebab kedudukan politik. Siapa-siapa yang minat dan ada kecenderungan dalam bidang sukan sepatutnya digalakkan. Kita bukan terlalu regit itu yang pertama.

Yang kedua, kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat juga minat untuk memberikan sumbangan terutamanya PLD-PLD kita boleh senaraikan dan boleh jadikan anak angkat kerana di sana mereka juga memerlukan bantuan kerana kebanyakan PLD kita ini adalah di sekolah-sekolah. Di sekolah-sekolah tertentu untuk membina *niche* dan juga program pembangunan sukan tertentu yang telah kita mulakan sejak daripada 2016. Terima kasih.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Permatang.

Y.B. PUAN ROZANA BT. ZAINAL ABIDIN : Terima kasih Tuan Speaker.
Soalan saya No. 37.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BT. ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan bilangan unit rumah Selangorku pelbagai jenis yang telah siap dan diduduki semenjak ia dilancarkan.
- b) Berapa unitkah sasaran Kerajaan Negeri untuk rumah Selangorku disiapkan sehingga tahun 2021?
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina lebih banyak rumah Selangorku dalam kawasan ini untuk memenuhi keperluan penduduk?

Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA : Terima kasih Tuan Speaker dan juga Permatang yang membangkitkan berkaitan dengan Rumah Selangorku yang telah siap dan diduduki. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Projek Rumah Mampu Milik kalau di Selangor dipanggil Rumah Selangorku sebenarnya di peringkat Persekutuan juga ada Rumah Mampu Milik dibina dan unit-unit ini dipanggil Rumah Prima. Saya akan bacakan bilangan unit-unit yang telah siap dalam pembinaan dan seterusnya jumlah keseluruhan. Bagi rumah-rumah Prima terdapat 3,942 unit yang masih dalam pembinaan dan 35,530 dalam perancangan. Jadi jumlah keseluruhan Rumah Prima di Selangor adalah sebanyak 39,472.

Bagi Rumah Selangorku terdapat 6,303 yang sudah siap dibina. 24,389 dalam pembinaan dan 74,572 dalam perancangan. Jadi jumlah keseluruhannya adalah 105,264. Jadi pecahannya nanti saya akan kemukakan lah kepada Permatang hanya jumlah ia untuk unit-unit RSKU tersebut dia dijangka siap pada tahun 2021 dan dia melibatkan sebanyak 39 projek kesemuanya. Itu sahaja. Terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD. SHAID B. ROSLI : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Jeram.

Y.B. TUAN MOHD. SHAID B. ROSLI : Yang Hormat nak tanya berkenaan dengan Rumah Selangorku adakah diberikan kuota kepada ADUN-ADUN Kawasan. Ini kerana kita sedia maklum di kawasan kita sendiri golongan B40 ataupun belia-belia yang mana yang susah untuk mendapatkan rumah. Kita sedia maklum permohonannya melalui online tetapi sekiranya ada sedikit kelonggaran kepada ADUN-ADUN Kawasan untuk memberi peluang kepada orang tempatan sendiri. Ini kerana

permohonan selepas tiga bulan ya automatik, tiga bulan tak silap dia automatik terkeluar pada sistem. Jadi ramai yang datang ke pejabat ADUN untuk bertanyakan perkara ini yang berulang kali berlaku. Jadi mohon pertimbangan ataupun cadangan.

Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA : Jeram minta kuota ya untuk Rumah Selangorku. Kita tidak ada kuota sebab cara pemilihan mereka yang layak untuk mendapat RSKU ni juga dijalankan oleh sistem bermerit. Maknanya tak ada campur tangan manusia untuk membuat apa-apa ini lah mungkin memberi kepada pihak yang kroni dan sebagainya. Jadi semua mendapat layanan yang sama mengikut maknanya kalau meritnya lebih tinggi kalau sekiranya OKU contohnya ataupun Ibu Tunggal ataupun pendapatannya berbanding tanggungannya ya ramai tanggungannya berbanding dengan pendapatan. Jadi sistem yang akan menentukan. Jadi kita tidak bagi kuota kepada ADUN. Minta Maaf.

Y.B. TUAN MOHD. SHAID B. ROSLI : Tuan Speaker, memang tidak ada kuota kita sedia maklum sebab tu di sini saya menanyakan kuota sebab apa benda ni kalau melalui sistem sahaja memang ada satu ketelusan saya tak nafikan tetapi soalnya jumlah permohonan itu terlalu ramai. Jadi mungkin di kawasan saya mungkin lah langsung tak ada yang dapat. Kalau boleh Yang Berhormat berikan statistik setiap DUN berapa orang yang berjaya dapat jadi senang untuk semua ADUN-ADUN tahu berapa ramaikan di kalangan kawasan mereka telah berjaya. Terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA : Baik. Kalau statistik tu kita boleh ambil lah daripada sistem tapi sekarang ni saya tidak ada maklumat tersebut. Kita akan cuba bekalkan kepada Jeram.

TUAN SPEAKER : Bandar Utama.

Y.B. PUAN JAMALIAH BT. JAMALUDDIN : Terima kasih Tuan Speaker. Saya pun sebenarnya nak bertanya sebab agak berminat dengan proses penyaringan pemohon kerana saya dapat tahu banyak pemohon yang telah lama menunggu. Jadi saya cuma nak tahu bagaimanakah proses penyaringan tersebut dalam sistem itu yang biasanya berapakah jangka masa pemohon itu perlu tunggu sebelum mengetahui keputusan. Terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA : Saya ada juga soalan berkaitan dengan penyaringan nanti saya jawab bila tiba ke bahagian tersebut. Boleh?

TUAN SPEAKER : Batang Kali.

Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker bagi saya peluang kedua. Saya ucap terima kasih di atas usaha untuk buat Rumah Selangorku ini tetapi dalam penelitian saya harga rumah tersebut bukan lah harga yang cantik untuk golongan B40 memilikinya. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengadakan semula skim rumah seperti yang terdahulu di mana rumah dibina *landed property* dengan izin. Harga yang sesuai, mampu dimiliki oleh orang yang berkenaan, golongan yang berkenaan terutama di kawasan-kawasan yang kita masih ada tanah yang boleh kita bina rumah-rumah tersebut mungkin kita boleh ada usaha sama dengan mana-mana pihak untuk mewujudkan rumah yang mampu milik terutama oleh B40. Saya melihat di kawasan saya terutamanya di Batang Kali, Bukit Beruntung, Sentosa kita rasa sedih dengan rumah yang bertingkat-tingkat tidak ada tempat dan sebagainya. Kalau keadaan yang terdahulu kita tengok ada rumah yang dibina dengan harga yang patut mampu dimiliki oleh golongan B40 kemudian mereka ada kawasan sedikit di belakang dan di depan untuk mereka cucuk tanam. Tanam cili ke dan sebagainya.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat ringkas. Ini soalan tambahan bukan perbahasan.

Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR : Ok saya mohon jika ada rancangan Kerajaan

Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA : Baik bagi golongan yang belum ada kemampuan untuk membeli unit-unit rumah Kerajaan Negeri juga mempunyai satu skim kita panggil Skim Smart Sewa di mana mereka boleh menyewa dan sewaan yang dibayar untuk tempoh lima tahun tersebut selepas dia lunaskan segala bayaran apa tu selenggara dia akan pulangkan kembali 30% daripada sewa tersebut yang boleh digunakan sebagai bayaran muka lah untuk membeli unit rumah. Di samping itu, kita juga ada kerjasama dengan pihak Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk pembinaan Rumah PPR ya setakat ini kita ada beberapa tempat PPR yang kita tawarkan untuk disewakan. Jadi tidak semestinya kalau tidak ada kemampuan tidak boleh apa tu menduduki rumah yang maknanya yang selesa lah. Jadi kita sediakan unit-unit untuk disewakan. Jadi bila sudah ada kemampuan kemudian maka dia akan ditawarkanlah Rumah Selangorku.

Jadi untuk pengetahuan Yang Berhormat, unit yang ataupun jenis RSKU yang paling rendah harganya adalah RM42,000.00. Jadi ini sebenarnya tidak ada lagi kalau zaman ini ya pada masa ini nilai rumah yang harganya begitu rendah jadi ini harga kawalan yang Kerajaan Negeri syaratkan kepada pemaju untuk bina khusus untuk pembeli rumah *first time owners* lah dan juga termasuk di bawah golongan B40.

TUAN SPEAKER : Sungai Pelek. Orak teeko (Bahasa Jawa). Tak Hadir. Sibuk hah. Teruskan. Kempen. Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya soalan 39.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN AHMAD HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : DASAR PENGURUSAN KAMPUNG TRADISI

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah garis panduan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)?
- b) Adakah garis panduan sedia ada yang boleh dirujuk?
- c) Adakah Kerajaan Negeri bercadang supaya lantikan Pengerusi MPKK ini berjawatan kontrak?

Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Sijangkang yang bertanya tentang Dasar Pengurusan Kampung Tradisi. Mesyuarat Jemaah-jemaah Menteri pada 27 Jun 2018 telah bersetuju bahawa Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) akan dijenamakan semula dengan nama baru iaitu Majlis Pengurusan Komuniti Kampung ataupun singkatannya MPKK. Selaras dengan keputusan tersebut pihak Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 19 September 2018 telah bersetuju untuk menggunakan pakai nama Majlis Pengurusan Komuniti Kampung bagi menggantikan Jawatankuasa Kemajuan Kampung yang telah pun diguna pakai selama ini. Jadi pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar ataupun KPLB belum tamatkan lagi garis panduan dan tatacara berkaitan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung ini jadi saya tiada maklumat sebenarnya yang terkini untuk diberikan kepada Yang Berhormat apakah garis panduan yang telah pun diputuskan. Dalam pada masa itu, MMKN yang bersidang pada 19 September 2018 bersetuju supaya kajian dan penelitian semula terhadap garis panduan sedia ada perlu dilakukan dan kini ianya berada di peringkat akhir untuk dimuktamadkan.

Pihak Kerajaan Negeri juga akan menyelaras garis panduan tersebut supaya ianya selari dengan tatacara ataupun panduan yang akan dikeluarkan oleh Kementerian

Pembangunan Luar Bandar. Untuk maklumat Yang Berhormat, kuasa dan urusan pelantikan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung masih kekal di bawah Kerajaan Negeri manakala dasar dan tatacara sahaja ianya di bawah pengurusan MPKK yang dikawal selia oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Untuk soalan yang kedua, pada ketika ini pelantikan dan perihal yang berkaitan dengan perkhidmatan Ketua Kampung masih menggunakan pakai Manual Panduan Kerja Jawatankuasa Kemajuan Kampung Negeri Selangor yang dikeluarkan pada 2001 yang lepas dan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri juga menguatkuasakan ianya dipakai sementara MPKK garis panduan daripada KPLB telah dirujuk. Walau bagaimanapun bagi garis panduan sedia ada yang telah dikeluarkan 2001, Kerajaan Negeri kini dalam proses akhir ya telah beberapa kali mesyuarat tentang memurnikan garis panduan sedia ada dan ianya proses akhir membuat semakan dan penelitian terhadap garis panduan dan in shaa Allah ianya akan dibentangkan semula. Kita mengharapkan jika Pihak Kementerian Luar Bandar selaras dengan ataupun dapat menyelesaikan perkara yang sama pada tahun ini, in shaa Allah pada awal tahun depan garis panduan baru akan dikeluarkan.

Untuk soalan yang ketiga, Ketua Kampung seperti mana maklum adalah individu yang dilantik oleh Kerajaan Negeri bagi memimpin dan mengetuai sesuatu kampung di negeri Selangor. Pelantikan Ketua Kampung juga sekarang ini dibuat secara kontrak tetapi *contract for service* dengan izin ataupun dalam Bahasa Melayunya kontrak untuk pelantikan ya, ia telah pun dilantik sebenarnya sebagai di dalam perkhidmatan ataupun kontrak dan yang mana saya dimaklumkan mana-mana kelayakan dan peraturan yang terpakai untuk penjawat awam tidak terpakai ke atas Ketua Kampung kerana ianya adalah pelantikan sebagai *contract for service*.

Jadi seterusnya seseorang yang dilantik untuk menjawat jawatan sebagai Ketua Kampung Tradisi juga akan menyandang automatik sebagai Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung. Sekian, itu sahaja. Terima kasih.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker. Pertamanya saya nak ucapkan Tahniah kepada Kerajaan pada hari ni kerana berjaya untuk melantik beberapa Ketua Kampung daripada kalangan wanita. Cuma saya maklum tadi bahawa pengurusannya menggunakan garis panduan yang sedia ada dan saya kira penelitian dan beberapa mesyuarat telah diadakan lebih daripada setahun

yang masih belum lagi dimuktamadkan oleh Kerajaan Negeri. Cuma saya melihat kalau seperti negeri Kelantan dan beberapa negeri lain garis panduannya boleh dirujuk dan di situ ada termaktub bahawa pelantikannya boleh juga melantik daripada wanita. Dalam garis panduan kita itu letakkan syarat Ketua Kampung itu adalah seorang yang beristeri, saya khuatir bahawa punca kuasa yang kita pelantikan untuk Ketua Kampung wanita ini masih belum jelas ataupun perlu ada keputusan daripada Mesyuarat Kerajaan Negeri memutuskan bahawa wanita juga boleh dilantik. Apa pendapat daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL : Terima kasih Yang Berhormat Sijangkang. Apa Yang Berhormat utarakan memang perkara yang sebenarnya dalam penelitian kami ya. Beberapa tatacara lama tahun 2001 yang kita telah pun murnikan iaitu satunya kalau dulu pelantikan itu hanya untuk kaum lelaki tetapi sekarang ini disebabkan Kementerian Luar Bandar ataupun Yang Berhormat Menteri telah pun mengumumkan bahawa ianya boleh di kalangan kaum perempuan maka ianya telah diolah. Kita olah bahawa tidak hanya gender itu satu kaum tetapi perempuan juga dibenarkan. Itu pertama.

Yang keduanya di sudut umur ini yang saya kata kita tidak boleh nak keluarkan *final* garis panduan sebab apa? Sebab MPKK atau Kementerian Luar Bandar belum *final*kan lagi. Contoh kalau aspek umur Kerajaan Selangor hanya meletakkan 65 tahun tetapi Kementerian meletakkan 68 tahun ya. Kerajaan Selangor ada dari sudut garis panduannya, garis panduannya menyatakan umur tu kita bermula 30 tahun kan tetapi garis negeri menyatakan lain jadi perbezaan ini yang telah kami murnikan walaupun saya tidak nafikan perkara ini telah dibuat seawal tahun untuk garis panduan ini tetapi bila perubahan Kerajaan Malaysia Baru jadi ianya perlu diselaraskan lagi melihat pada aspek-aspek yang ada. Begitu juga sekarang ini ketetapan bagi Pihak Kementerian Luar Bandar supaya Jawatankuasa itu mesti 11 Biro yang dilaksanakan dan ianya mesti bukan sahaja membolehkan Ketua Kampung atau Pengerusi MPKK di kalangan wanita tetapi 30% daripada Ahli Jawatankuasa itu mestilah juga wanita. Jadi kesesuaian Biro dan sebagainya diletakkan tetapi *concern* ataupun keprihatinan Yang Berhormat Sijangkang bila kita meletakkan ni masalah istilah sahaja lah bila kita katakan pelantikan itu boleh terdiri daripada seorang wanita maka klausa itu jugak kita letak mestilah beristeri atau bersuami. Itu sahaja sudut perubahan yang kita laksanakan. Jadi itu sahaja, sekian. Terima kasih.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Penjelasan sedikit Speaker.

TUAN SPEAKER : Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN AHMAD HAIRI : Cuma kekhuatiran saya apabila kita dah lantik ya saya ingat Yang Berhormat Batu Tiga pun faham dengan beberapa isu yang kita terpaksa hadapi dengan masalah Ketua Kampung dan pelantikan Ketua Kampung ini cuma saya harap kalau garis panduan itu belum lagi dimuktamadkan atau diluluskan oleh Kerajaan Negeri walhal pelantikan itu sudah berlaku dan saya mengharapkan mungkin dia boleh diluluskan dalam masa yang sesegera mungkin. Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL : Yang Berhormat memang kekhuatiran itu begitu juga menjadi kekhuatiran Kerajaan Negeri sebab itu sekarang ini kita sebenarnya memantau ataupun bekerja dekat dengan Kementerian supaya Kementerian juga mengeluarkan garis panduan yang cepat.

Di peringkat Kerajaan Negeri sebenarnya agak muktamad dah apa yang hendak kita laksanakan. Contoh, saya juga ingin ambil kesempatan ini menyatakan bahawa pelantikan Ketua Kampung yang baru, contohnya garis panduan lama tatacara pelantikan itu agak sedikit ke tidak orang kata *flow*nya tidak ataupun alirannya tidak begitu bagus iaitu contohnya setelah seseorang itu memohon, di *interview* lepas itu dipilih bagi *probation* ataupun tempoh 6 tahun eh 6 bulan minta maaf. 6 bulan lepas nak buat perakuan baru kita *check* insolvensi, jenayah dan sebagainya jadi sekarang kita telah pun menukar tatacara tersebut sebelum *interview* ataupun proses menemu duga itu kita perlu membuat saringan ini terlebih dahulu. Jadi ianya tidak timbul kemudian nanti bila nama telah pun dibuat lantikan baru lah timbul dia ni ada masalah tertentu. Duduk luar kampung dan sebagainya yang ditimbulkan. Jadi banyak sebenarnya Pejabat Daerah mengguna pakai tatacara lama semasa pelantikan dibuat pada atau pun temu duga dibuat pada bulan sembilan yang lepas tapi in shaa Allah dengan ada tatacara yang baru ni saya telah pun sebagai wakil kepada Kerajaan Negeri telah pun memastikan tatacara baru ini dapat dibuat secara sebaik mungkin. Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Hulu Klang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Soalan saya di sini adalah berkenaan dengan penukaran nama kepada Majlis Pengurusan. Saya lebih nampak bahawa pendekatannya ialah permuafakatan. Kalau diberi pilihan saya lebih suka dinamakan permuafakatan kerana proses permuafakatan itu adalah proses untuk mendapatkan konsensus tapi persoalan saya yang lebih penting adalah adakah kampung-kampung

yang dipohon kawasan-kawasan yang dipohon untuk dijadikan status kampung tradisi akan diteruskan? Kalau di Hulu Klang dulu sudah jadi Bukit Antarabangsa adalah Kampung Sungai Sering adakah akan dipertimbangkan permohonan untuk menjadikan Kampung Sungai Sering sebagai Kampung Tradisi.

Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL : Ada dua perkara Yang Berhormat Hulu Klang timbulkan. Pertamanya saya tidak ada kuasa untuk menukar nama tersebut kerana nama tersebut diumumkan di dalam kabinet iaitu Majlis Pengurusan Komuniti Kampung jadi kita ambil sahaja maklum perkara tersebut tetapi tentang cadangan untuk Kampung Sungai Sering untuk dimasukkan di dalam Kampung Tradisi ingin saya maklumkan pada Yang Berhormat Hulu Klang bukan sahaja Sungai Sering beberapa kampung di Selangor ini sedang diteliti supaya ianya dimasukkan dalam kategori Kampung Tradisi ya macam baru ni sepatutnya kalau penggal lepas kampung hanya berjumlah Kampung Tradisi hanya 368 tetapi baru-baru ini Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah meluluskan lagi tiga jadi kita telah mempunyai 371 Kampung Tradisi yang telah pun digazetkan di Selangor ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Pelabuhan Klang.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan tambahan saya kepada isu Kampung Tradisi ini ialah tadi Yang Berhormat EXCO memaklumkan ada pertambahan kampung lagi diluluskan sebanyak 3 buah kampung daripada 368 menjadi 371. Soalan saya apakah prosedur untuk kita memohon pertambahan lagi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung ini sebab saya ada sebuah kampung yang terlalu besar iaitu Kampung Telok Gong di mana di dalam Kampung Telok Gong ini sebenarnya terdapat lima buah kampung tetapi Ketua Kampungnya hanya satu sahaja di mana saya melihat dengan isu sekarang yang banyak di sana MPKK ini tidak mampu untuk menguruskan kampung ini. Jadi perlu ada penambahan MPKK. Jadi apakah proses dan prosedur untuk kita menambah MPKK ini.

Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL : Terima kasih Yang Berhormat Pelabuhan Klang. Sebenarnya, alhamdulillah di Selangor ini agak apa orang kata ke depan ya kita telah pun ada pelan hala tuju strategik desa negeri Selangor yang mana pelan ini telah pun menggariskan beberapa kategori kampung yang mana kita lihat kampung-kampung yang dulunya mungkin tidak padat penduduknya ataupun ianya di bawah jumlah 100 ataupun 1,000 penduduk itu ianya boleh di naik taraf ke beberapa kampung atau kampung bandar, kampung warisan. Ada beberapa perkara jadi insyallah sebenarnya kampung-kampung di seluruh Selangor ini dalam penelitian juga untuk kita ada satu pelan strategik masih dalam proses kajian akan dibentangkan tahun

depan. Sebagaimana kita maklum ada kampung-kampung yang jumlah penduduk sudah melebihi 100,000. Itu juga perlu kita ambil maklum sama ada kampung itu perlu di pecahkan atau pun ianya tidak layak dari kampung tetapi ia masuk dalam konteks Taman dan sebagainya tetapi impak itu akan dibuat kajian akan diberikan oleh Jawatankuasa Pembangunan Desa dan Bandar. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ijok

Y.B. TUAN DR IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih Tuan Speaker, dulu di kampung ada pengurusan JKKK dan juga JKPP. Sekarang Putrajaya bawah Pakatan Harapan yang menjadi masalah sekarang Pusat dan Dewan di kampung-kampung. Ijok nak tanha bagaimana negeri untuk mengatasi masalah yang Dewan-dewan dan Pusat-pusat kampung yang masih di pegang oleh JKPP yang enggan memberi kunci kepada ketua-ketua kampung walaupun panah itu milik Kerajaan Selangor. Bagaimana mengatasi?

Y.B. PUAN RODZIAH BT ISMAIL : Terima kasih Yang Berhormat Ijok. Sebenarnya memang tidak dinafikan sekarang bila Kerajaan Negeri dan Persekutuan kita pun telah bersama jadi sepatutnya tidak timbul lagi urusan-urusan yang bertentangan ini tapi saya dimaklumkan di Dewan Yang Mulia Ini bahawa Dewan-dewan seperti KEMAS atau pun Kemajuan Masyarakat di bawah PLB tetapi urusan Dewan-dewan atau pun Jabatan Perpaduan dan sebagainya di bawah Kementerian Dalam Negeri tetapi apa pun baik di mana-mana pun mereka ini terletak di bawah Urus Tadbir di mana Kementerian di bawah urusan siapa pun. Kita di peringkat negeri Selangor telah buat beberapa percubaan khususnya yang digunakan oleh KEMAS dan sebagai jika perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ijok itu berlaku ianya perlu dilaporkan terus kepada pengarah-pengarah yang berkaitan sama ada KEMAS Perpaduannya kerana pertemuan kami setiap bulan dengan Pengarah atau pun Jawatankuasa yang bertanggungjawab ini mereka laporkan. Dan saya tak nafikan ada lagi Dewan-dewan yang masih belum diserahkan. Saya tak nafikan tetapi ini dalam proses untuk kita bukan sahaja tidak diserahkan ia masih mula pakai atau pun meletakkan bendera-bendera yang berdasarkan politik-politik mana-mana politik pun tidak dibenarkan kita nakkan supaya Dewan-dewan Masyarakat ini benar-benar di miliki oleh Masyarakat. Ia tak kira apa-apa ideologi tetapi boleh melaksanakan program dengan sebaik mungkin. Ia bukan dimiliki tetapi diberikan mandat untuk memanfaatkan Dewan-dewan ini. Jadi saya mohon supaya kalau ada perkara ini berhubung terus dengan ketua kampung dan ketua kampung akan menyerahkan perkara ini kepada Pengarah untuk tindakan seterusnya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Pelabuhan Klang.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya no. 40.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PERUMAHAN

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah kerosakan bumbung dan pemendapan tarian di Flat Taman Teluk Gedung Indah Pelabuhan Klang?

Y.B. PUAN HANIZA BIN MOHAMED TALHA : Pelabuhan Klang bertanya berkaitan dengan kerosakan bumbung di Flat Taman Telok Gedung Indah. Pada 1 Mac tahun ini satu lawatan tapak bersama-sama dengan JKR Malaysia (JKR) telah cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur serta Kejuruteraan Geoteknik telah di jalankan bagi menjalankan siasatan awal terhadap kerosakan yang dialami iaitu di Pangsapuri Telok Gedung Indah, Klang. Pihak JKR Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur mengesyorkan supaya melantik juruperunding sivil dan struktur bagi membuat penilaian struktur secara menyeluruh ke atas komponen struktur dan sivil serta anggaran kos pembaikan. Bagi JKR Cawangan Kejuruteraan Geoteknik pula mereka mencadangkan supaya satu siasatan tanah melibatkan *borehole* bagi menentukan mendapan yang telah berlaku dan baki mendapan yang dijangka berlaku. Anggaran kos bagi kerja penyiasatan tanah yang dicadangkan ini adalah dianggarkan sebanyak RM30,000.00.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Soalan tambahan. Terima kasih atas penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat EXCO. Berkenaan dengan flat Taman Telok Gedung Indah Pelabuhan Klang ini saya rasa Kerajaan Negeri perlu membuat satu keputusan dan juta ketetapan sebab lawatan yang dibuat telah pada 1 Mac hari ini sudah masuk November dan akan masuk ke bulan Disember tetapi kalau kita tengok ini sekarang kemendapan berlaku dan ini saya lihat akan membahayakan penduduk-penduduk yang tinggal di dalam kawasan perumahan tersebut. Saya sudah melakukan lawatan juga pada bulan lepas bersama Yang Berhormat EXCO Seri Serdang berkenaan dengan masalah denggi di kawasan flat tersebut. Disebabkan masalah bumbung tidak boleh di baiki kerana ada masalah pemendapan tanah dan sehingga hari ini saya dimaklumkan semalam pemendapan terus berlaku dalam waktu hujan lebat ini dan saya khuatir kalau kita tidak melakukan sesuatu kalau dah runtuh

nanti barulah semua orang kelim kabut dan saya perlu ada satu jawapan sama ada ia boleh terus kekal relevant digunakan atau perlu diruntuhkan atau pun dibina baru. Kena ada satu keputusan yang cepat.

Y.B. PUAN HANIZA BIN MOHAMED TALHA : Baik Pelabuhan Klang saya nampak perkara ini perlu mendapat maklum balas daripada pihak yang berkaitan iaitu bahagian Kejuruteraan dan juga Geoteknik sebab dia melibatkan mendapan tanah. Saya akan berhubung dengan pihak JKR untuk mendapat maklum balas kenapa mereka masih tidak ada semenjak tarikh akhir 1 Mac 2018 ini dan juga PBT yang terlibat.

TUAN SPEAKER : Sentosa.

Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE : Terima kasih Tuan Speaker, selain daripada masalah bumbung dan sebagainya masalah yang dialami oleh penduduk pangsapuri kos rendah ialah pembaziran air di mana paip air yang connect ke tangki utama mereka bocor berbulan-bulan. Apakah tanggungjawab atau pun air Selangor untuk memastikan pembaziran air ini walaupun TNB perlu membaiki kerana ketiadaan dana Kerajaan Negeri membantu atau minta air Selangor untuk memperbaiki dan caj TNB sementara membantu pembaziran air berbulan-bulan ini. Terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA BIN MOHAMED TALHA : Yang Berhormat Sentosa ini bercakap tentang flat Taman Gedung ke ?

Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE : Bukan sahaja flat Yang Berhormat tetapi masalah.

Y.B. PUAN HANIZA BIN MOHAMED TALHA : Ah, baik sebenarnya Yang Berhormat Sentosa ini membawa perkara yang lain. Hanya saya bagi secara ringkas kalau sekiranya ada kerosakan kepada tangki dan menyebabkan kebocoran. Pihak pengurusan bangunan flat tersebut boleh mohon untuk dibaiki menggunakan skim ceria yang ada di bawah Kerajaan Negeri.

Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Sentosa.

Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R. GEORGE : Tuan Speaker memang ada skim ceria permohonan telah pun dibuat tapi masalahnya air itu ialah keluar membazir so tindakan

air Selangor perlu mereka mengambil tindakan untuk memberhentikan pembaziran air. Terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA BIN MOHAMED TALHA : Saya nampak sebab ini di dalam kawasan apa itu strata jadi maknanya pihak yang berwajib atau pun pihak yang perlu menguruskannya adalah TNB atau pun MC. Jadi saya rasa itu kena jelaslah siapa yang bertanggungjawab. Kalau di luar daripada kawasan pagar atau pun kawasan perumahan bertingkat ini tugas air Selangor.

TUAN SPEAKER : Bandar Utama.

Y.B. PUAN JAMALIAH BT JAMALUDDIN : Terima kasih Tuan Speaker soalan saya 41.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : PELAN TINDAKAN TEKNOLOGI HIJAU NEGERI Selangor 2015 – 2018

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berdasarkan Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor 2015 – 2018 apakah pencapaian utama Kerajaan Negeri Selangor selepas pelan ini diluluskan pada tahun 2015?
- b) Adakah Geran Kecil Teknologi Hijau akan diteruskan dan sekiranya ya, berapakah bajetnya?

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Yang Berhormat Bandar Utama yang bertanya tentang Pelan Tindakan Teknologi Hijau Selangor 2015 – 2018. Tuan Speaker untuk makluman Yang Berhormat Bandar Utama Pelan Tindakan Teknologi Hijau Selangor 2015 – 2018 dah diluluskan pada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 28/2015 pada 2 September 2015. Melalui Pelan Tindakan ini Kerajaan Negeri komited untuk menjadikan Negeri Selangor sebagai negeri Teknologi Hijau dan terdapat 8 tindakan utama di dalam Pelan Tindakan ini yang telah dikenal pasti iaitu:-

- 1) Perbandaran Hijau melalui Bandar Rendah Karbon Selangor.
- 2) Perolehan Hijau Kerajaan
- 3) Pemasangan Rangkaian Pengecaj Kenderaan Elektrik (*Electric Vehicle*) dengan izin di Selangor.
- 4) Penggunaan Kereta Elektrik sebagai kenderaan rasmi Kerajaan Negeri Selangor

- 5) Penggunaan Bas Elektrik bagi Program Bas Percuma di setiap PBT.
- 6) Pemasangan Bumbung Solar bagi perumahan Selangor Ku.
- 7) Bangunan Cepak Tenaga di Bangunan Kerajaan Negeri Selangor.
- 8) Program Penghijauan Taman Industri.

Untuk makluman Yang Berhormat juga berikut adalah pencapaian utama Kerajaan Negeri Selangor ialah Pelan Tindakan Teknologi Hijau Selangor 2015 – 2018.

- 1) Perbandaran Hijau melalui Bandar Rendah Karbon Selangor.
9 daripada 12 PBT yang telah melaksanakan kerangka kerja bandar rendah karbon iaitu low karbon dengan izin low iaitu yang:-
 - i) Majlis Bandaraya Shah Alam
 - ii) Majlis Bandaraya Petaling Jaya
 - iii) Majlis Perbandaran Subang Jaya
 - iv) Majlis Perbandaran Klang
 - v) Majlis Perbandaran Selayang
 - vi) Majlis Perbandaran Ampang Jaya
 - vii) Majlis Perbandaran Sepang
 - viii) Majlis Perbandaran Kajang
 - ix) Majlis Daerah Kuala Langat
- 2) Pemasangan rangkaian pengecaj kenderaan elektrik di Selangor. Sebanyak 190 pengecaj unit Kenderaan elektrik pasang di 88 lokasi di seluruh negeri Selangor.
- 3) Penggunaan Bas Elektrik bagi program bas percuma di PBT sebanyak 44 unit bas elektrik smart Selangor digunakan bagi program bas percuma di Majlis Perbandaran Shah Alam.
- 4) Pemasangan bumbung solar bagi projek perumahan Selangor Ku. Pemasangan bumbung solar bagi projek rumah Selangor Ku di Pangsapuri Puchong Utama di Puchong.
- 5) Bangunan cepak tenaga di bangunan Kerajaan Negeri Selangor

Audit melaksanakan di bangunan Kerajaan Negeri Selangor seperti berikut:-

- 1) Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
- 2) Bangunan Pejabat Daerah dan Tanah Petaling
- 3) Bangunan Pejabat Daerah dan Tanah Klang
- 4) Bangunan Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat

- 5) Bangunan Pejabat Daerah dan Tanah Gombak
- 6) Bangunan Pejabat Daerah dan Tanah Sepang
- 7) Bangunan Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor
- 8) Bangunan Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat
- 9) Bangunan Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor
- 10) Bangunan Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Ber

Untuk soalan yang kedua untuk makluman Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri MMKN ke 1/2018 telah meluluskan cadangan Gerai Kecil Alam Sekitar Dan Teknologi Hijau Negeri Selangor Tahun 2018. Objektif utama program geran kecil alam sekitar dan teknologi hijau ini adalah bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai kepentingan menjaga alam sekitar serta menggalakkan penggunaan teknologi hijau di dalam kehidupan seharian rakyat negeri Selangor. Kerana akan disalurkan kepada komuniti melalui organisasi atau persatuan yang berkaitan bagi membiayai program dan projek berkaitan konservasi alam sekitar dan penggunaan teknologi hijau. Setiap organisasi atau persatuan yang layak akan menerima pembiayaan sehingga RM5000 bagi geran kecil alam sekitar dan RM10000 bagi geran kecil teknologi hijau. Bagi menjayakan program geran kecil ini kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM420,726.80 bagi geran kecil alam sekitar dan sebanyak 244,357 bagi geran kecil teknologi hijau. Sehubungan dengan itu bagi tahun 2019 kerajaan negeri akan meluluskan peruntukan geran kecil teknologi hijau dan geran kecil alam sekitar kepada persatuan-persatuan dan juga badan-badan pencinta alam. Kerajaan negeri akan terus memberikan fokus kepada perkara ke dasar seperti penjanaan *blueprint* teknologi hijau negeri Selangor bagi tahun 2019 sehingga 2023 yang akan menjadi sumber rujukan utama dalam melaksanakan agenda pembangunan teknologi hijau di negeri ini. Dengan cadangan ini kerajaan ini yakin akan menyumbangkan kepada pengurangan karbon bagi mencapai sasaran 40% pengurangan seperti yang telah ditetapkan oleh kerajaan Malaysia. Sekian.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih. Antara pencapaian yang telah dihuraikan tadi ialah 88 lokasi untuk *charge* kereta elektrik. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Exco apakah sasaran baru kerana 88 ini terlalu sedikit tidak dapat mempromosikan ekosistem yang sesuai untuk mempromosikan kenderaan *electric vehicle* di negeri Selangor dan khususnya Lembah Klang. Jadi ada tak sasaran yang lebih realistik mungkin 1000, 2000 atau pun sama bilangan dengan setiap stesen minyak konvensional.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gasing. Soalan sangat bagus. Di mana untuk masa ini 88 lokasi hanya kita memasang di setiap stesen minyak. Yang ini bukan satu cara yang baik. Kerana kalau satu-satu kenderaan *charge* ambil masa tiga, empat jam *so*, kene *queue* panjang. *So*, cadangan kita akan untuk masa akan datang dalam projek-projek baru untuk komersial projek, kita akan mencadangkan kepada pemaju untuk membeli satu *level* atau *basement car park* untuk *charge* kenderaan elektrik. Supaya mereka tidak perlu tunggu lama.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Yang Berhormat mungkin lesen yang diberi kepada setiap *shopping mall* ini boleh dikenakan syarat mesti ada 1% ataupun 2% tempat letak kereta untuk *charging*. Jadi orang boleh *charging* kereta semasa duduk dalam *shopping mall*, ha ni mungkin boleh promosikan kenderaan.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Ini kita kena bincang dengan PBT dan juga Exco yang *in charge*. Kita akan memastikan dalam KM yang baru ini kita akan pastikan projek baru ini boleh memberi *provide* satu *level basement* ataupun *car park* untuk mengecas kereta elektrik ini. Supaya orang awam tidak perlu tunggu semasa mereka beli *shopping*, mereka boleh *charge* kenderaan mereka dengan serentak. Sekian terima kasih.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih Tuan Speaker. Ijok ucapkan tahniah kepada usaha-usaha kerajaan negeri Selangor untuk nak meningkatkan mengurangkan karbon di negeri ini seperti tanam pokok-pokok. Ini satu inisiatif untuk masa hadapan. *Long term*. Tetapi masa sekarang saya ijok dapati bahawa seperti industri kelapa sawit itu salah satu sumber karbon yang amat tinggi. Adakah kerajaan negeri Selangor membuat sesuatu inisiatif untuk nak mengurangkan karbon dalam industri kelapa sawit sebab kalau lalu kat Latar tu, kita nampak asap dari kilang-kilang yang menguruskan kelapa sawit. Yang nombor dua, adakah inisiatif kerajaan negeri Selangor untuk nak mengurangkan karbon seperti lampu elektrik di jalan-jalan raya. Adakah ada rancangan untuk nak mengalih lampu-lampu elektrik di jalan raya kepada solar. Lampu solar yang akan mengurangkan karbon.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih soalan yang ditujukan kepada tentang kesan kilang-kilang kelapa sawit yang menghasilkan asap. Untuk makluman Yang Berhormat di mana Jabatan Alam Sekitar sentiasa memantau keadaan kilang-kilang kelapa sawit ini supaya mereka mematuhi piawaian yang perlu dipatuh. *So*, mereka tak

boleh sewenang-wenangnya untuk mengeluarkan asap-asap yang tidak ditapis melalui mesin-mesin dan juga untuk lampu elektrik di mana cadangan untuk tukar ke solar, ada beberapa PBT telah pun mula ke usaha ini untuk menukar lampu-lampu yang sekarang ini kepada lampu LED yang lebih mesra alam yang boleh mengurangkan *electricity consumption* tu. So, untuk LCD yang dipasang sekarang mereka boleh menjimat sampai 30% hingga 40% penjimatan elektrik. Sekiranya penjimatan ini dapat dilakukan di mana pembebasan karbon ini akan dikurangkan. So, ini usaha-usaha telah dijalankan dari semasa ke semasa. Kita sedang giat jalankan usaha ini.

TUAN SPEAKER : Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN AHMAD HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kajang. Adakah penilaian semula dilakukan kepada keputusan-keputusan untuk pemberian geran kecil teknologi hijau sebelum ini kerana saya dapat maklumat ada kelulusan yang telah diluluskan tetapi tidak mendapat peruntukkan sehingga pada hari ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Apa soalan tadi?

Y.B. DATO' DR. YUNUS BIN AHMAD HAIRI : Maknanya ada penilaian semula kepada geran-geran kecil teknologi hijau yang telah diluluskan sebelum ini kerana ada dapatan yang mengatakan bahawa tidak mendapat peruntukan sehingga pada hari ini.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Yang setakat ini, tak ada, saya rasa tak ada apa-apa *rejection* pun. Kita terima permohonan daripada setiap DUN yang kalau dia menghantar satu program-program ataupun kertas kerja yang boleh diterima oleh kita, kita akan beri laluan geran itu. So, buat masa ini kita sama-sama kita tak *reject* ataupun tidak meluluskan sebarang geran kecil ini. Yang menuju kepada saya, saya akan bagi juga keutamaan.

TUAN SPEAKER : Sungai Ramal.

Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan saya soalan nombor 42 dalam senarai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN MAZWAN BIN JOHAR
(N26 SUNGAI RAMAL)**

TAJUK : KEROSAKAN INFRASTRUKTUR

42. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah jejambat di Persiaran KWSP Sungai Tangkas Bandar Baru Bangi yang kelihatan retak teruk pada zahirnya, masih selamat digunakan oleh orang ramai?
- b) Apakah tindakan untuk menyelesaikan masalah di atas?

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Sungai Ramal. Sungai Ramal bertanya adakah jejambat di persiaran KWSP Sungai Tangkas Bandar Baru Bangi masih selamat digunakan. Tuan Speaker berdasarkan ulasan pihak perunding yang dilantik, jejambat tersebut masih selamat digunakan. Pihak MPKJ juga telah mengambil langkah-langkah sementara dengan mengeluarkan notis arahan kepada semua pemaju yang menggunakan jejambat tersebut agar mematuhi tempoh masa penggunaan kenderaan berat iaitu pada hari Isnin, Rabu dan Jumaat dari jam 10 pagi sehingga 4 petang sahaja. Pihak MPKJ telah melantik perunding dan kontraktor bagi kerja-kerja ujian konkrit ke atas tiang-tiang di bawah jejambat tersebut bagi mengenalpastikan punca keretakan. Sehubungan itu kerja-kerja ujian tersebut dijangka siap pada awal bulan Januari 2019. Terima kasih.

Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Sungai Ramal .

Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR : Terima kasih Tuan Speaker. Yang pertamanya saya sendiri telah bertanya kepada pihak MPKJ, dan saya dimaklumkan pihak perunding telah dilantik untuk memeriksa jambatan itu dan keputusan sedang dikumpulkan data-datanya dijangka siap dalam bulan Februari untuk diberikan kepada para perunding untuk didapatkan dia punya penilaian. Jadi saya keliru apabila dikatakan telah pun dinilai dan selamat digunakan. Sedangkan data masih sedang dikutip untuk jejambat itu. Dan yang keduanya, saya juga ambil maklum tentang had yang dikenakan kepada kenderaan berat untuk menggunakan jambatan itu pada waktu yang tertentu sahaja untuk mengelakkan bebanan yang tinggi kepada jambatan itu. Tetapi adakah penguatkuasaan dilaksanakan sebab daripada pemantauan di bawah didapati tiang yang digunakan untuk menghalang kenderaan berat lalu lintas pun telah ditanggalkan oleh tidak tahu siapa yang tidak bertanggungjawab dan penduduk pun kompelin, kenderaan menggunakan laluan tersebut pada bila-bila masa sahaja tidak mengikut peraturan.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih atas makluman ini. Saya akan minta MPKJ untuk mengadakan pemantauan yang lebih ketat supaya tiada orang yang tidak bertanggungjawab ambil kesempatan untuk salah guna jambat tersebut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Rawang.

Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker soalan saya soalan nombor 43.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PEMBANGUNAN INDUSTRI PELANCONGAN

43. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan tindakan Kerajaan Negeri Selangor untuk membangunkan industri pelancongan.
- b) Apakah perancangan kerajaan untuk membangunkan industri pelancongan di DUN Rawang?
- c) Nyatakan jumlah pekerjaan yang telah dicipta oleh industri pelancongan.

Y.B. DATUK ABDUL RASHID B. ASARI : Terima kasih Yang Berhormat Rawang. Tuan Speaker, ada tiga soalan jawapan untuk soalan pertama kerajaan negeri melalui *Tourism Selangor* telah menjalankan beberapa program di bawah Jabatan Pembangunan Produk Pelancongan. Antara usaha yang telah dijalankan adalah seperti berikut :-

Pertama lawatan teknikal produk pelancongan. Sesi lawatan ini dijalankan sepanjang tahun mengikut jadual dan melibatkan beberapa agensi kerajaan dan swasta yang terlibat mengikut kawasan produk pelancongan yang berpotensi di bangunkan dan dipromosikan. Sebanyak 16 sesi lawatan teknikal telah dijalankan di 16 kawasan pelancongan seluruh negeri Selangor sepanjang tahun 2018 termasuk Taman Rimba Komanwel Bawal.

Yang kedua Program Pembangunan Pakej Produk Pelancongan. Sebanyak 14 pakej pelancongan telah dibangunkan dan dilancarkan mengikut pasaran sepanjang tahun 2018. Ini adalah atas kerjasama *Tourism Selangor* bersama pihak NGO dan juga pihak syarikat pelancongan.

Yang ketiga, program *Host* Komuniti Pemandu Pelancong Negeri Selangor. Program latihan untuk *Host* Komuniti Selangor ini merupakan program pemangkin menggunakan pendekatan komuniti *base tourism delivery management*. Program ini adalah untuk melantik dan melatih pemandu pelancong setempat di seluruh negeri Selangor secara profesional. Program sulung atau *final group* telah dijalankan bagi tiga daerah iaitu Hulu Selangor, Daerah Klang, dan Sabak Bernam. Program ini dianjurkan bagi mencapai manfaat untuk meningkatkan pendapatan komuniti luar bandar. Menjadikan budaya dan warisan setempat sebagai produk pelancongan yang mampan. Menggalakkan komuniti setempat untuk memelihara warisan setempat dan membangunkan produk pelancongan yang mesra dan alam sekitar. Program ini juga akan diaplikasikan kepada daerah yang lain di seluruh negeri Selangor. Yang keempat, program *familiarization tour* ataupun *tantric*. Sesi lawatan *tantric* ini dijalankan sepanjang tahun bersama pihak agensi pelancongan dan media tempatan dan antarabangsa untuk membantu membangunkan pakej pelancongan seterusnya membantu mempromosikan produk pelancongan seluruh negeri Selangor ke pentas global. Sehingga kini sebanyak 21 sesi lawatan *tantric* yang telah dijalankan mengikut kepelbagaian pasaran dan seterusnya membantu membangunkan produk pelancongan di negeri Selangor. Soalan yang kedua, pelbagai usaha yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan negeri Selangor untuk meningkatkan industri pelancongan di DUN Rawang dan kawasan berpotensi tinggi menjadi kawasan pelancongan dan riadah yang menarik antaranya seperti berikut:-

- 1) Pembangunan pelancongan dari segi penyediaan kemudahan infrastruktur yang mesra alam dan mesra pelancong.
- 2) Kemudahan jalan serta akses tempat parkir dan nilai komersial menggambarkan *ex-factor* dan keunikan yang ada di sesuatu tempat yang menjadi tarikan kepada orang ramai untuk datang ke tempat pelancongan.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Selat Klang, pendekkan, masa sudah habis. Sila duduk.

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI: Sikit lagi. Satu.

TUAN SPEAKER: Aaa...

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI: Dan akhir sekali soalan ketiga, mengikut data statistik daripada Jabatan Tenaga Malaysia yang dikeluarkan pada 20 Oktober 2018 jumlah pekerja daripada industri pelancongan menyumbang 23.2% iaitu sebanyak 3.4 juta pekerja daripada keseluruhan daripada bilangan pekerja di Malaysia. Terima Kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa menunjukkan jam 11.30 pagi dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya. Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah menerima surat izin permohonan daripada Yang Berhormat Bandar Baru Klang di bawah Peraturan Tetap 25 Peraturan-Peraturan Dewan Negeri Selangor untuk penerangan diri Mesyuarat Dewan Negeri Selangor pada 28 November 2018 pagi ini menurut Peraturan Tetap 13 iaitu selepas waktu pertanyaan dengan ini saya mengizinkan dan mempersilakan Yang Berhormat Bandar Baru Klang untuk teruskan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Terima kasih Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, semasa menjawab pertanyaan mulut nombor 27 daripada Yang Berhormat Sungai Air Tawar pada Mesyuarat Dewan Negeri pada hari semalam iaitu 27 November 2018 saya telah memaklumkan kepada Dewan Yang Mulia ini bahawa berdasarkan Jabatan Tenaga Semenanjung Malaysia bilangan pekerja yang diberhentikan bagi semula sektor di negeri Selangor bagi tempoh 2016 hingga 2018 adalah seramai 569. Setelah dibuat semakan semula adalah didapati angka yang sebenar adalah 2517. Kesilapan tersebut disebabkan beberapa angka dan jadual yang dibekalkan dan menimbulkan kekeliruan semasa persediaan jawapan kepada pertanyaan tersebut. Saya dengan ini memohon maaf atas kesilapan teknikal. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Baik.

SETIAUSAHA DEWAN:- Peraturan Mesyuarat seterusnya. Sambungan Rang Undang-undang Bekalan 2019 semua peringkat.

TUAN SPEAKER:- Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sekarang saya mempersilakan pihak kerajaan jika hendak menggulung atau hendak memberi apa-apa penjelasan di atas perkara-perkara atau penggulungan. Hari ini sesi berbahasan Rang Undang-undang Bekalan 2019 saya silakan Yang Berhormat Kota Kemuning.

Y.B. GANABATIRAU A/L VERAMAN: Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat - Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa isu ya. Dalam sebenarnya tiada sebarang isu yang dibangkitkan dalam perbahasan pada kali ini

berkenaan STANDCO saya. Walau bagaimanapun, telah melibatkan isu berkenaan tentang Kuil Seafield. Khususnya saya ingin menyatakan perkara berkenaan Yang Berhormat Subang Jaya, Yang Berhormat Kampung Tunku dan ramai lagi Yang Berhormat membangkitkan isu yang berkenaan untuk keprihatinan mereka ahli bomba yang cedera dalam rusuhan di Seafield baru-baru ini. Saya memang prihatin memang seperti hendak Kerajaan Negeri memang rasa bertanggungjawab. Saya bersama Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan ADUN telah melawat beliau di hospital dan juga Dato' Menteri Besar telah menyatakan pendirian beliau supaya kita tanggung dan yang paling penting adalah kami dalam dengan sekutunya / sekali gus mengutuk sekeras-kerasnya tindakan keganasan ini, itu adalah asas ya. Mana-mana pihak yang telah menjadi isu ini sebagai rusuhan atau apa, tapi penjenayah mesti dihukum. Itu adalah asas kena terima. Dalam pada masa itu juga, walaupun saya tidak sebut sebarang kenyataan dalam dewan ini saya telah, laman web saya telah menyatakan berdasarkan dengan video-video dan juga apa juga yang telah dilaporkan malam pada 26 November 2018, pagi ya, 12.00 malam hingga 6.00 pagi apa yang berlaku di mana kita tahu ratusan orang yang berasas yang membawa slogan dan perkataan 'haram' telah memasuki perkarangan kuil yang sepatutnya mereka tidak boleh masuk. Sepatutnya tiada sebab langsung untuk mereka masuk dalam perkarangan kuil dengan membawa senjata yang merbahaya pula. Saya telah berdasarkan kepada yang mereka laungkan saya telah menyatakan kumpulan muslim, saya menyatakan begitu. Dan ia telah menyinggung perasaan ramai dan akhir saya dapat nasihat daripada kawan saya, ramai bukan sahaja setakat barisan Kerajaan malahan saya juga dapat nasihat daripada barisan pembangkang dan kaum-kaum di luar sana. Dan saya memerlukan masa, dalam masa dua jam saya telah menukar kumpulan itu *refer* kepada gengster. Sebab di sini kita maklum bahawa segala keganasan ini berpunya disebabkan berpunca dari kumpulan tersebut. Kalau ini saya nampak esok saya difahamkan parlimen akan membawa usul supaya dibincangkan dengan semua bukan sahaja daripada barisan nasional malah barisan pembangkang bersetuju untuk bersama untuk menghukum sekeras-kerasnya, mana-mana pihak yang membawa satu keadaan rusuhan yang kepada kaum. So saya telah menukarkan daripada kumpulan Islam kepada gengster dan saya juga ingin mohon maaf, mohon maaf sekiranya dia menyinggung mana-mana pihak. Dalam pada itu saya menyeru pada semua pihak dalam menunjukkan keprihatinan kita kepada orang yang telah dcederakan yang mana hendak membuat tugas mereka. Kita juga mengutuk sekeras-kerasnya ratusan orang yang tiada langsung adat atau akhlak baik masuk ke dalam perkarangan kuil. Kita perlu mengutuk dan kita perlu biarkan PDRM mengambil tindakan yang seharusnya kepada semua pihak saya rasa itu yang penting. Saya ingin merujuk Yang Berhormat Sentosa yang menanyakan bagaimana tanah tersebut dan asal usul ini dijual, terjual dan dipindah? Perlu diingatkan di dalam daripada dalam semua waktu tanah ini tidak pernah dimiliki oleh Kerajaan Negeri. Walaupun telah ada keputusan sebelum ini

menyatakan Kerajaan Negeri pada tahun 2001 atau sebelum itu memang ada keputusan semasa estet, *land board* dalam MMKN saya nampak keratan tapi saya tidak dapat mengesahkan sebab baru-baru ini saya dibekalkan tapi bagaimanapun tapak ini pada asasnya memang tidak pernah dimiliki oleh Kerajaan Negeri. Dan Kerajaan Negeri berpendirian secara tegas bahawa sejak mereka ada keputusan mahkamah yang mana keputusan persetujuan/perintah persetujuan yang mana pihak-pihak telah bersetuju untuk memindahkan kuil ini ke tapak yang dipersetujui dengan ada pampasan. Namun disebabkan ada dua pengurusan berbeza dan satu keputusan yang menyatakan oleh Mahkamah satu pengurusan yang mengawal duit. Maka keadaan ini sudah menjadi berubah. Dan keadaan dua hari ini, 25, 26 dan 27 hari ini keadaan telah menyebabkan perkara ini telah dibawa di peringkat atas lagi. Saya percaya semalam saya bersama menteri Yang Amat Berhormat .. dan juga menteri Yang Berhormat maka mereka membawa perkara ini untuk perhatian Perdana Menteri. Saya percaya Kerajaan Negeri akan akur. Setakat ini kami akur dengan keputusan mahkamah sekiranya apa-apa ada arahan daripada Pejabat Perdana Menteri, Kerajaan Negeri akan membuat secara profesional dengan undang-undang yang diperuntukkan. Itu sahaja yang hendak saya bagi tahu. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Silakan Bandar Baru Klang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin mengambil peluang ini untuk membuat penggulungan ke atas beberapa isu yang disentuhkan oleh Yang Berhormat Sungai Air Tawar, Bukit Gasing, Gombak Setia, Meru, Sijangkang, Dusun Tua, Rawang, Seri Setia dan Taman Templer saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat sekalian. Sebelum saya menjurus kepada isu yang telah dibangkitkan saya ingin mengambil sedikit latar belakang dengan usul yang dibuat oleh Jawatankuasa Tetap di bawah saya khususnya yang diusahakan oleh Invest Selangor. Dalam usul yang kita lakukan kita nampak beberapa kemajuan dalam beberapa tahun yang lepas sudah tentu menunjukkan keputusan tersebut sentiasanya disebut tentang angka-angka untuk membuktikan hasil usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dan ini menyebabkan ada pihak tertentu menyebut kita sentiasa berusaha KDNKK ataupun JP sudah tentu itu satu rujukan. Itu adalah satu fakta, satu hakikat yang kukuh dan tidak boleh dinafikan bahawa ada kemajuan. Jadi, umpamanya Selangor pada tahun 2018 sumbangan Selangor pada KDNK adalah sebanyak 22.7% dan kemudiannya kita dapat naikkannya kepada 23% pada KDNK Negara. Ini adalah satu rujukan dan kita buat perbandingan. Tapi tidak semestinya menjadi satu standard. Umpamanya Bukit Gasing kita bandingkan dengan Kuala Lumpur. Slogan itu jika kita melihat angka tersebut KDNK Selangor sendiri. KDNK Selangor kalau ikut Ringgit Malaysia 48,901 ya pada tahun 2017 dan Kuala Lumpur adalah 111,302 berkapital. Berkapital memang banyak mungkin 3 kali tapi hakikatnya jumlahnya adalah kurang daripada Selangor. Apakah

maksud KDNK? Saya tidak berniat untuk memberi kuliah sebab bukan bidang saya, saya tidak layak. Cuma saya memberi kenyataan tafsiran. Tafsiran KDNK adalah jumlah nilai, jumlah nilai dalam mata wang, hasil barangan dan perkhidmatan yang dibekalkan dalam setahun oleh sesebuah negara. Jadi apakah barangan yang kita hasilkan? Kita kira dan kita nilai. Berapakah perkhidmatan yang kita bekalkan. Kita kirakan nilainya dan kita campurkan untuk tempoh sara tahunan untuk satu negara ataupun negeri. Itu adalah hasil. Hasil usaha kita. Hasil usaha kita ni di Selangor kita menyumbang hasil negara sebenarnya 23% sementara Kuala Lumpur hanya 15.1%, berbeza 8% . Itu menunjukkan dari segi jumlahnya kita penyumbang utama tapi bila kita buat berkapital jadi kita hendak tengok secara puratanya dihasilkan oleh setiap orang itu berapa? Itu cuma satu cara untuk melihat tapi hakikatnya bukan semua orang menyumbang sebanyak itu. Ada yang tinggi ada yang rendah. Tapi fakta ini jumlah keseluruhan kita yang paling banyak. Kita harus berbangga kalau tidak, kalau kita tengok berkapital kita ambil negeri China, adalah 12,000 Billion ya, Malaysia 314 bilion, 12,000 Bilion untuk China kita hanya 314. Tapi berkapital kita ada 9844, China KDNK berkapital 8826. Berkapital kita lebih banyak. Adakah kita lebih kuat daripada China? Sudah tentu tidak. Hasil barangannya dengan perkhidmatan China yang dibekalkan lebih jauh besar daripada kita. Tapi kalau kita lihat berkapital kita lebih kuat daripada China. Jika pilihan di negeri Selangor KDNK Selangor kalau ikut nilai Dolar adalah 72 Bilion, China 12 Bilion. Tapi berkapital Selangor berkapital KDNK kita 11,000 USD hanya 8,800. Adakah Selangor lebih kuat daripada China. Sudah tentu tidak tapi jumlah itu yang penting. Dan juga tidak sesuai kalau kita Selangor hendak buat berbandingan dengan Kuala Lumpur. Kuala Lumpur hanyalah satu bandar raya. Kuala Lumpur sebelum ini adalah salah satu bandar raya di Selangor. Kita ada 9 daerah dan 12 PBT. Dan di Selangor tak. Dan di Kuala Lumpur tiada nelayan. sebab di Selangor kita dinilai. Di Selangor bilangan/jumlah petani, nelayan jauh lebih banyak daripada Kuala Lumpur. Jadi kalau kita ambil puratanya, kira hendak lihat KDNK berkapital untuk ukuran sudah tentu ia tidak tepat. Dan juga sebenarnya banyak pelabur asing kilangnya dibina di Selangor, kerja buat di Selangor, hasil produknya di Selangor tetapi ibu pejabatnya di Kuala Lumpur. Jadi semua hasil dikira di Kuala Lumpur, jadi itu yang menjadikan angka ini boleh dijadikan satu rujukan. Sementara itu dalam Selangor, kita telah banyak berusaha, kita tidak mahu dituduh menumpang laba. Yang Berhormat Sungai Tawar mengatakan Selangor menumpang laba, tidak. Kita banyak mengusahakannya kalau kita lihat angka-angka yang kita perolehi angka yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik Malaysia dari segi pembuatan ya tadi saya sebut KDNK Selangor kita menyumbang sebanyak 23% kepada KDNK Negara. Dalam sektor pembuatan kita menyumbangkan sebanyak 23% walaupun di Selangor dia merupakan 29% dan dari segi pertambahannya pertumbuhan ekonomi dalam sektor pembuatan untuk Malaysia hanya 6% tapi Selangor hanya 7.9%. Dalam sector perkhidmatan kita menyumbang daripada 54.5% kepada KDNK Negara dalam bidang perkhidmatan.

Lebih tinggi daripada Kuala Lumpur itu adalah kekuatan kita dan sementara itu juga Selangor selama ini mendapat jumlah bilangan projek yang paling tinggi setiap tahun sekurang-kurangnya 10 tahun yang lalu. Setiap tahun yang paling tinggi dapat projek atas Selangor walaupun dari segi nilai mungkin tidak setinggi negeri yang lain. Tapi jumlahnya yang kita perolehi kalau kita lihat 5 tahun yang lalu 2013 jumlahnya 4 projek yang diluluskan di Selangor adalah 228. 2014 – 229, 2015 – 222, 2016 – 242, 2017 – 202 tidak pernah kurang daripada 200. Sementara itu tidak ada negeri lain yang menjangkau 200 projek berbanding dengan Selangor. Itu kekuatan kita jadi sebab itu saya ingin tegaskan bahawa itu adalah sebenarnya adalah usaha Kerajaan Negeri bersama dan dibantu oleh Kerajaan Persekutuan. Itu tidak boleh dinafikan. Tidak ada isu kita menumpang laba seperti yang disebutkan oleh Sungai Air Tawar walaupun kalau mengikut khas anggaran hasil yang akan diperolehi oleh Selangor pada tahun hadapan adalah lebih kurang 10% pemberian daripada Persekutuan tetapi itu juga tidak mencerminkan apa yang seharusnya diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan. Kita menyumbang 23% kepada KDNK Negara tetapi yang kita terima tidak sampai 2% pun daripada itu. Walaupun jumlah itu merupakan 10% daripada hasil untuk tahun depan. Jadi itu kena dilihat 10% itu bukan datang daripada Persekutuan daripada 23% tersebut. Tak sampai 2% yang datang daripada 23% cuma bila dilihat daripada jumlah yang kita ada nampaknya 10% jadi angka itu tidak boleh dikelirukan. Tuan Timbalan Speaker menjurus kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Air Tawar cadangan untuk mengenakan cukai karbon itu memang satu idea yang boleh diterima namun ia perlu dikaji semula dengan selanjutnya. Audit perlu dibuat oleh Jabatan Alam Sekitar untuk syarikat-syarikat yang terlibat dan mekanisme yang jelas perlu dirangka tentang perlaksanaannya. Notis awalan juga perlu diberi kepada syarikat-syarikat yang terlibat dan dalam pada itu saya juga nak tanya Yang Berhormat Sungai Air Tawar kata bahawa kita jangan kenakan cukai, ia akan membebankan rakyat. Tetapi pada masa yang sama Yang Berhormat Sungai Tawar minta kita kenakan cukai karbon. Cukai karbon walau pun dikenakan kepada industri sudah tentu industri akan pindahkan kepada rakyat. Jadi tidak ada soal kita boleh elak untuk pengecualian cukai kerana hasil kita daripada cukai dan di peringkat negeri kita tidak ada banyak cukai yang boleh dipungut. Cuma sebenarnya buat masa ini satu cukai yang kita pungut iaitu cukai tanah sahaja yang kita pungut. Cukai pendapatan sama ada kita bayar 3% ataupun maksimumnya 26% semuanya dibayar kepada Kerajaan Persekutuan. Sepatutnya sebahagiannya dipulangkan kepada kita daripada 26% cukai pendapatan itu kalau kita tidak minta 23% kalau mengikut kadar KDNK bagilah kata 5% itupun akan memperkayakan Negeri Selangor untuk membantu kita melaksanakan program-program yang diperlukan oleh rakyat. Berkenaan dengan hub aeroangkasa untuk maklumat dewan cadangan untuk menjadikan kawasan lapangan Subang sebagai hub aeroangkasa telah pun dibenarkan, telah pun dimulakan dan digerakkan pada tahun 2016. Ini juga ada usaha yang telah pun dibuat oleh

Kerajaan Negeri bersama dengan Kerajaan Persekutuan bukan sahaja Kerajaan Persekutuan yang melakukannya. Ada satu pelan induk di peringkat Kerajaan Persekutuan. Di Selangor kita berdasarkan pelan tersebut kita berusaha dan saya akan tunjukkan apakah usaha yang kita buat. Sementara itu bukan sahaja kita ada pelan induk di peringkat Kerajaan Persekutuan. Di Selangor kita juga sekarang sedang merangkakan satu pelan induk untuk kita sendiri untuk Negeri Selangor. Itu usaha yang kita buat Kerajaan Negeri berpandangan bahawa kawasan tersebut harus dikekalkan sebagai pusat aktiviti berasaskan industri aeroangkasa seperti pembuatan komponen kapal terbang, nro itu "*maintenance prepare dan overall*", logistic, latihan dan lain-lain yang berkaitan. Selain daripada faktor kemudahan yang sedia ada kawasan tersebut ada beberapa peringkat antarabangsa yang terlibat dalam industri penerbangan seperti GE (Engine Services) , Spirit Ero, Sapura, Airbus Helicopter, Denote Ero dan lain-lain. Walau pun kawasan tersebut akan dibangunkan untuk aktiviti pelaburan dalam industri aero angkasa Kerajaan Negeri tidak mengunjurkan pendapatan hasil negeri yang besar kerana Kerajaan Negeri hanya boleh menjana pendapatan bayaran cukai tanah, cukai pintu dan hasil daripada bayaran lesen-lesen yang berkaitan. Itu pada PBT cukai pintu tidak termasuk dalam Kerajaan Negeri, cukai pintu dan lesen yang berkaitan bayar kepada PBT. Walaupun begitu Kerajaan Negeri sedang mengkaji peluang-peluang yang ada yang berpotensi untuk menjana pendapatan pada Kerajaan Negeri. Kebergantungan pada peruntukan Kerajaan Persekutuan bagi menyalurkan sejumlah peruntukan pada Kerajaan Negeri asas kerana Kerajaan Persekutuan mendapat hasil melalui cukai pendapatan dan cukai perniagaan, cukai barangan serta lain-lain bayaran yang berkaitan melalui aktiviti perniagaan yang dilakukan di Negeri Selangor. Itu yang hanya kita harapkan ada pulangan daripada pihak Kerajaan Persekutuan. Tapi usahanya banyak usaha yang kita lakukan sendiri. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sendiri pun beliau telah membuat rombongan ke Morocco baru-baru ini untuk mendapatkan projek dalam aero angkasa ini. Ingin saya sebutkan beberapa usaha yang dilakukan sebenarnya pada 2016 telah kita mengadakan satu majlis aero angkasa Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Dato' Menteri Besar sendiri. Itu merupakan majlis aero angkasa yang pertama yang dibuat di peringkat Negeri di seluruh Malaysia, kita yang mendahului kerana kita mengetahui bahawa 62% daripada industri aero angkasa ke seluruh Malaysia berada dalam Selangor. Kita memang pelapur sejak sekian lama. Dan kita masih usahakannya untuk mengekalkan kedudukan. Dan usaha ini, usaha kita untuk menumpukan bidang ini bukan bermula pada tahun 2016 telah pun kita tubuhkan pada majlis aero angkasa pada tahun 2016. Tapi usaha kita bermula daripada misi kita ke Mexico pada tahun 2015 dah kita mulakan. Pada 2016 kita buat kali pertama kita pergi London untuk menyertai "*Farm Roadshow*" untuk menemui pelabur-pelabur dalam bidang aero angkasa, sampai situ kita pergi. Satu minggu kita kena berada di situ untuk berjumpa dengan pelabur-pelabur dan juga pemain-pemain

besar seperti Airbus dan sebagainya. 2017 kita berada di LIMA, kita berada di Paris Airshow, kita juga pergi untuk menyertai MIO pacific, kita juga pergi ke Dubai Airshow, Singapura Airshow kemudian 2018 kita pergi lagi ke Farm Road Airshow, kita pun pergi ke Terap Airshow mission ke Moroco yang diketuai oleh Dato' Menteri Besar dan selepas ini kita juga akan menyertai Kuala Lumpur International Airspace Business Convention. Kita juga selain daripada itu engagement yang lain termasuk lawatan ke aero spice, The Sevie Shiring Station, ada lawatan ke High Value Park dan Majlis Daerah Hulu Selangor. Lawatan ke Oil Services, lawatan ke Airfoll dengan T'seven, lawatan dari delegasi dari syarikat aero angkasa Singapura ke Selangor, ada lawatan ke UMW, ada Hi tea, networking dengan Selangor Aero industry. Ada lawatan dan pertemuan dengan Jerman Malaysian Institute, lawatan ke IAOG Rom kemudian juga pertemuan bersama dengan Malaysian Air@ Holdings dan berbagai-bagai lagi lawatan kita buat. Lebih daripada 40 lawatan dan workshop yang kita anjurkan, workshop tersebut bersama dengan UMW bersama dengan industry, bersama dengan stakeholder di peringkat negeri dan juga peringkat persekutuan, workshop berkenaan dengan education training telah semua kita lakukan. Semua ini adalah atas inisiatif Kerajaan Negeri melalui inverts Selangor, kita sebenarnya tidak banyak bergantung kepada pihak agensi di peringkat persekutuan walaupun kita memberi kolaborasi dan kerjasama yang cukup erat. Tuan Timbalan Speaker, Yang Berhormat Gombak Setia juga membangkitkan tentang sumber tenaga kerja untuk menyokong revolusi industry 4.0 minit. Secara amnya persediaan bagi menyediakan sumber tenaga kerja mahir yang akan menumpukan kepada industry 1.0 telah dimulakan. Beberapa program pendedahan awal telah pun dilaksanakan seperti berikut. Satu inverts Selangor dan inverts VaVaria Jermaine telah menandatangani MOA pada 18 Mei 2017 di Jerman dan sebagai usaha seterusnya program bavaria industry 4.0 workshop telah pun diadakan pada 21 Ogos 2017 bertempat di Istana Selangor, Kuala Lumpur. Workshop ini dihadiri oleh syarikat-syarikat yang terlibat dalam industry 4.0 dari Jerman dan juga syarikat-syarikat IKS dari Selangor. Pada 22 Mei 2017 bulan kemuliaan inverts Selangor telah menandatangani MOU bersama state government of Victoria, Australia di Istana Selangor juga dan MOU ini dilihat sebagai satu mada kerjasama antara pemain industry Selangor Melbourne terutamanya dalam Sembilan tunggak utama revolusi industry 4.0. Hasil daripada MOU ini pihak inverts Selangor telah dapat membantu di bawah syarikat di Selangor iaitu CSL Bocksell teknologi yang menghasilkan Big Coin dan juga aktiviti Victor Crance Main untuk mengkomesialkan dan menyenaraikan syarikat mereka di Australia Talk pada 2018. Itu hasilnya, hasil usaha kita, ketiganya program Networking Dinnertechnology ..to Selangor" telah pun diadakan pada 10 Oktober 2017 bertempat di Istana Selangor juga. Program ini memerlukan para pemain industry dari UK dan Selangor terutamanya dalam sector IOT, analisis dan big data, Flinted, telekomunikasi, cyber security,... dan data.... Inverts Selangor telah menyediakan platform B to B ataupun business to business supaya syarikat-syarikat IKS duvi ini

dapat menyalinkan hubungan dengan lebih rapat untuk pemindahan teknologi yang berteraskan industri 4.0 pada masa hadapan. 4. Bagi memastikan institusi pendidikan juga bersedia mengharungi revolusi ini pihak invest Selangor berhad telah menghubungkan kerjasama diantara UNISEL dan juga Universiti Malaya dalam pada masa yang sama pihak Invest Selangor Berhad telah menghubungkan kerjasama di antara Unisel dan juga Universiti Malaya. Dalam pada masa yang sama pihak Invest Selangor telah juga mengadakan sesi dialog di antara syarikat-syarikat IKS yang mempunyai potensi di dalam Industri 4.0 seperti Grim Edge dan juga robopreneur dengan universiti yang disebutkan seperti di atas.

Kelima, pada 4 September 2018 pihak PKNS Akademi telah menjalinkan kerjasama dengan Invest Selangor bagi mengadakan program Seminar Embracing Industri 4.0. Keenam, Invest Selangor juga adalah sebahagian daripada industri 4.0 konsortium. Yang dikendalikan oleh SHRDC iaitu Selangor Human Resource Development Centre di mana konsortium ini menyediakan peluang ataupun platform untuk industri dan syarikat-syarikat MNC, syarikat-syarikat IKS, pihak kerajaan dan juga akademi untuk mengadakan sesi dialog berkenaan hala tuju, strategi dan juga cabaran-cabaran yang akan dihadapi oleh semua pihak berkenaan industri 4.0 pada masa hadapan. Pada 25 September 2018 SHRDC telah pun menandatangani MOU bersama dengan *Swiss Smart Factory* bagi mewujudkan program Malaysia *Smart Factory* 4.0. Jadi itu usaha yang kita buat. Tidak ada negeri lain yang buat demikian dan di peringkat persekutuan pun belum

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Yang Berhormat.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Iya, sila.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Terima kasih Yang Berhormat EXCO di atas jawapan yang baik dan saya kira banyak langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk memartabatkan modal insan di negeri Selangor sebagai sumber daya manusia yang produktif. Namun apakah terdapat di kalangan pemain-pemain industri ini yang juga menawarkan dan membuka ruang supaya mereka juga dapat melatih modal-modal insan di negeri Selangor dan akhirnya menyerap tenaga ini sebagai tenaga kerja mereka sendiri.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Iya. Kita mengalu-alukan pihak pemain industri ini untuk bersama-sama dengan negeri dalam usaha ini. Sebenarnya dalam program SHRDC bersama dengan kerajaan negeri kita juga telah melibatkan lima syarikat tempatan untuk memastikan mereka memberi pengetahuan yang mencukupi dan seterusnya melatih juga pekerja mereka untuk diterapkan ke dalam sistem baru ini.

Tuan Speaker, Yang Berhormat Meru membangkitkan isu kawasan Meru yang sentiasa menghadapi masalah banjir. Secara dasarnya saya tidak menjawab untuk PBT, ini hanya berkaitan dengan industri sahaja. Secara dasarnya kerajaan negeri melalui PBT telah mewujudkan IPMC iaitu *Industrial Park Management Committee* di setiap kawasan industri bagi memantau isu-isu infra yang berbangkit. Mesyuarat IPMC diadakan setiap 3 bulan dan dipengerusikan oleh Yang Dipertua ataupun Setiausaha Majlis dan setiap permasalahan akan dibangkitkan dalam mesyuarat tersebut untuk diambil tindakan oleh pihak agensi teknikal yang berkenaan. Walaupun pembangunan kawasan perindustrian di Meru tidak mengikut perancangan pembangunan. Sebenarnya banyak tidak mengikut rancangan pembangunan termasuk syarikat-syarikat pengeluar, produk yang utama di dunia pun dia tidak ikut. Namun kerajaan negeri melalui PBT dan agensi yang berkaitan sentiasa memantau dan menyelenggarakan kemudahan infra yang ada. Di samping itu juga pihak PBT menyerahkan pembangunan dengan meminta pemilik tanah yang berkaitan untuk membuat serahan rizab infra. Apabila pihak pemilik mengemukakan permohonan kelulusan pembangunan ini bertujuan untuk menyeragamkan pembangunan sedia ada agar perancangan untuk menaiktarafkan kemudahan infra dapat dilaksanakan untuk mengatasi isu banjir yang berlaku. Untuk itu juga saya ingin ambil kesempatan ini untuk memaklumkan bahawa MMKN telah pun pada 11 Januari 2017 meluluskan satu ketetapan iaitu meluluskan cadangan penetapan kadar peratusan peruntukan penyelenggaraan kawasan industri pada kadar minimum di peringkat PBT di Selangor seperti berikut. Majlis Bandar raya Petaling Jaya (20%), Majlis Bandar raya Shah Alam (20%), Majlis Perbandaran Subang Jaya (40%), Majlis Perbandaran Klang (20%), Majlis Perbandaran Sepang (20%), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (100%), Majlis Perbandaran Kajang (25%), Majlis Perbandaran Selayang (40%), Majlis Daerah Hulu Selangor (15%), Majlis Daerah Sabak Bernam (25%), Majlis Daerah Kuala Selangor (25%) dan Majlis Daerah Kuala Langat (15%). Kadar ini adalah digunakan untuk satu tahun. Kerajaan negeri melalui *Invest Selangor* akan meneliti tahap kepuasan hati pihak industri atas kerja-kerja penyelenggaraan yang dilakukan oleh PBT dan kadar ini akan disemak semula dari semasa ke semasa supaya peratusan minimum peruntukan bagi keperluan penyelenggaraan kawasan industri akan diambil daripada jumlah kutipan cukai taksiran dari pihak industri sahaja dan tidak termasuk peruntukan MARRIS. Bererti kita akan melihat jumlah cukai taksiran yang dipungut daripada kawasan industri. Mengikut peratusan yang saya sebutkan tadi akan dikembalikan kepada IPMC untuk memastikan bahawa ini diturunkan untuk kerja-kerja penyelenggaraan. Sebelum ini tidak ada peratusan yang ditetapkan. Jadi kita tidak tahu berapakah peratusan cukai taksiran yang dipungut daripada kawasan industri, dipulangkan ke kawasan industri. Karang kita tetapkan kadarnya. Pihak IPMC yang dipengerusikan oleh YDP ataupun Setiausaha Pihak Berkuasa Tempatan yang dianggotai oleh Ahli Majlis dan juga wakil daripada FMM iaitu *Federation of Manufacturer Malaysia*. Dan jawatankuasa inilah

yang seharusnya memantau, memastikan bahawa kadar yang ditetapkan itu jumlahnya diturunkan ke kawasan industri untuk penyelenggaraan dan ini tidak termasuk peruntukan MARRIS. Jumlahnya agak besar.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Tuan Speaker, maksud diturunkan kepada IPMC itu untuk penyelenggaraan untuk sektor-sektor Yang Berhormat EXCO?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Mungkin saya perlu betulkan ayat tersebut. Bukan diturunkan kepada jawatankuasa tapi kita menetapkan bahawa PBT hanyalah menggunakan peratusan cukai taksiran yang dipungut daripada kawasan industri untuk diturunkan ke kawasan industri tersebut dan ini dipantau oleh IPMC.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Sikit lagi penjelasan. Bermakna IPMC boleh membuat keputusan di atas mungkin dalam keputusan mesyuarat mereka ada prioriti yang perlu dibuat dan menggunakan peruntukan ini.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Cadangan boleh dibuat. Boleh dipantau. Jadi sebelum ini IPMC tidak ada pengetahuan tentang berapakah peruntukan yang disediakan oleh PBT dan sekarang kita telah pun menetapkan satu kadar daripada kadar itu kita tahu jumlahnya. Jadi seharusnya IPMC melihat, meminta angka-angka itu daripada PBT untuk dilihat sama ada kadar dan jumlah yang ditetapkan oleh kerajaan negeri benar-benar digunakan oleh PBT untuk penyelenggaraan di kawasan industri dalam kawasan tersebut.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN AHMAD HAIRI : Maaf Tuan Speaker, cuma YB EXCO tadi ada disebutkan perkadaran itu berbeza-beza contohnya Ampang Jaya 100% daripada jumlah cukai daripada sudut industri tadi dan Kuala Langat hanya 15%. Apakah justifikasi-justifikasi kerana saya melihat sebagai contoh di Kuala Langat ini di antara pusat perindustrian yang awal. Cuma saya rasa *Free Trade Zone* yang berlaku di Teluk Panglima Garang yang masih lagi mempunyai masalah yang besar berkaitan dengan perparitan, jalan, lampu limpah dan sebagainya. Mungkin kalau ada sedikit penerangan tentang justifikasi yang melibatkan perkadaran-perkadaran yang dibolehkan untuk penggunaan tersebut. Terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Kita cuba mendapatkan satu kadar yang munasabah dengan jumlah yang munasabah. Jadi di Ampang Jaya kawasan industri tak besar. Jadi jumlah yang ada itu sebenarnya tak besar. Jadi adalah tidak wajar kalau kita hanya ambil katakan 10% atau pun 20%. Terlalu kecil untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan. Sebab itu kita fikirkan 100% itu wajar. Tapi di Kuala

Langkat kawasannya kawasan industri yang agak besar dan juga jumlah yang dipungut juga besar dan Kuala Langat memerlukan kewangan untuk pembangunan yang lain. Maka kita ambil peratusan itu walaupun nampaknya kecil tapi jumlahnya mungkin besar. Dan kita akan lihat oleh sebab itu kita meminta IPMC memantau sekiranya wang itu digunakan dengan sepenuhnya dan masih tidak dapat menyelesaikan masalah maka kita boleh melihat untuk menaikkan lagi kadar tersebut. Dan kita akan bincang dengan PBT sebab PBT yang akan mengawal kewangan tapi kita Cuma nak pastikan bahawa ada peruntukan yang mencukupi untuk kawasan industri. Kerana kawasan industri yang akan menjana hasil kepada pihak PBT juga. Jadi itu bukan satu angka yang magik ataupun kadar yang magik. Kita cuba lihat manakah kewajarannya. Sebab tu kita kata kita akan semak dari semasa ke semasa. Tapi yang penting adalah IPMC itu perlu berkongsi dan saya sentiasa akan menegur PBT yang gagal untuk memanggil mesyuarat. Tapi pihak yang berada dalam mesyuarat juga patut memainkan peranan untuk melihat. Untuk meminta angka-angka yang terkini. Berapa yang telah dibelanjakan, berapa yang masih ada dan juga membincangkan sama ada kadar tersebut mencukupi untuk menyelesaikan masalah untuk kawasan tertentu. Itu maksud saya.

Dan kerja-kerja penyelenggaraan kawasan industri akan dilaksanakan adalah satu penyelenggaraan jalan raya, perabot jalan, menaiktaraf lampu jalan, penyelenggaraan longkang dan menaiktaraf longkang, penyelenggaraan cerun, kos pembersihan iaitu termasuk landskap, sampah sarap, potong rumput, pembersihan longkang, monsun drain dan sebagainya. Dan bil utiliti dan lain-lain landskap. Itu yang diusahakan oleh pihak kerajaan negeri. Yang Berhormat Sementa menyebutkan isu tenaga kerja industri aero angkasa. Menyedari akan keperluan tenaga mahir untuk memenuhi keperluan pihak industri, kerajaan negeri melalui *Invest Selangor* telah mengenal pasti lebih kurang 20 institusi pendidikan dan kemahiran yang menyediakan kursus-kursus berkaitan aeroangkasa di negeri Selangor dan telah pun mengadakan pertemuan dengan institusi tersebut. Antaranya seperti Politeknik, universiti, UniKL, MARA, MIAT dan institusi latihan milikan swasta. Selain itu pertemuan dan perbincangan juga telah diadakan bersama beberapa agensi di luar negara seperti di Singapura bagi mendapatkan input dan cadangan-cadangan bagi penyediaan sumber tenaga kerja mahir dalam industri aeroangkasa di mana hasil daripada perbincangan tersebut banyak membantu pihak kerajaan negeri bagi merangka program pembangunan kemahiran kepada anak tempatan untuk memenuhi keperluan pihak industri. Pihak Selangor *Human Resource Development Centre* (SHRDC) juga telah memulakan langkah untuk menyediakan kursus kemahiran dalam penyelenggaraan enjin pesawat di mana program ini diadakan dengan kerjasama pihak *General Electric Engine* (GEE). Program ini telah pun dilaksanakan dan seramai 20 orang telah mengikuti kursus kemahiran yang telah diadakan. Pihak *aerospace* juga telah melaksanakan program

kursus kemahiran dalam industri aeroangkasa di mana seramai 36 orang telah pun mengikuti kursus yang telah ditawarkan dan akan tamat dan sudah tamat pun sebenarnya pada September 2018. Pengambilan kedua akan dimulakan dan telah dimulakan sebenarnya pada Oktober 2018 yang telah pun menawarkan kursus untuk seramai 35 orang lagi. Dalam penyediaan pelan tindakan *aerospace* atau aeroangkasa Selangor keperluan dalam pembangunan dalam tenaga mahir bagi industri aeroangkasa telah pun diberi penekanan dan fokus utama antara bidang kemahiran yang dikenal pasti seperti penyelenggaraan enjin pesawat atau kita sebutkan *MRO (Maintenance, Repair and Overhaul)*. Penerbangan (*Aviation*) dan pertahanan (*Defense Arena*). Kebanyakan syarikat penerbangan di Malaysia seperti MAS, Air Asia, Malindo dan lain-lain mempunyai institusi kemahiran mereka sendiri bagi menyediakan dan meningkatkan kemahiran kakitangan mereka. Antara program yang akan dilaksanakan adalah program perintis ataupun *apprentice ship* dengan beberapa syarikat Sepang Airbus Aircraft, Nadi Group of Company, AirDo SME Aerospace dan beberapa syarikat lain lagi. Program perintis ini akan menyediakan kemahiran dalam bidang mengecat, penyelenggaraan enjin, simple MRO dan beberapa bidang lain yang akan dikenal pasti kelak. Selain itu pertemuan bersama pihak institusi pendidikan dan latihan kemahiran sentiasa diadakan bagi mendapatkan pandangan serta berkongsi idea dengan pihak industri untuk membolehkan institusi pendidikan dan latihan kemahiran dapat memahami dan menyediakan sumber tenaga kerja yang bakal memenuhi keperluan pihak industri antaranya input yang kita perolehi daripada lawatan kita ke United Kingdom adalah kita menggunakan hanger, kalau ada hanger yang sedia ada dapat meletakkan pesawat atau kapal terbang yang sebenar dan kita mengumpulkan institusi-institusi kemahiran ini ke dalam satu bangunan sama. Supaya mereka dapat menjimatkan kos pentadbiran mereka dan juga kos pengurusan mereka. Kalau kita tempatkan di satu bangunan yang sama mereka boleh kongsi banyak kelengkapan dan peralatan. Jadi itu antara yang kita sedang kaji daripada sekarang ini walaupun kita ada 20 institusi tetapi mereka berada di tempat yang berlainan, sewa tempat yang berlainan. Kosnya tinggi. Kalau kita dapat kumpulkannya. Dengan juga sedikit bantuan kalau boleh daripada pihak kerajaan persekutuan atau kerajaan negeri maka kita akan dapat menurunkan kos. Maka dia mungkin akan juga menurunkan yuran untuk pelatih-pelatih kita dan itu sudah tentu akan dilihat dengan perinci oleh pihak kerajaan negeri tetapi itu adalah usaha-usaha yang telah pun kita jalankan. Tuan Timbalan Speaker, Yang Berhormat Sijangkang menimbulkan isu infra, banjir dan juga jalan dan isu memperkasakan IPCM.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat, bagi Sementa.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI : Soalan tambahan. Saya amat bangga

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat nak bagi soalan tambahan atau minta penjelasan?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BIN ALWI : Mohon penjelasan. Sementa amat bangga dengan apa yang telah pun dilaksanakan oleh kerajaan negeri ke arah pembangunan program aeroangkasa di negeri Selangor. Dan beberapa perkara telah pun dilaksanakan iaitu mendidik, melatih para pelajar ataupun para pelatih kita dalam institusi-institusi dalam bidang aeroangkasa. Jadi Sementa ingin mendapatkan jawapan adakah pada pelajar kita, para pelatih kita ini akan automatik diserap di dalam industri ini dalam bidang pekerjaan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Iya. Tuan Timbalan Speaker untuk menjawab soalan ini ada beberapa institusi juga sebenarnya dia bekerjasama dengan pihak syarikat. Jadi untuk memastikan bahawa pelatih ini mempunyai pekerjaan apabila mereka menamatkan kursus di situ. Walaupun tidak ada jaminan tapi dalam industri ini masih mengalami masalah kekurangan tenaga mahir. Jadi sudah tentu peluang pekerjaan tidak ada masalah Cuma kita nak pastikan bahawa tahap kemahiran mereka memenuhi kehendak industri. Itu adalah cabaran kita.

Dan untuk isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sijangkang saya kira sebentar tadi saya telah pun memberikan jawapan yang agak terperinci dan saya tidak akan meneruskan soalan tersebut. Kemudian, Yang Berhormat Timbalan Speaker isu daripada Dusun Tua industrial 4.0 tentang program pembelajaran coding. Ini sebenarnya telah pun dilaksanakan. Telah pun menyelesaikan oleh pihak SSDU Smart Selangor Delivery Unit di bawah program I Station di 9 buah perpustakaan di daerah-daerah untuk pelajar sekolah menengah hingga golongan yang telah pun bekerja. Dan ini telah pun kita bawa untuk dibentangkan dalam Smart City World Expo di Barcelona pada bulan ini dan juga mendapat kepujian daripada negara lain di mana kita memulakan program coding ini untuk pelajar-pelajar dengan menggunakan perpustakaan dan kita ada kalau tak silap saya 36 perpustakaan awam di Selangor. Dan kita akan kembangkan pada semua perpustakaan awam kita berperingkat-peringkat. Selain daripada itu SSDU juga menjalankan kursus berkaitan program data base enterprise and big data analytics. Semua usaha ini adalah sebagai satu usaha untuk menyediakan pekerja berkemahiran pada masa akan datang. Menjawab soalan daripada Yang Berhormat Rawang. Menarik pelaburan ke Rawang. Sebenarnya kita tidak dapat menumpukan suatu kawasan. Sukar untuk kita menarik pelaburan ke Petaling Jaya ke Rawang ataupun ke Taman Templer. Ini bukan boleh dilakukan oleh pihak Invest Selangor kerana kebanyakannya masanya pelabur telah memilih kawasan yang digemari mereka kerana mereka melihat kepada ekosistemnya juga melihat kepada keselesaan sendiri. Umpamanya ada satu syarikat 4.0 yang menggunakan

teknologi 4.0 mereka sekarang berada di kota Kemuning dan mereka berniat untuk berpindah ke Tropika Aman yang berdekatan atau Rimbayu . ada cadangan untuk pindah ke kawasan yang lebih baik tapi bagi mereka, mereka lagi selesa dengan kawasan itu kerana kebanyakan pekerja mereka juga tinggal di kawasan tersebut. Jadi itu adalah keperluan dan juga kegemaran pelabur sendiri. Bukan mudah kita nak minta mereka pergi ke kawasan tertentu tapi apa yang kita boleh lakukan ialah mengikut perancangan kita umpamanya dengan pembangunan aeroangkasa ini kita menetapkan 3 kawasan iaitu 3 S. Serendah, Subang dan Sepang. Jadi kita panggil 3 S belt. Jadi untuk industri aeroangkasa kita akan perkenalkan 3 tempat ini kerana 3 tempat ini ada kemudahan dan juga ada ekosistem yang sedia ada. Itu yang kita boleh cadangkan pada mereka. Ada yang tidak mahu kerana ada yang pilih ke Melaka sebab di Melaka tanahnya murah tapi di situ kalau ikutkan industri 4.0, industri aeroangkasa industri yang dibawa ke Melaka adalah tier 4. Peringkat yang paling bawah. Yang buat cermin, yang bersihkan cermin, yang buat kerusi. Itu di peringkat di mana tahap kemahiran rendah dia pergi ke Melaka. Bagi mereka murah. Tapi bagi yang tier 1, tier 2 sentiasa pemilihan keutamaannya adalah Selangor. Dan itu kita kena kekalkan advantage. Kekalkan kehandalan kita ni. Kerana ada pesaing seperti Pulau Pinang kerana Pulau Pinang ada ekosistem elektronik yang cukup baik jadi ada sebahagian daripada industri aeroangkasa ini dia pilih Pulau Pinang. Tapi di sini kita masih ada advantage. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2018 3 projek perkilangan telah diluluskan di daerah Gombak dengan nilai pelaburan berjumlah RM58 juta dan ketiga-tiga projek perkilangan ini diluluskan di kawasan Rawang. Secara dasarnya pihak Invest Selangor mempromosikan setiap daerah dan kawasan yang ada. Taman perindustrian yang masih ada kekosongan untuk para pelabur. Selain menarik pelaburan baru menerusi misi penggalakan pelaburan kerajaan negeri juga menggalakkan pihak pelabur sedia ada untuk menambah dan mengembangkan pelaburan sedia ada. Program menyantuni pelabur seperti lawatan kilang bersama agensi teknikal diadakan sepanjang masa untuk mengeratkan hubungan di samping meninjau dan membantu menyelesaikan permasalahan yang dihadapi. Pihak invest Selangor juga sentiasa bekerjasama dengan PBT dan agensi teknikal yang berkaitan bagi menyediakan permasalahan yang dihadapi. Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seri Setia juga tentang infra. Kilang di dalam Free Trade Zone dalam Sungai Way ditutup bukan kerana isu banjir tapi disebabkan penstrukturan perniagaan syarikat dan juga produk keluaran mereka kurang berdaya saing seiring dengan perkembangan teknologi semasa.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Timbalan Tuan Speaker, saya nak perbetulkan maksud saya itu Yang Berhormat EXCO bukan kerana banjir ditutup tapi ada kilang-kilang yang mengalami masalah banjir yang merosakkan barangan-barangan pembuatannya.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Kalau itu saya serahkan pada pihak PBT untuk jawab. Sebab saya tidak menjaga PBT dan tidak dapat memberi jawapan yang lengkap tapi seperti yang saya sebutkan tadi ada masalah apabila kilang ini ditutup. Penstrukturan semula apabila dipindah ke tempat lain. Kos tidak munasabah lagi untuk mereka ada di situ dan ada juga setengahnya dia sudah tidak ada di pasaran. Dulu di Shah Alam ada sebuah kilang yang membuat video camera. Sekarang orang sudah tidak pakai video camera jadi barangan itu sudah tidak ada pasaran jadi terpaksa ditutup kilang itu. Itu juga yang di hadapi oleh kawasan di FTZ di Sungai Way. Yang Berhormat Taman Templer juga membangkitkan isu hak aeroangkasa jadi kerajaan negeri menyambut baik saranan mewujudkan perniagaan tapi perniagaan yang akan diwujudkan oleh kerajaan berkenaan dengan aeroangkasa ini sudah tentu ada berkaitan dengan ekosistem dan dengan tempat makan, restoran itu bukan di bawah tanggungjawab kita dan bukan membantu ekosistem. Yang kita tumpukan usaha bukan oleh Invest Selangor ini lebih kepada ekosistem industri itu sendiri. Jadi industri aeroangkasa kita tumpukan menarik industri yang berkenaan. Suppliernya, pembekalnya, pembelinya. Itu yang kita lihat. Untuk mewujudkan ekosistem. Itu yang disebabkan kluster. Dan kluster ini bukan tertumpu pada satu kawasan. Bila kita kata kluster kita lebih menumpukan pada supply cip. Bukan lihat mesti kawasan ini kita wujudkan kluster dan kadang-kadang tidak mungkin kita wujudkan kluster mengikut kawasan. Kita kena ikut supply cip. Itu masalah atau cabaran yang kita hadapi. Jadi dengan itu saya kira saya telah pun menjawab semua soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Soalan tambahan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Jeram, tambahan tidak boleh berlaku dalam penggulungan. Saya nak rujuk Yang Berhormat sekalian. Penjelasan atas isu yang sama.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Kalau tak boleh tambahan, bagi penjelasan la. Berkenaan dengan aerospace MRO tak silap saya ada syarikat Awam Mega yang tempoh hari pernah berhajat untuk membuat MRO di Bernam Jaya dengan menggunakan tanah PKNS tetapi dari segi peluang pekerjaannya saya dapat maklumat lebih 21,000 peluang pekerjaan dan hasil pendapatan kerajaan negeri lebih tinggi berbanding dengan perusahaan yang dilakukan oleh PKNS sekarang ini iaitu perusahaan kelapa sawit. Di tanah tersebut. Tetapi anak syarikat PKNS tidak berikan peluang untuk buat pembentangan dan sebagainya. Jadi mereka telah beralih kepada negeri Perak iaitu mereka telah mendapat kelulusan dengan kerajaan negeri Perak buat di Bagan Datuk. Jadi satu peluang yang baik yang datang sendiri kepada kerajaan negeri Selangor tetapi tidak menggunakan peluang itu. Saya ambil kira sebab keluasan

tanah dan sumber pendapatan projek tersebut sebenarnya memberikan hasil yang lumayan sebab saya ada rekod statistik sebab saya terlibat secara langsung dalam projek itu sebelum saya terlibat sebagai YB kawasan. Jadi saya syarikat itu agak kecewa layanan yang diberikan oleh PKNS dengan kerajaan negeri tidak memberikan peluang untuk membentangkan dan juga menjayakan projek tersebut di Bernam Jaya. Terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Terima kasih. Tuan Timbalan Speaker sebenarnya syarikat ini telah pun diberi peluang yang mencukupi. Mereka bukan sahaja menghubungi PKNS yang telah pun memberi peluang kepada mereka untuk membuat pembentangan malah mereka juga telah pun berjumpa dengan Invest Selangor dan berjumpa saya dua kali dan kali pertama saya rasa apabila saya melihat cadangan mereka saya meminta beberapa butiran dan juga pihak PKNS sebenarnya meminta mereka menyatakan sumber kewangan mereka. Jadi itu yang telah pun dilakukan. Saya rasa tidak adil untuk mengatakan bahawa PKNS tidak memberikan mereka peluang. Saya sendiri telah dua kali mendengar pembentangan tapi tidak meyakinkan kerana tanah yang terlibat adalah lebih kurang 3000 hingga 5000 ekar. Jadi cadangan antara lainnya adalah membina sebuah lapangan terbang supaya mereka boleh menjalankan operasi MRO iaitu kapal terbang diterbangkan ke situ dan di repair dan di overhaul dan sebagainya. Jadi itu satu cabaran besar sebab kalau kita membenarkannya tanah dijual dengan harga yang agak murah dibuatnya landasan kapal terbang run way itu melibatkan kos yang utama. Jadi sebab itu kita bertanyakan di manakah sumber kewangannya. Kosnya besar. Di negara ini saya kita tidak ada satu lapangan terbang yang dibuat oleh swasta sebab kosnya terlalu tinggi. Jadi wajar kita tanya di manakah sumber kewangan. Itu mereka tidak dapat beri keyakinan pada kita. Keduanya kita juga memikirkan juga kalau dibenarkan dibuat landasan itu kemudian mereka gagal dalam projeknya apakah yang kita nak buat dengan lapangan tersebut. Lapangan terbang bila landasan itu dah buat dah korek bukan senang jadi tak kan kita hendak jadikan itu sebagai litaran F1 Formula One sudah tentu tidak mungkin. Jadi kita perlu melihat pada risikonya. Jadi kita mengkaji semua sudut sebenarnya kita tidak menolak kita Cuma meminta mereka memberi butir-butir yang lebih meyakinkan. Sebenarnya banyak tawaran daripada syarikat tapi buat masa ini belum ada satu yang meyakinkan termasuk satu syarikat di mana agen tempatannya memberitahu kita sehingga berjumpa dengan Y.A.B. Dato' Menteri Besar menyatakan MERCEDES nak datang, BMW, VOLVO, NISSAN semua hendak tanah di situ. Dan mereka dapat berkumpul bersama. Jadi Y.A.B. telah meminta saya untuk melihat perkara ini dan saya telah memanggil satu mesyuarat saya meminta seorang wakil daripada semua syarikat itu datang untuk menyatakan hasrat mereka untuk beroperasi di situ buat kilang. Dan tidak ada satu syarikat pun yang datang. Jadi banyak cadangan-cadangan oleh agen oleh promoter dengan mengharapkan dia mendapat tanah itu buat sebahagiannya buat

industri untuk pembangunan lain. Untuk keuntungan yang lebih besar. Dan antaranya sudah tentu dalam setiap pembangunan disebut *big beliment* untuk sebahagian itu. Termasuklah membuat Gold Coast semuanya ada. Tetapi yang kita pentingkan adalah yang pembangunan lestari yang *state niberl* itu yang kita bimbangkan itu yang kita tidak mahu. Satu lagi kawasan seperti di Bukit Beruntung berlaku. Di mana banyak rumah terbengkalai hilang terbengkalai sudah cukup kita pengalaman mencukupi pengalaman yang cukup banyak yang kita belajar, iktibar yang kita belajar daripada pembangunan di Bukit Beruntung ini.

TUAN SPEAKER: Saya meminta Yang Berhormat yang telefon siapa yang berbunyi itu minta.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR: Mohon pencerahan.

TUAN SPEAKER: Nanti-nanti Yang Berhormat tadi saya dengar ada bunyi telefon minta menghormati Dewan. Saya ingat di peringkat mesyuarat Dewan Undangan ini kita tidak payah tegurlah kita bukan di dalam teater cinema ini di dalam mesyuarat paling tinggi minta Yang Berhormat tolong menghormati kata penggulungan berlaku. Sila Yang Berhormat sambung.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Saya telah terganggu sedikitlah putus aliran ada Kota Damansara ya Yang Berhormat.

TUAN SPEAKER: Sila Kota Damansara.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR: Terima kasih Tuan Speaker. Kita bidang aeroangkasa ini kita pilih Sepang, Subang dan juga Serendah. Kita tidak menafikan bahawa Subang adalah asas *haf aerplane* di waktu zaman Mahadhir dulu dan Pak Lah pun menjadikan haf. Jadi kita ada 3 persaingan di situ. Adakah kerajaan negeri menumpukan sepenuhnya fokus lebih bidang aeroangkasa itu bercambahnya banyak syarikat-syarikat penerbangan MRO dan sebagainya. Dan juga dalam bidang *training*. Saya mohon pencerahan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya. Timbalan Tuan Speaker sebenarnya Malaysia kita bercita-cita Menteri Besar sekarang ada 2 pusat industri aeroangkasa yang terbesar di dunia 1 di Moscow, 1 di Morocco dan kita peringkat persekutuan menetapkan hasrat untuk menjadikan Malaysia pusat Asia Pasifik. Jadi kita namakan 3M Moscow, Morocco dan Malaysia 3M. Di Selangor kita juga mengikut rentak ini kita ada 3S Serendah kita ada BMW dengan *high value money* yang akan dibangunkan 800 ekar. Kita mengharapakan perbuatan *fat* untuk industri untuk industri aeroangkasa dapat

dibangunkan di situ. Kita memberi sokongan penuh termasuklah PBT juga memberi sokongan penuh untuk membangunkan *fat* ini untuk industri yang berkaitan dengan aeroangkasa dan juga industri yang lain. Yang keduanya Sepang di bawah persekutuan kerana kebanyakan tanah dipegang oleh persekutuan dan sekarang mereka membina aeropolis iaitu seluas 10 kilometer kali 10 kilometer. Rancangan sudah ada tapi belum ada projek konkrit ada projek tapi belum dimulakan permohonan. Dan di Subang adalah satu kawasan yang sedia ada yang sekian lama telah menjadi sebagai satu hak di mana banyak syarikat tempatan dan syarikat antarabangsa sudah berada di situ. Termasuk GE, SAPURA yang saya sebut tadi. Dan antaranya sperit iaitu Sayap Airbus 320 yang digunakan oleh Airasia. Kebanyakannya sayap itu dibuat di situ. Kita merupakan pembekal utama kepada Syarikat Airbus untuk Sayap A320 ini. Dan sekarang juga ada sebenarnya baru minggu lepas saya bertemu dengan sebuah syarikat pelabur tempatan yang meminta sekeping tanah untuk membangunkan *high yer* bagi menjalankan perniagaan MOU ini. Jadi ini sedang berkembang jadi kita mengalu-alukan rancangan kerajaan persekutuan melalui khazanah 80 ekar tanah yang ada di situ. Dan kita juga telah mengerakkan jentera kita melalui Invents Selangor untuk membincang bagaimana kerajaan negeri bagaimana hendak bekerja sama dengan pihak KHAZANAH untuk sama-sama membangunkan tanah untuk *hid* aeroangkasa ini. Sementara itu juga dalam perancangan sebenarnya PKNS telah pun membuat kerja awalan di mana kita merancang untuk melihat pengambilan tanah di sebelah *ran way* di Subang Airport ini. Di sebelah sana itu dia ada banyak kilang tanah persendirian. Tapi itu melibatkan proses banyak pengambilan tanah kita Cuma mencari tanah ganti dan sebagainya. Tapi untuk jangka masa panjang kita harus melihat kepada opsyen tersebut. Maka tidak maka kawasan atau tanah yang ada di kawasan sekeliling lapangan Dubang tidak mencukupi untuk pembangunan industri aeroangkasa di masa akan datang. Itu adalah cabaran kita bagaimana kita hendak mewujudkan lebih banyak lagi tanah untuk tapak bagi industri atau aeroangkasa.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat tertinggal, semua Yang Berhormat sebelum Yang Berhormat teruskan saya suka menarik perhatian kepada Yang Berhormat sekalian pada Peraturan Tetap 35.4 yang berbunyi seseorang Ahli yang telah bercakap dalam sesuatu masalah boleh bercakap menerangkan apa-apa perkara besar dalam ucapannya yang telah membabitkan kesamaran kefahaman tetapi tidak boleh dikeluarkan kepada perkara baru. Maksudnya di sini Yang Berhormat sekalian sebab itu Yang Berhormat EXCO gulung dia akan sebut saya menjawab kepada Yang Berhormat sekalian Yang Berhormat B, Yang Berhormat C, maksudnya Yang Berhormat yang bercakap tentang sesuatu isu sebagai mana Seri Setia tadi dia membangkitkan isu dalam perbahasan dijawab oleh Yang Berhormat EXCO dia mohon pencerahan atas kesamaran itu boleh berlaku. Tetapi bila Yang Berhormat tempat lain duduk tiba-tiba ada idea baru hendak bertanya Yang Berhormat EXCO dia tidak akan selesaikan

masalah pada Yang Berhormat EXCO kerana ia menanggapi perkara baru. Jadi saya meminta Yang Berhormat-Yang Berhormat yang memohon pencerahan tengok kalau ada dibangkit dalam perbahasan silakan. Mohon pencerahan kalau hendak bangkitkan perkara baru kita tidak benarkan. Sila Y.B. Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih. *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahiwarakatuh.* dan salam sejahtera kepada Yang Berhormat. Saya mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada Tuan Timbalan Speaker yang telah memberi peluang untuk penggulungan ini dan juga untuk menyatakan apa isu yang dibangkitkan oleh beberapa Yang Berhormat. Di bawah Jawatankuasa Tetap yang telah saya kendalikan. Iaitu Y.B. Bukit Lanjan, Melawati, Sijangkang, Sg. Ramal dan Teratai. Tuan Timbalan Speaker Y.B. Bukit Lanjan ada membangkitkan mengenai 3 perkara iaitu kesan Skim Hijrah kepada pertumbuhan ekonomi diharap Y.B. Bukit Lanjan ada di luar. Data-data kejayaan usahawan skim Hijrah dan pemantauan pinjaman Skim Hijrah untuk maklumat Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian antara objektif dan matlamat Skim Hijrah adalah memberikan modal dengan mudah cepat tidak membebankan menggalakkan budaya menabung di kalangan penjaja dan peniaga kecil juga mengujudkan rangkaian usahawan yang antaranya ia akan melebarkan iaitu dengan melaksanakan koperasi Hijrah ataupun KO Hijrah. Sejak dilancarkan 2009 lagi dengan jenama Mimbar Skim SEL dan WALA. Dan pada 24 Mac di jenama semua Skim Hijrah ia telah membantu sebanyak 43,921 orang usahawan dengan bilangan pinjaman sebanyak berjumlah RM490,822,000 yang telah ditawarkan. Jadi setelah hampir 8 tahun pelaksanaan dana Mko-kredit ini banyak kesan positif yang dapat dilihat. Malah ia juga bersaing dengan dana-dana Mko-kredit sedia ada di peringkat persekutuan seperti Tekun dan juga I Am tetapi antara perkara-perkara yang kita lihat yang positif nya boleh kita sebut di sini ya iaitu pertumbuhan ekonomi yang antara lainnya secara tidak langsung dilihat secara seiring dengan kewujudan Skim Hijrah ini. Antaranya dalam tempoh ini kadar pengangguran kita lihat di Selangor ini mencatatkan penurunan. Walaupun ianya bukan kesan langsung tetapi tidak langsung ia kita yakin dengan adanya aktiviti perniagaan atau usahawan kecil ini kita dapati rakyat di negeri Selangor mungkin ada peluang untuk menambah pendapatan sama ada bekerja ataupun berniaga. Penurunan daripada 3.2% pada Tahun 2018 kepada 2.8% pada Tahun 2017. Ia juga menunjukkan pertambahan hasil pengeluaran dan keluasan pasaran produk usahawan terus menunjukkan peningkatan seterusnya mendorong KDNK Negeri Selangor. Menyedari pentingnya usaha ini ya Hijrah dapat lebih lestari dan kompetitif untuk masa-masa akan datang. Jadi arahan tentang beberapa kajian telah pun dibuat sebelum Bukit Lanjan bertanya perkara ini telah pun dikeluarkan iaitu kerajaan ini bersama-sama saya adalah laporan awal yang telah dikeluarkan oleh pihak IDE ataupun Institut Darul Ehsan. Yang mana kajian ini adalah untuk melihat data dan sintetik sebenar mengenai kejayaan dan keberkesanan Skim Hijrah yang dapat

diperoleh setelah kajian impak ini diselesaikan. Kajian ini Yang Berhormat kajian Impak ini telah bermula pada 3 September yang lepas dijangka akan selesai kajian ini pada penghujung bulan Disember nanti. *Insyah-Allah* pada sidang akan datang mungkin peluang untuk saya bentangkan perkara ini dapat saya lakukan. Jadi soalan seterusnya ditanya oleh Bukit Lanjan. Tentang isu data-data mengenai usahawan Hijrah saya yakin data-data yang disebut itu bersekali dengan laporan awal yang akan dilakukan nanti. Tetapi data asalnya asasnya itulah kita dapati 54,820 orang yang telah terlibat dan ada beberapa usahawan telah pun membuat dana. Bantuan dana ini sebagai berulang sebenarnya. Jadi untuk itu beberapa pemantauan telah juga dilakukan iaitu soalan yang telah dikemukakan atau telah ditanya pemantauan yang dibuat yang pertama adalah pemantauan permohonan peserta. Di mana permohonan dibuat taklimat dengan syarat-syarat dahulu. Maknanya datang mohon kita bagi taklimat terlebih dahulu supaya kita mahu pastikan mereka yang datang untuk mohon ini adalah mereka yang benar-benar akan ada potensi untuk berniaga dan juga dana yang diberikan nanti dapat manfaat sepenuhnya. Yang keduanya pemantauan kelulusan pinjaman di mana semua permohonan wajib diteliti dan disiasat bagi nilai jumlah pinjaman akan diberikan. Contohnya kadangkala usahawan yang datang atau peniaga kecil datang untuk memohon bantuan pinjaman sebanyak RM10,000 tetapi setelah kita nilai kita dapati keperluan itu tidak perlu mencecah RM10,000 ia mungkin ia sekadar RM5,000 permulaan itu dapat dia memulakan perniagaan. Ada pula jenis kelulusan yang kita beri dia datang memohon pinjaman begitu kecil RM2,000, RM3,000 tetapi kita dapati ada impak pada perniagaan beliau itu kita bagi permohonan atau kita bagi pinjaman itu lebih daripada apa yang dinyatakan supaya strategik perniagaan itu berlaku. Yang ketiganya pemantauan bayaran balik di mana terdapat beberapa kutipan inilah satu kekangan selalu kalau kita beri pinjaman ini bayaran balikkah kita dapati bahawa pemantauan Hijrah ini berlaku begitu dekat sekali dengan peminjam Hijrah antaranya akan memberikan peringatan kalau ada di antara mereka tidak dapat melaksanakan atau bayar balik sama ada peringatan itu secara lisan atau bertulis kepada peminjam. Keduanya ada juga Program *Tack Force* bersepadu oleh kakitangan Hijrah Selangor yang mana lawatan dibuat ke premis perniagaan dan berjumpa bagi membincangkan permasalahan. Maknanya setelah kita beri notis bagi maklum balas dapati kita pergi berjumpa dengan beberapa kakitangan untuk membantu pihak peminjam ini supaya kita boleh dapat langkah penyelesaian seterusnya. Dan jika didapati ada mereka yang tidak dapat membayar pinjaman walaupun beberapa usaha telah dilakukan maka tindakan terakhir yang akan diambil antaranya adalah menyenaraikan hitam nama-nama peminjam. Dan yang terakhir saya dapati jenis pemantauan yang dilakukan juga adalah pemantauan pengurusan dan pentadbiran. Pasti pemantauan ini bukan sekadar peminjam, kita memantau juga pengurusan dan pentadbiran HIJRAH supaya ianya sentiasa dapat dinaikkan kecekapan kepada mereka yang bekerja atau pun pegawai-pegawai HIJRAH ini. Dengan adanya mesyuarat mingguan dilakukan di

peringkat cawangan, baik di peringkat zon dan ibu pejabat. Dan isu pengeluaran pinjaman dan pengeluaran kutipan bayaran balik antara agenda wajib yang dibincangkan dalam perjumpaan ini.

Tuan Timbalan Speaker, Bukit Melewati juga ada menyentuh beberapa isu berkaitan dengan kampung yang mana 2 kampung yang di utarakan iaitu Kampung Tradisi Baru iaitu Kampung Tanjung Keramat dan juga Kampung Teluk Piah. Kita yakin kita sebenarnya pun telah maklum tentang isu ini dan memang mengikut statistik yang dibuat secara awal, kampung ini kedua-duanya telah pun melebihi 1,000 orang penduduk dalam kampung ini. Dan seramai yang mana pecahannya adalah di Kampung Teluk Piai sebanyak 1,097 orang dan Kampung Tanjung Keramat seramai 1,285 orang. Saya yakin ianya dapat kita lakukan, *Insyallah* bila mana kajian yang saya sebutkan tadi dalam jawapan soalan tadi ia bila dilengkapkan kita akan mewartakan atau mengusulkan beberapa cadangan termasuk kampung yang telah dinyatakan. Dan juga mengenai cadangan kemudahan balai raya kampung

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI: Mohon penjelasan.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Silakan.

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI: Terima kasih Timbalan Speaker. Yang Berhormat EXCO, bolehkah Yang Berhormat berikan jaminan berapa lamakah tempoh selepas garis panduan yang disebutkan oleh Yang Berhormat EXCO pada pagi tadi berkenaan dengan garis panduan baharu MPKK dan juga proses selepas kajian itu selesai untuk pewartaan tersebut, terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Jaminan tempoh setepatnya tidak dapat saya berikan tetapi selepas kajian dilakukan *insyaAllah* akan berakhir pada bulan Februari akan datang. Ia pastinya akan kita letakkan *time line* atau pun garis masa untuk kita perincian setiap kampung-kampung yang di ajukan itu untuk diberikan atau pun dimasukkan ke dalam Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk diberikan kelulusan. Kerana bukan mudah ia bukan sekadar untuk kita berikan kelulusan dari sudut nama atau pun dinamakan kampung tetapi kelulusan ini bersekali datangnya nanti dengan lantikan Ketua Kampung, kos-kos berkaitan dengan pembangunan dan juga kos-kos berkaitan dengan pengurusan majlis Ketua Kampung *sorry*, komuniti kampung juga di sekalikan. Jadi implikasi kewangan juga akan dilihat bila sesetengah kampung itu akan diwartakan atau pun dinamakan, *insyaAllah*. Dan satu perkara yang saya ingin nyatakan selain yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Bukit Melawati iaitu banyak isu-isu balai raya yang terbiar. Saya tidak nafikan ia berlaku sebab itu kali ini sebarang usaha pembaikan dan juga pembaikan dewan, balai raya dan sebagainya saya mohon supaya ketua-

ketua kampung dan Yang Berhormat semua menyelia ketua-ketua kampung ini agar mereka sentiasa mendaftarkan semua infrastruktur dan juga kemudahan-kemudahan awam ini yang masih dalam keadaan yang daif ke dalam sistem profil kampung peringkat nasional yang telah saya nyatakan. Ketua-ketua kampung akan diberikan latihan secara khusus tentang penggunaan profil ini atau pun sistem ini. Dan kita harap ia mesti menjadi agenda pertanyaan yang dilakukan oleh Yang Berhormat semua yang mempunyai kampung-kampung di dalam kawasan untuk ditanyakan dalam JKTD. Berapa peratus inventori atau pun profil atau pun isu-isu masalah kemudahan awam yang terbiar dan sebagainya masih lagi tidak dilaporkan. Sebab apa, saya lihat yang lepas-lepas, kemungkinan ketua-ketua kampung menghadapi masalah, tidak ada satu tempat *reference* atau pun rujukan untuk mereka ajukan permasalahan ini. Kadang-kadang telah diajukan di peringkat Pejabat Daerah mungkin ia tidak disepadukan pula, supaya selepas ada SPKPN ini nanti ia akan dikumpulkan oleh pihak UPEN dan akhirnya akan diutarakan sebagai dikemukakan sebagai bajet yang boleh dikemukakan setiap tahun ya, *insyaAllah* oleh Kerajaan Negeri Selangor. Silakan, Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Adakah peraturan ini peraturan baharu yang telah dikuatkuasakan kerana sebelum ini semua balai-balai atau pun dewan-dewan diserahkan di bawah PBT? Adakah ...

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang. Penjelasan yang ingin saya berikan sebenarnya serahan berkaitan dengan apakah, siapakah bidang kuasa untuk baik pulih itu lain. Isu dia adalah di manakah tempat untuk kita laporkan ya, perkara-perkara ini selama ini tidak ada. Maksudnya dengan adanya sistem profil kampung ini selepas dilihat apakah ia di bawah bidang kuasa Pejabat Daerah atau pun UPEN atau pun di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan (ICU) contohnya atau pun di bawah PBT. Itu akan kita agihkan kemudiannya yang penting inventori ini mesti dikumpulkan terlebih dahulu supaya ia tidak bersepah-sepah atau pun berpecah-pecah ya. Ini juga sebenarnya selaras dengan apa yang telah dinyatakan dalam mesyuarat pertama ya, menteri dan juga EXCO di seluruh Malaysia iaitu Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional ini diguna pakai di seluruh Malaysia sebenarnya. Jadi itulah beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Bukit Melawati.

Seterusnya Tuan Timbalan Speaker, Yang Berhormat Sijangkang mengutarakan tentang permasalahan perumahan di kampung tradisi bagan dan estet terutama di lot pertanian. Untuk makluman kebanyakan kawasan penempatan yang dimaksudkan adalah merupakan kawasan tanah yang merupakan lot lidi atau pun mungkin kawasan pertanian tetapi masih lagi tidak menggunakan atau pun guna tanah dengan cara yang betul. Contohnya dekat kawasan pertanian tetapi dibuatkan perumahan dan

sebagainya. Jadi justeru itu keadaan ini telah menyebabkan pembangunan yang tidak terancang ya dan menyeluruh. Oleh itu satu kajian pelan tindakan khas atau pun (PTK) Kajian Penstrukturan Semula Kampung dalam bandar Negeri Selangor. Kita berikan tumpuan dalam bandar terutamanya yang sedang dijalankan dan dijangka akan diselesaikan pada Februari 2019. Telah mengambil kira masalah yang dinyatakan dan *insyaAllah* sebagai contoh ini permulaanlah saya bagi sedikit makluman. Contoh di daerah Klang, bila kajian tempatan Majlis Perbandaran Klang (MPK) telah mengenal pasti isu dan masalah kemudahan awam dan perumahan terutamanya di Kampung Bagan Sungai Lima, Kampung Bagan Pulau Ketam, Penempatan Asli dan sebagainya. Antara penyelesaian yang dikemukakan adalah mengezonkan semula atau pun mewartakan semula kawasan pertanian sebagai kawasan pembangunan. Jadi bila adanya ia selarilah, maknanya kawasan pembangunan ini tidaklah lagi di bawah kawasan pertanian tetapi diletakkan bawah kawasan pembangunan atau pun kediaman. Akhirnya projek atau pun urusan pembangunan itu mestilah akan dilakukan selari dengan apa yang diputuskan oleh kerajaan tempatan atau pun Kerajaan Negeri. Silakan Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Tuan Timbalan Speaker, sedikit penjelasan. Kita ada pelan hala tuju strategi desa Negeri Selangor dan kita tahu bahawa perumahan atau pun lot-lot untuk perumahan di kawasan kampung-kampung tradisi ini adalah antara satu yang ada keperluannya pada hari ini. Mungkin sebahagian daripada rakyat kita tidak mampu untuk membeli rumah Selangorku, rumah kos rendah tetapi mereka mempunyai tanah yang bersifat tanah warisan yang pada hari ini saya kira realitinya tanah-tanah ini bersifat tanah pertanian tetapi sudah ada pembangunan rumah-rumah lot secara generasi yang kita menghadapi permasalahan dari sudut infrastruktur, jalan, keperluan untuk air, elektrik dan sebagainya yang pada hari ini saya kira masalah yang cukup besar. Dan saya kira mungkin ada satu inisiatif yang boleh dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk menukar syarat tanah pertanian kepada tanah perumahan yang mungkin ada satu klausa-klausa yang boleh diberikan sebagai satu insentif kepada pemilik-pemilik itu untuk ditukar syarat. Dan ia juga mungkin akan memberikan satu pulangan pula kepada Kerajaan Negeri. Sebab sebahagian mereka juga tidak mampu untuk membayar kos untuk tukar syarat dan sebagainya yang saya kira Kerajaan Negeri boleh bersifat proaktif yang saya kira pada hari ini akan menjadi perkara yang berterusan yang sepatutnya boleh diambil oleh Kerajaan Negeri mungkin sedikit penjelasan daripada EXCO.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Yang Berhormat Sijangkang. Sebenarnya terima kasih kerana mengingatkan saya tentang perkara ini. Sebenarnya untuk pengetahuan Yang Berhormat semua, boleh teliti dalam skim berkaitan dengan perumahan ini ada skim pemilikan rumah kediaman, tanah kediaman sebenarnya yang

telah pun saya ingat dalam 2014 telah pun dikemukakan oleh Kerajaan Negeri. Yang mana skim ini adalah bertujuan untuk bagi mereka yang syarat guna tanahnya dulu pertanian lepas itu bila dipayah-payahkan diberikan sebagai warisan kepada anak-anak atau pun generasi yang di bawah mereka, ia telah pun rumah-rumah pun telah dibina. Jadi dalam isu ini sebenarnya syarat tukar tanah itu boleh dibenarkan dengan syarat dikemukakan permohonan itu ke Pejabat Tanah dan Galian, akhirnya kita pegawai di Pejabat Daerah akan datang untuk meneliti. Skim ini sebenarnya telah pun wujud tetapi9 kemungkinan besar ia tidak menjadi keutamaan atau pun tidak ramai yang dengar tentang skim ini. Jadi sebenarnya sebelum dikemukakan saya seawal menjadi EXCO Luar Bandar saya telah pun berjumpa dengan Pejabat Tanah dan Daerah untuk mereka mengkaji supaya memulakan usaha ini tetapi atau pun kertas itu akan dikemukakan supaya akhirnya diselesaikan isu tukar syarat ini. Kenapa penting kerana kita tidak mahu bila tukar syarat itu dibuat premium yang dikenakan tinggi sedangkan skim pemilikan rumah kediaman ini mereka boleh diberi pilihan sama ada mereka nak bayar premium itu secara penuh atau pun mereka boleh membayar premium serendah RM1,000 bersama dengan caruman parit dan kubur. Dan ia juga boleh sebenarnya tetapi kalau dibayar RM1,000 ia menjadi sekatan untuk tidak boleh dijual atau pun dipindah milik kepada orang yang selain daripada mereka yang dinyatakan sebagai saya rasa sayang. Jadi sebenarnya *insyaAllah* perkara yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Sijangkang telah pun mendapat perhatian dan saya sedang menunggu kertas pembentangan daripada pihak Pejabat Tanah dan Galian, kalau ia telah pun dikemukakan kita akan kenal pasti berapakah tanah-tanah pertanian yang sekarang ini syarat penggunaannya telah pun berbeza terutamanya di kawasan-kawasan bandar yang telah pun diduduki. Dan kita harap dengan bantuan ini juga memudah cara kepada penduduk di sekitar Selangor untuk mereka dapat memiliki geran tanah secara khusus, persendirian. Dan dalam masa yang sama tidak menyusahkan mereka untuk membayar premium tapi pihak kerajaan pula akan datang ia boleh mendapat hasil dengan mendapat kutipan cukai tahunan tanah yang dikemukakan.

Dan seterusnya Yang Berhormat Timbalan Speaker, Sungai Ramal juga bertanya tentang cadangan untuk menjadikan Bandar Baru Bangi sebagai fesyen kota seperti mana Kota Bandung. Ingin saya nyatakan di sini merujuk kepada Global Halal Industri Market pada 2017, produk Moden Fesyen ini telah direkodkan memang banyak *income* atau pun pendapatan yang dilakukan. Secara singkatnya ingin saya beri maklum bahawa Kerajaan Negeri memang berhasrat untuk mempromosikan dan membantu untuk merencanakan produk-produk tempatan usahawan yang mengeluarkan produk pakaian sebaik Muslimah atau pun pakaian fesyen yang ada di pasaran dalam negeri dan luar negeri. Tetapi selalunya sebenarnya Sungai Ramal sebelum ini telah pun Shah Alam telah pun dinamakan sebagai destinasi produk fesyen Muslimah. Jadi saya tidak menjadi halangan jika Sungai Ramal atau pun Bangi akan dijadikan satu lagi

destinasi industri fesyen kerana usaha ini sebenarnya boleh menggalakkan lagi, merencanakan lagi ekonomi ke arah industri yang berbeza dalam Negeri Selangor.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat kita akan sambung selepas rehat.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Baik Timbalan Speaker, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan jam 1.00 tengah hari. Dengan ini saya menangguhkan dewan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 petang)

(Dewan Disambung Semula)
(Tuan Timbalan Speaker Mempengerusikan)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Selamat petang Yang Berhormat - Yang Berhormat sekalian. Kita sambung penggulungan kita. Saya jemput Batu Tiga teruskan. Sila teruskan.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Sebelum saya meneruskan saya ingin membuat sedikit pembetulan. Nanti Yang Berhormat semua silap ambil maklumat tentang apa yang saya sebut tadi daripada soalan Yang Berhormat Sijangkang iaitu Skim Pemilikan Tanah yang saya sebutkan itu bukan Skim Pemilikan Rumah Kediaman ya. Skim Pemilikan Tanah untuk rumah kediaman. Jadi itulah skim yang dinyatakan untuk memastikan bahawa setiap penghuni tanah-tanah pertanian itu dapat diberikan geran persendirian untuk mereka boleh menikmati infrastruktur yang lebih baik.

Tuan Timbalan Speaker, izinkan saya menjawab soalan ataupun menjawab perbahasan daripada ADUN Teratai, ya iaitu beliau bertanya tentang apakah cadangan pemberian insentif kepada usahawan yang mengeluarkan produk *Made in Selangor*. Di sini Tuan Timbalan Speaker, untuk maklumat Dewan yang mulia ini Kerajaan Negeri telah pun mengambil berbagai-bagai inisiatif dalam pemberian insentif kepada usahawan yang mengusahakan produk *Made in Selangor* ini. Di antara nya pemberian insentif keusahawanan ini mencakupi aspek bantuan pembiayaan, pembungkusan produk, promosi dan juga pemasaran. Selain daripada itu Kerajaan Negeri juga turut mengadakan kolaborasi dengan agensi di peringkat negeri dan juga persekutuan dalam meningkatkan keupayaan usahawan Negeri Selangor. Jadi insentif yang bersifat menyeluruh ini telah diperkenalkan dan akan diperbaiki serta ditambah baik penambahan keupayaan serta daya saing usahawan untuk menghasilkan produk Negeri Selangor ini. Antara inisiatif yang telah diperkenalkan oleh kerajaan adalah Dana Usahawan Mikro Selangor yang diberikan dalam bentuk geran peralatan atau pun bantuan mesin-mesin untuk menyokong keperluan pembangunan perniagaan, perusahaan dan penggunaan teknologi di dalam pengembangan *business* usahawan tersebut.

Yang keduanya ialah program pembungkusan produk *Made in Selangor*. Antara inisiatif membantu usahawan menaik taraf pek pembungkusan sedia ada dalam corak ataupun bahan pembungkusan yang lebih kualiti dan menarik. Alhamdulillah tahun ini Yang Berhormat Menteri Besar telah pun mengumumkan bahawa, tahun ini maaf tahun

hadapan telah diumumkan bahawa ada tambahan sebanyak RM 550,000 untuk program pembungkusan ini.

Yang ketiganya menyediakan platform promosi di peringkat tempatan seperti MIHAS, PIACC, SIE dan juga di peringkat antarabangsa di mana kita membawa usahawan-usahawan yang telah pun menunjukkan prestasi peningkatan usahawan ini ke mana ke ekspo-ekspo yang lebih tinggi. Dan yang keempatnya menjalinkan kerjasama dengan *Invest Selangor* melalui *Selangor Information Technology dan Commerce Council* (Sitech) dan dengan agensi-agensi kerajaan pusat bagi mempromosikan jualan produk Selangor. Dan yang terkini tahun ini pihak Kerajaan Negeri mengorak langkah iaitu membawa, mempromosi produk-produk Selangor ini di luar Selangor seperti di Johor dan juga akan datang ini tidak lama lagi di Melaka. Jadi dalam masa yang sama Kerajaan Negeri akan sentiasa mencari kaedah baru dan juga kita juga akan memastikan usahawan Malaysia ataupun usahawan Selangor boleh bekerjasama dengan usahawan Malaysia bagi memperoleh *business inside* yang boleh dipelajari dan boleh diaplikasi di sini.

Tuan Timbalan Speaker izinkan saya sedikit untuk memberikan penjelasan berkaitan dengan *Standing Committee* ataupun Jawatankuasa Tetap Luar Bandar, iaitu saya ingin menyusun ataupun untuk memastikan semua Yang Berhormat dapat penjelasan yang lebih terperinci tentang hala tuju strategi desa Negeri Selangor 2035. Saya akan menguruskan satu taklimat khas kepada Yang Berhormat semua iaitu Yang Berhormat mempunyai kawasan pentadbiran kampung dan desa bagi memahami tentang hala tuju Kerajaan Negeri Selangor. Ia nya penting kerana dengan adanya taklimat ini saya mengharapkan bahawa Yang Berhormat dapat memahami apakah konsep yang sebenar yang ingin kita majukan di dalam Selangor berkaitan dengan pembangunan desa kerana ia bukan sahaja bercakap ataupun memberi maklumat tentang geografi atau *locality* tetapi maklumat yang ada di sini adalah memperjelaskan juga apakah dia cabaran dan prospek pembangunan yang mungkin boleh kita ataupun Yang Berhormat terokai di dalam bidang-bidang baru ataupun akan datang selain daripada gagasan ataupun gugusan yang telah pun dinyatakan oleh Dato' Menteri Besar, ia nya dapat merangka satu kerangka pembangunan yang agak holistik dan komprehensif di dalam kawasan Yang Berhormat.

Saya mencadangkan ini kerana kerangka pembangunan *Smart Selangor* agak terperinci, jadi dengan itu Yang Berhormat semua akan dapat mengikuti secara dekat apakah perancangan yang perlu dibuat. Jadi tidak lah orang kata kita Yang Berhormat semua tercari-cari apakah bentuk pembangunan, pembangunan ekonominya, pembangunan infrastrukturnya dan sebagainya yang perlu kita bangunkan tetapi ia nya telah pun dicadangkan oleh Pelan Hala Tuju ini untuk kita sama-sama teliti.

Itu di antara perkara yang ingin saya nyatakan dan saya juga ingin mengatakan bahawa di bawah Jawatankuasa Tetap Luar Bandar, Program Sayangi Desa ini juga akan diperkenalkan kerana bagi saya ianya bukan satu program semata-mata tetapi ia akan mewujudkan semangat kekeluargaan dan merapatkan silaturahim sesama penduduk. Sebab itu konsepnya agak berbeza kerana kita akan menggabung jalinkan bukan semata-mata dalam urusan pentadbiran sahaja kampung-kampung ini akan diuruskan ia juga akan menggabungkan aspek ekonomi kampung tradisi yang juga dalam aspek keselamatan kampung dan juga banyak perkara yang perlu kita laksanakan bersama. Sebab itu sebagai contoh kalau diutarakan contoh kita ada satu kampung contohnya mempunyai aset yang tersendiri, kita ada kampung seperti Kuala Selangor yang mana Kampung Kuantan di dalam daerah Kuala Selangor yang mempunyai aset yang paling bernilai, seluruh dunia tahu tentang aset tu iaitu kita ada kelip-kelip tetapi kita lihat pembangunan ekonomi ataupun kesan daripada satu aktiviti atau satu aset yang berharga itu tidak ada impaknya kepada kampung tersebut. Jadi sampai masanya kampung, pembangunan kampung khususnya pembangunan ekonomi ini mestilah dilimpah ruahkan kepada penduduk kampung itu sendiri. Jadi kita mahu penglibatan ramai lagi penduduk kampung yang terasa ini kampung dia, ini aset dia, dia akan terlibat secara khusus dalam memastikan pulangan kewangan itu ekonomi terbalik kepada mereka dalam masa yang sama mengekalkan ciri-ciri kekampungan yang ada. Silakan Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Timbalan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Pada penggal yang lepas idea tentang *Community Based Asset Development* (ABCD) telah dikemukakan dan telah dibincangkan dan ada benda-benda yang di detail kan sampai macam mana satu komuniti boleh mengeksport keluar telur itik, telur masin kualiti boleh *since supply* yang diperlukan untuk komuniti lain. So bagaimanakah idea Yang Berhormat sebutkan tadi tentang pengurusan komuniti ada persamaan dengan ABCD?

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang. Idea ABCD ini adalah satu ataupun *Asset Based Community Development* ini adalah satu idea yang bukan sahaja baharu sebenarnya telah pun diwujudkan ataupun telah terkenal seluruh dunia tentang bagaimana sesuatu aset di dalam kawasan setempat itu perlu dihubung jalinkan atau pun perlu digarap untuk pembangunan masa depan. Saya tak pasti kenapa yang dulu bagaimana pelaksanaannya tetapi akan datang ini program ini mungkin singkatannya dengan nama SARANG itu sesuai menjadi ceteris tempat untuk mengembang biakkan aktiviti kampung dan juga ekonomi itu telah pun ditetapkan bahawa setahun kita akan tengok produknya dalam 3 kampung yang akan kita bangunkan bersama. Jadi izinkan saya untuk memastikan tahun hadapan insya Allah

2019 kita akan melihat produk yang pertama ataupun hasil daripada pengembangan *asset based* ini akan dilaksanakan pertamanya di Kuala Selangor, di Kampung Kuantan terutamanya dan akhirnya akan model ini akan dibawa kerana yang penting ia nya bukan inisiatif daripada kerajaan semata-mata, ia mesti diberikan satu pembudayaan kepada komuniti itu dan kita mahu lihat semua pimpinan masyarakat yang dikenali sebagai Ketua Kampung ini belajar dan mengambil kira bagaimana proses itu dibuat daripada awal.

Jadi hasrat ini sepatutnya bukan dinamakan oleh kerajaan sahaja tetapi ia mestilah disambut dan juga difahami bagaimana proses itu boleh berlaku dan saya mencadangkan, saya merasakan bahawa kalau lah insya Allah projek pertama, kedua ini berjalan dengan baik dan kefahaman itu dapat digarapkan oleh 371 kampung, pastinya insya Allah setiap kampung nanti boleh melaksanakan program ini secara tersendiri. Jadi selain daripada itu juga walaupun kita bercakap tentang isu pembangunan kampung dan ekonomi ini, tetapi saya juga menegaskan bahawa tahun hadapan kita ingin melihat bahawa MPKK atau Ahli Jawatankuasa Kampung ini juga akan memastikan keselamatan kampung itu dapat dijaga sebab itu kita mahu kombinasi, sebab itu saya sebut *star rating* yang kita utarakan itu adalah untuk melihatkan bahawa ada peringkatnya bila mana MPKK itu akan bekerja sama rapat dengan agensi-agensi yang berkaitan dengan keselamatan menjadi satu kemestian kepada mereka melaksanakan.

Yang saya hormati Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, untuk pembangunan usahawan pula kita lihat pelebaran untuk menjadikan mereka yang berpendapatan B40 kepada M40 ini amat serius kita mahu ia menjadikan kenyataan. Walaupun saya lihat ramai usahawan-usahawan yang sekarang ini ataupun terutamanya usahawan kecil dan penjaja boleh dikatakan merata di Selangor ini tetapi kita ingin uruskannya bukan semata-mata boleh berniaga tetapi kita ingin membawa mereka ini ke tahap yang lebih orang kata lebih ke arah *cashless society*, ya maknanya kita harapkan mereka juga boleh terlibat secara langsung bila mana tidak lagi urusan perniagaan itu ada transaksi kewangan secara *direct* begitu ia menggunakan *cashless* ataupun dengan sistem *QR code* boleh dilaksanakan.

Dan yang terkini saya juga mengharapkan bagi memberi peluang kepada masyarakat Selangor khususnya satu langkah yang telah pun dibuat di mana saya yang sekarang telah mempengerusikan jawatankuasa ataupun Majlis Perundingan Penjaja dan Peniaga Kecil Kebangsaan Negeri dan juga negeri dan ahli kepada kebangsaan ataupun MP3N iaitu bawah STANCO Usahawan kita telah membincangkan bersama KPDNHEP bahawa kerajaan Selangor akan meletakkan satu *timeline* dalam masa 5 tahun ini kita akan letakkan sasaran ataupun atau pun dalam penggal ini kita akan

memastikan tidak ada lagi warga negara asing yang dibenarkan berniaga di tapak-tapak pasar malam ataupun di peniaga kecil. Ini penting kerana selaras dengan hasrat kita untuk memastikan warga negara sendiri boleh berniaga tetapi kita lihat di dalam PBT sekarang ini ataupun di tempat penjaja-penjaja ini ramai ia nya diisi ataupun dimonopoli oleh golongan-golongan tertentu warga negara asing, bukan lagi warga negara Malaysia. Silakan Teratai.

Y.B. TUAN LAI WAI CHONG : Saya amat sokong kepada polisi dasar yang kata orang asing tidak boleh meniaga di dalam pasar malam tetapi saya nak tanya apa tindakan terhadap mereka dalam pasar pagi ke atau pasar malam?

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Hulu Kelang ada nak tanya?

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tadi kita mengatakan Yang Berhormat Teratai memberikan keutamaan kepada peniaga penduduk tempatan tetapi harus diteliti di mana adanya '*rambo*', yang meniaga tanpa lesen tu adanya orang tengah, ada orang tempatan. Dia bahkan dia goyang kaki punya *collection money* lebih banyak daripada yang ambil petak.

Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL : Bertambah ramai pula berdiri ni. Biar saya jawab dulu yang bertanya. Yang Berhormat Teratai dan Yang Berhormat Hulu Kelang sebenarnya saya baru memulakan usaha ini saya nak bagi tahu saya selaku Pengerusi untuk perunding penjaja dan peniaga kecil ini baru sahaja memulakan usaha ni bila mana mesyuarat pertama baru saya panggil bulan lepas. Mesyuarat ini merupakan medan untuk kita lihat meneliti langkah ini boleh kita laksanakan. Di antara langkah pertama saya mewajibkan semua Pengarah Pelesenan PBT mesti hadir ke dalam Mesyuarat ini kerana perbincangan ini wajib kerana yang keluarkan lesen perniagaan ini adalah PBT. Mereka juga yang perlu tegas dalam penguatkuasaan. Jadi bila tidak lagi, saya tidak mahu lihat Jawatankuasa ini hanya dihadiri oleh wakil-wakil. Ia mesti diwakili oleh Ketua Pengarah di situ perbincangan boleh dibuat dibawa balik ke dalam *Full Board Meeting* dan satu ketegasan Undang-undang Kecil kalau perlu diolah, kena olah, kalau penguatkuasaan perlu diperkuatkan, perlu dikuatkan. Jadi *timeline* itu juga perlu untuk memastikan proses ini boleh berjalan dengan lancar dan alhamdulillah kita mendapat juga sokongan daripada pihak Imigresen untuk bersama dalam usaha ini. Jadi pada saya bukan mudah tetapi bagi saya sedikit tempoh baru mesyuarat pertama kita akan olahkan perkara ini supaya penggal ini kita akan jangka dapat dan arahan saya yang pertama adalah supaya paling tidak, paling tidak kita mahukan Pihak Berkuasa Tempatan mungkin Yang Berhormat EXCO, boleh..PBT boleh ambil kira perkara ini adalah untuk mendirikan bit-bit ataupun pos di mana tempat-tempat perniagaan ini ada, mereka mesti letakkan pegawai penguat kuasa di situ untuk

memastikan masyarakat *alert* ataupun pastikan perkara ini tidak berlaku dan keduanya dengan kerjasama di bawah KPDN HEP sebenarnya telah wujud aplikasi untuk kita buat aduan secara terus. Jadi, itu jawapan saya, silakan saya rasa Pandamaran dulu.

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE : Ya, terima kasih. Cuma nak, saya nak tanya, Pandamaran nak tanya, selain daripada penjaja Pasar Pagi dan Pasar Malam, sekarang peniaga asing juga dah dia maju, kadangkala memiliki kedai untuk berniaga. Adakah kita akan ambil tindakan terhadap peniaga-peniaga asing sebegini? Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Ya, Yang Berhormat Timbalan Speaker dan juga Yang Berhormat Pandamaran. Perkara itu kita ambil secara holistik. Ia tidak hanya sekadar terpencil-pencil tetapi saya mulakan dengan perniagaan kecil-kecilan di pasar malam, mungkin di pasar borong juga perlu kita ambil kira, di pasar-pasar pagi juga kita ambil kira tentang perkara ini tetapi apa pun kepentingan ini adalah untuk memastikan golongan kita, golongan B40 dan juga golongan pertengahan kita dapat, mendapat pendapatan tambahan supaya ia tidak lagi diberi ruang tetapi penegasan saya di sini ia hanya boleh berlaku jika Pihak Berkuasa Tempatan begitu serius dalam mengambil perkara ini sebagai satu perkara yang *priority* ataupun keutamaan dalam pelaksanaannya. Dasar boleh kita buat tetapi yang akhirnya kita kena tengok tentang penguatkuasaan ini di mana kepincangannya, ataupun kekurangannya kita akan bantu untuk program ini dapat dilaksanakan dengan baik. Silakan Seri Setia.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Tindakan juga harus dikenakan kepada peniaga tempatan yang menyewakan gerai mereka kepada peniaga asing.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Ya, itu juga sebenarnya antara strategi untuk memastikan mereka yang menyewakan atau memberikan premis ataupun *outsourcean* dengan izin, juga dapat diberikan tindakan yang lebih serius. Jadi, cukuplah nanti Timbalan Speaker Aturan Tetap 34, susah saya, kan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Itu sahaja?

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Saya rasa cukup untuk isu ini sebab saya hanya membentangkan supaya pihak Yang Berhormat faham tentang usaha keusahawanan ini bukan sekadar untuk membangunkan usahawan tetapi ekosistem itu juga mesti kita wujudkan, ya, nak bangunkan usahawan tetapi ekosistem itu tidak wujud. Nak meniaga susah, nak meniaga kena tarik lesen ataupun tempat itu diambil oleh orang lain, jadi, perkara-perkara ini telah juga, sedang juga diteliti oleh

Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan supaya akhirnya pembangunan itu berlaku dan akhirnya, Tuan Timbalan Speaker, saya mengharapkan supaya Program HIJRAH ini yang Alhamdulillah mendapat RM25 juta injuksi kewangan daripada kerajaan Selangor ini dapat memberikan impak yang lebih baik kepada rakyat Selangor dan Alhamdulillah saya rasa berkat 10 tahun *independent*, ataupun kita berdikari di dalam mengendalikan rakyat, sekarang ini pihak di peringkat Persekutuan seperti TEKUN dan AIM juga mengambil pandangan bagaimana kita yang telah mengusahakan dengan segala kekurangan ini, MPL ataupun Pembayaran Semula ini dia punya jumlah pembayaran semula agak baik kalau dibandingkan dengan TEKUN dan AIM jadi, saya mengharapkan tahun depan kita akan mengembangkan sedikit HIJRAH ini iaitu kita akan buat pinjaman bermusim, contoh kalau pinjaman itu bulan Ramadhan, ataupun pinjaman pada musim-musim tertentu, bulan Hari Raya dan sebagainya, Deepavali kita akan bagi pinjaman bermusim kepada usahawan. Dan yang keduanya, kita akan juga membuat pusat inkubator untuk memastikan usahawan kita boleh merealisasikan perniagaan mereka dan yang ketiganya, *smart partnership* di mana kita juga akan memastikan kita akan membuat *networking* ataupun hubung jalin di antara usahawan yang ada. Akhirnya, Koperasi HIJRAH juga akan membina jaringan usahawan yang lebih mantap, *InshaAllah*. Jadi, itu sahaja, gulungan saya pada hari ini, terima kasih Tuan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Yang Berhormat Batu Tiga, saya persilakan Yang Berhormat Selat Kelang.

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI : Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Yang Berhormat, kita semua sedia maklum bahawa Selangor kini adalah dilihat sebagai penanda aras dan merupakan salah sebuah negeri perintis di dalam pelbagai aspek sosioekonomi dan pentadbiran di mana ia sedikit sebanyak menambahkan lagi cabaran bagi kita untuk mengekalkan status sebagai watak utama di dalam membangunkan dan mewarnakan prasarana negara terutama sekali di dalam bidang pelancongan dan kebudayaan. Statistik rasmi menunjukkan pada tahun 2017 yang dikeluarkan oleh Tourism Malaysia menunjukkan bahawa Selangor telah mencatatkan kemasukan pelancong yang tertinggi sekali iaitu sebanyak 23%, 23 peratus daripada jumlah keseluruhan berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Di samping itu, saya juga dengan sukacitanya juga ingin berkongsi dengan dewan yang mulia ini bahawa salah sebuah hospital pakar yang berada di Selangor iaitu Sunway Medical Centre atau SunMed, baru-baru ini telah diiktiraf sebagai di peringkat dunia sebagai *The Top Medical Tourism Destination In South East Asia* di dalam mesyuarat APEX Healthcare Medical Tourism Awards 2018. Petikan dari laporan media yang dilaporkan berbunyi, dengan izin, *named as 2016 and 2017 International Hospital Of The Year, Sunway Medical served close to 500,000 patients annually and more than*

30,000 international patients which is from more than 150 countries. Ini jelas menunjukkan bahawa terdapat potensi yang sangat besar untuk sektor pelancongan diperkembangkan terutama sekali mengambil kira aspek-aspek yang secara asalnya mempunyai permintaan yang tinggi termasuklah pelancongan perubatan, termasuk penjagaan kesihatan, pelancongan sukan termasuk golf dan *E-Sports*, pelancongan *ecotourism* termasuk warisan alam, pelancongan agro dan pertanian, pelancongan membeli belah dan pelancongan warisan. Saya juga ingin berkongsi dengan Yang Berhormat semua, negeri Selangor Darul Ehsan baru-baru ini telah dinobatkan sebagai pemenang anugerah destinasi pelancongan terbaik di Selangor. Dalam *The Malaysian Tourism Awards 2018* di mana ia sekali lagi membuktikan bahawa negeri Selangor mempunyai pelbagai tarikan yang boleh diketengahkan sebagai pemangkin untuk melonjakkan kedatangan pelancongan sama ada dari dalam dan luar negara. Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor akan terus mempromosikan dan memperkenalkan produk-produk pelancongan di dalam siri promosi di dalam dan luar negara yang disertai bagi tahun 2018. Program-program promosi yang telah disertai oleh Tourism Selangor seperti berikut :

1. Program Matta Fair – 2 kali setahun
2. Malaysian Inbound Travel Fair 2017 atau Mita
3. Selangor International Expo
4. Kuala Lumpur Photography Festival
5. Hari Bertemu Pelanggan bersama dengan Setiausaha Kerajaan Selangor dan PBT-PBT

Sementara itu, program promosi luar negara pula yang disertai oleh Tourism Selangor adalah seperti berikut :

1. Asian Tourism Forum atau ATF
2. South East Asia Travel and Tourism Exchange, New Delhi India
3. International Tourism Bosch Berlin
4. SATTE Tourism Expo
5. Japan Station and Travel Agents atau Jatta
6. International Travel Expo ITE Hong Kong
7. China International Travel Market CITM
8. World Travel Market London
9. Arabian Travel Market ATM Dubai

Di dalam sesi-sesi lawatan ini, pihak Tourism Selangor telah mengadakan *engagement* dengan penggiat-penggiat industri tempatan dan juga luar negara untuk mempromosikan produk-produk pelancongan di dalam negeri Selangor. Tuan Speaker

dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis, pihak Kerajaan Negeri juga sedar bahawa lonjakan demi lonjakan yang dicatit sehingga kini tidak akan terpakai sama sekali seandainya pusat-pusat tarikan pelancongan yang tidak dikawal selia secara berkesan. Pihak Kerajaan Negeri sentiasa memantau pelbagai aspek terbabit dengan, demi menjaga kelestarian sektor pelancongan ini termasuklah di dalam aspek penguatkuasaan dan kawal selia, keselamatan nyawa dan barangan pengguna, peralatan yang diguna pakai dan pakej pelancongan yang disediakan. Di dalam hal ini pihak Kerajaan Negeri ingin mencadangkan bahawa Pihak Berkuasa Tempatan atau PBT diberikan mandat yang lebih luas untuk menjalankan perancangan, pemantauan dan juga penguatkuasaan yang bersepadu yang lebih komprehensif demi menangani sebarang permasalahan berkenaan pusat tarikan pelancong serta tidak seperti sebelum ini. Untuk mengadakan keupayaan, pengeluaran garis panduan perancangan bandar yang lebih tersusun dengan mengambil kira potensi sebenar sektor pelancongan di kawasan masing-masing. Isu menjalankan aktiviti pelancongan secara haram atau tanpa kelulusan yang sah perlulah ditangani secara menyeluruh dengan pelbagai program kesedaran bersepadu. Adalah menjadi pandangan Kerajaan Negeri bahawa rakyat tempatan adalah sangat digalakkan untuk menceburkan diri di dalam sektor pelancongan ini tetapi ia haruslah mengikut saluran dan prosedur yang betul. Di sinilah tempatnya Pihak Berkuasa Tempatan memainkan peranan utama harus memainkan peranan utama dengan penguatkuasaan, berhemah serta tunjuk ajar sejajar dengan prinsip peduli rakyat yang diterapkan demi memartabatkan taraf kehidupan mereka. Bukan sahaja PBT perlu mengekalkan piawaian tinggi yang dijadikan sebagai penanda aras bagi sektor ini malah PBT juga harus memikirkan strategi dan idea baru yang bernas bagi menjayakan serta memajukan bagi setiap pusat pelancongan yang dibangunkan di kawasan masing-masing. Cabaran ini tentu tidaklah mudah bagi mana-mana pihak tetapi saya percaya ia mampu dilaksanakan dengan adanya perancangan rapi dan kerjasama erat dan sokongan daripada semua pihak yang terlibat.

Seterusnya Kerajaan Negeri juga sedang giat menggalakkan pembinaan hotel-hotel termasuk *homestay* dan chalet yang baru di kawasan yang sebelum ini wujud kekurangan perkhidmatan terbabit. Kajian yang telah dilakukan sebelum ini mendapati terdapat beberapa daerah yang kurang memberi tumpuan kepada usaha membina pusat komersial seperti hotel dan chalet sewaktu merangka plan penstrukturan bandar di peringkat PBT yang mengakibatkan kurangnya tempat penginapan pelancong. Tidak ketinggalan juga, adalah inisiatif untuk menambahkan papan tanda pelancongan di setiap daerah bersesuaian dengan aktiviti yang berada di situ yang akan menjadi pemangkin kepada pertambahan pengetahuan awam terhadap destinasi pelancongan yang menarik tatkala berada di tempat tersebut. Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh sedikit ucapan Belanjawan Negeri Selangor 2019 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor pada 20 November 2018.

Antaranya seperti berikut, sektor pelancongan kini muncul sebagai salah satu penyumbang utama bagi keluaran dalam negara kasar. Menerusi Belanjawan Negara 2019 bertemakan Malaysia Berwibawa, Ekonomi Dinamik, Rakyat Sejahtera, Menteri Kewangan Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng menyatakan industri pelancongan menyumbang sebanyak 14.9% daripada keluaran dalam negara kasar atau 210 atau RM210.4 bilion pada tahun 2017. Selangor sebagai negeri yang menyumbang 23% dari KDNK, negara pada tahun 2017 pastinya menikmati paling banyak daripada jumlah yang dinyatakan di atas. Ini kerana Selangor merupakan pintu masuk utama ke dalam negara dengan 3 buah lapangan terbang dan pelabuhan di Klang yang menampung kedatangan kapal-kapal persiaran mewah. Pelbagai usaha dijalankan melalui Jawatankuasa Tetap Pelancongan bagi membawa masuk pelancong ke Selangor. Menerusi Tourism Selangor, siri promosi ke luar negara terus dilaksanakan dengan penambahan negara sasaran yang telah dikenal pasti. Dengan penambahan jumlah pelancong setiap tahun maka saya berharap agar peruntukan untuk Jawatankuasa Tetap Pelancongan dinaikkan terlebih sikit. Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Sungai Tua yang peka dengan perkembangan seni halus di Selangor khususnya. Peruntukan sebanyak RM2,500,000.00 sebagai dana tunas untuk penubuhan Shah Alam Modern Arts atau SAMA dalam pembentukan Master Plan Pembentukan Seni dan Budaya Negeri Selangor untuk amatlah dihargai. Selain daripada itu, saya juga amat teruja dengan cadangan penganjuran Selangor Model Fashion Week agar potensi bidang ini dapat ditonjolkan dengan lebih optimum dengan sejumlah RM1 juta diperuntukkan untuk program ini. Saya yakin penganjuran program ini akan dapat menarik lebih ramai pelancong ke Selangor dan merupakan satu siri promosi yang bakal memperkenalkan lagi Selangor ke persada fesyen dunia. Tradisi dan warisan merupakan elemen yang penting dalam pembangunan bangsa. Kejayaan sebuah bangsa bukan hanya terletak kepada keupayaannya meningkatkan kemajuan dari segi ekonomi tapi juga diukur dengan kemampuannya mengekalkan budaya, tradisi dan warisan ke generasi seterusnya. Dalam banyak siri promosi pelancongan yang dijalankan budaya, tradisi dan warisan merupakan bahan-bahan yang dapat menarik minat kelompok besar pelancong. Dengan memperbanyakkan lagi program yang menonjolkan budaya, tradisi dan warisan ke dalam kalendar pelancongan negeri, jumlah pelancong akan dapat ditingkatkan dan bakal memanfaatkan rakyat yang terlibat dalam industri ini. Pemerkasaan program seni kebudayaan yang berteraskan elemen tradisi dan warisan akan mendapat manfaat dari peruntukan sebanyak RM1,500,000.00 melalui Festival Alam Melayu Negeri Selangor dan Rentak Selangor International Festival seperti yang dibentangkan dalam ucapan Belanjawan 2019. Tuan Speaker, sebelum saya mengakhiri penggulungan saya, saya ingin menyentuh tiga isu yang telah dibawa oleh Yang Berhormat daripada Banting dan juga daripada Bukit Melawati. Isu yang pertama ialah Ladang Teh Bukit Chending, Bukit Cheeding telah disenaraikan dalam produk

pelancongan yang berkonsepkan pelancongan agro ataupun *agro tourism* di dalam Direktori Pelancongan Selangor. Walau bagaimanapun, ladang teh ini tidak dibuka untuk orang ramai bagi tujuan lawatan. Jika ada permintaan untuk tujuan lawatan, pihak tersebut perlu mengemukakan surat permohonan lawatan secara bertulis kepada pihak pengurusan Boh Tea Plantation ataupun melalui pihak Majlis Daerah Kuala Langat. Pihak Kerajaan Negeri dengan kerjasama Majlis Daerah Kuala Langat telah menjalankan beberapa siri lawatan bersama media ke Ladang Teh Bukit Cheeding ini di antaranya ialah program Eat, Travel, Ride Selangor Culinary Adventure 4.0. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri sentiasa komited di dalam usaha untuk memajukan potensi pelancongan yang terdapat di dalam Negeri Selangor termasuklah pembangunan dan program promosi pelancongan untuk kawasan pelancongan agro. Peruntukan menaiktaraf produk-produk pelancongan agro bergantung kepada permohonan yang dikemukakan oleh setiap Pejabat Tanah dan Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan. Setiap tahun Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM2.5 juta bagi tujuan menaiktaraf produk-produk pelancongan di dalam Negeri Selangor termasuk dalam membangunkan industri pelancongan agro. Berkenaan dengan Bukit Jugra sebagai tempat sebagai tempat pelepasan aktiviti luncur udara yang paling menarik dan yang paling disukai atau paragliding adalah di bawah kelolaan Majlis Daerah Kuala Langat. Manakala kawasan pendaratan dan penerbangan paragliding telah diwartakan kepada Majlis Daerah Kuala Langat. Walau bagaimanapun, penerbangan luncur udara kebiasaannya mempunyai *license* penerbangan dan insurans peribadi yang sah. Buat masa ini, pihak Majlis Daerah Kuala Langat tidak memberikan kebenaran secara khusus pada mana-mana operator untuk mengendalikan sukan paragliding di Bukit Jugra. Aktiviti penerbangan juga bagi sukan ini adalah terbuka kepada semua dan Majlis Daerah Kuala Langat hanya memberi kebenaran untuk aktiviti tersebut. Oleh yang demikian, Majlis Daerah Kuala Langat mengambil tanggungjawab sepenuhnya untuk menyelenggara lokasi pelepasan penerbangan dan pendaratan paragliding di Bukit Jugra. Untuk makluman, Majlis Daerah Kuala Langat telah bercadang untuk melantik operator yang bersesuaian untuk mengendalikan aktiviti paragliding di Bukit Jugra dalam masa terdekat. Berkenaan dengan Taman Alam Kuala Selangor, mengenai cadangan menaiktaraf Taman Alam Kuala Selangor sebagai tapak Ramsar di bawah Konvensyen Ramsar Dunia, Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan ini seterusnya menyokong usul ini bagi meletakkan produk pelancongan yang berkonsepkan eco ini di pentas dunia seterusnya meningkatkan lagi kedatangan pelancong ke Kuala Selangor. Sehubungan dengan itu, beberapa perkara sedang dikenal pasti dan dirancang seperti berikut :-

- 1) Malaysia Nature Society yang menguruskan Taman Alam Kuala Selangor sedang mengemaskini maklumat biodiversiti dan memberikan kesedaran serta latihan kepada komuniti setempat untuk mengenal pasti tapak Ramsar ini.

- 2) Pihak Kerajaan Negeri juga perlu menghantar surat permohonan rasmi kepada pihak Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli untuk permohonan tapak ramsar ini.
- 3) Sokongan publisiti dan promosi yang berterusan melalui kerjasama bersama agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, pihak Majlis Daerah Kuala Selangor dan Tourism Selangor sendiri sebagai badan pelancongan negeri.

Dan yang kedua, Kerajaan Negeri Selangor menyambut baik cadangan DUN Bukit Melawati terhadap peletakan papan tanda pelancongan di sekitar kawasan Kuala Selangor. Kerajaan Negeri juga melalui Majlis Daerah Kuala Selangor akan menaiktaraf semua papan tanda pelancongan di sekitar kawasan Kuala Selangor bermula Januari 2019 mengikut fasa dan kawasan tertentu dan mengambil kira reka bentuk yang bersesuaian. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih. Saya silakan Lembah Jaya.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan daripada Bukit Lanjan, Morib, Dusun Tua, Rawang, Seri Setia, Taman Templer, Kota Damansara, Balakong dan juga Pandamaran yang menyentuh hal berkaitan dengan perumahan termasuk Rumah Selangorku. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Selangor dan pihak, perkara ini dibangkitkan oleh Bukit Lanjan berkaitan dengan *Rent To Own* yang dikelolakan ataupun yang akan dijalankan oleh pihak Maybank. Bahawa Kerajaan Negeri dan pihak Maybank akan berkolaborasi bagi membantu pembeli Rumah Selangorku yang tidak mendapat pinjaman perumahan bagi golongan B40 dan M40 melalui pelaksanaan skim yang dikenali sebagai Sewa Milik Selangorku. Jadi, Skim Sewa Milik Selangorku ini akan dilaksanakan untuk pembelian Rumah Selangorku sahaja dan bagi mereka atau pembeli rumah yang pertama. Yang dalam, bagi Rumah-Rumah Selangorku yang dalam pembinaan terutamanya yang bakal siap pada tahun hadapan dan juga 2020 akan ditawarkan kepada orang awam. Semasa proses pembinaan, Maybank tidak akan membuat apa-apa tuntutan bayaran kepada pembeli dan kos tersebut akan dibayar oleh Maybank sebagai pemilik hartanah kepada pemaju di bawah Skim *Rent To Own*. Pembeli sebagai penyewa hanya perlu menjelaskan bayaran sewaan bulanan kepada pihak Maybank. Jadi, selepas projek siap untuk diduduki baru bermula pembayaran untuk unit tersebut. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri dalam proses penelitian.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Mohon penjelasan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Mohon penjelasan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Belum habis lagi *explain*.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Ok.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Benarkan saya jelaskan dulu. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri dalam proses penelitian dan kajian akan mekanisme pelaksanaan skim tersebut. Jadi, kita secara dasarnya sudah bersetuju pihak Maybank akan menyediakan pinjaman untuk golongan B40 bagi memiliki unit RSKU. Jadi, oleh yang demikian perkara ini perlu dibawa ke peringkat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan perlu mendapat ulasan dan pandangan daripada Pegawai Kewangan dan juga Penasihat Undang-Undang Negeri. Jadi...

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Ok. Terima kasih Yang Berhormat Exco. Kadar sewa yang perlu dibayar kepada Maybank adalah lebih kurang berapa RM sebulan bagi kategori Type A yang paling murah dan kategori Type B yang paling mahal? Supaya rakyat boleh ada anggaran yang skim sewa ini berapa bebanan kepada mereka.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Secara purata sewaan akan di....kadar sewa yang akan dikenakan adalah dalam RM400.00 hingga RM650.00. Sementa?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Y.B. EXCO. Sementa ingin bertanya tentang Skim Smart Sewa. Ada ramai di kalangan para penyewa di Skim Smart Sewa ini mereka telah selesai dengan rumah yang mereka telah duduki dan mereka memohon bertanyakan kepada EXCO adakah boleh membeli rumah yang mereka duduki ini dan Kerajaan Negeri boleh mendapatkan ataupun membuat lebih banyak lagi rumah-rumah skim Smart Sewa ini? Terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Baik, Sementa. Saya bercakap tentang ini skim...kita panggil Skim Sewa Milik Selangorku. Ini kaedah *rent to own* yang ditawarkanlah bagi mereka yang mungkin ada kesukaran untuk mendapat pinjaman daripada bank jadi kita telah bersetuju dengan bekerjasama dengan pihak Maybank untuk memberi pinjaman kepada mereka. Kalau Smart Sewa itu skim yang lain di mana Kerajaan Negeri menyewakan unit-unit yang kita telah beli kepada golongan B40 ini hanya untuk sewa kadar dua hingga lima tahun maksimum. Kemudian setelah dilangsaikan segala bayaran selenggara, fi selenggara 30% akan

dipulangkan kepada penyewa. Jadi, duit tersebut atau wang tersebut boleh digunakan untuk pembayaran pembelian unit yang baru di tempat lain. Bukan unit yang mereka sewa. Jadi, izinkan saya teruskan. Jadi, selain...

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Y.B. EXCO cumanya saya faham tentang program yang disebut tadi dan saya lebih *mention* kepada tentang Skim Smart Sewa yang mana para penyewa ini yang terdiri daripada B40 ini mereka ingin untuk memiliki rumah yang mereka duduki dalam program Skim Smart Sewa ini. Jadi, ini yang ingin dipertanyakan. Bolehkah mereka membeli rumah tersebut?

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Jawapannya tak boleh sebab unit-unit dalam Skim Smart Sewa ini khusus untuk disewakan sahaja. Jadi, kalau mereka ingin memiliki unit Rumah Selangorku boleh membuat pilihan dalam senarai RSKU yang ditawarkan. Selain itu, pelaksanaan skim ini dalam masa yang sama dijangkakan turut membantu kadar kecepatan penjualan unit RSKU sebab kita dapati dalam permohonan yang telah dikemukakan hampir separuh terpaksa ditolak kerana mereka gagal mendapat pembiayaan, pinjaman daripada bank. Jadi, dengan adanya Skim Sewa Milik Selangorku ini kita harap dapat mengatasi masalah tersebut. Untuk maklumat tambahan perkara yang dibangkitkan oleh Rawang tentang program *Fund My Home*. Jadi, *Fund My Home* ini adalah program yang dilancarkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk memberi pembiayaan kepada...yang ini sedikit lain. Dia berbeza dengan apa yang kita tawarkan di Selangor sebab apa yang kita tawar di Selangor adalah khas untuk rumah harga kawalan sahaja. Tapi yang *Fund My Home* ini dia terbuka kepada mana-mana unit. Maksudnya unit harga bebas juga boleh menggunakan kaedah *Fund My Home* ini di mana pembeli mana-mana unit perlu membayar 20% daripada harga rumah sekali gus memiliki 20% ekuiti rumah tersebut. Baki selebihnya iaitu 80% akan dibayar oleh Kumpulan Pelabur. Saya difahamkan ada beberapa syarikat korporat yang bersetuju untuk bersama-sama dengan program inilah. Hanya maklumat terperinci tu belum lagi kita perolehilah, itu secara kasar. Dan pembeli rumah tersebut mempunyai pilihan untuk membeli keseluruhan rumah di waktu kemudian dengan membayar nilai berbaki 80% itu kemudian. Manakala Skim Sewa Milik Selangorku ini ia program sewa rumah yang mempunyai pilihan untuk membeli unit RSKU dalam tempoh 10 tahun. Harga rumah RSKU tidak berubah. Makna dia tidak mengikut harga pasaranlah. Dia akan beli pada harga kawalan. Jadi, dalam tempoh sewaan tersebut unit rumah bukan milik penyewa tapi milik bank. Secara keseluruhannya program *Fund My Home* tidak akan dilaksanakan bagi Rumah Selangorku sebab pemilikan itu, syarat layak pembeli unit RSKU adalah individu yang berpendapatan sekian jumlah dan juga rumah milik...rumah pertama merekalah. Jadi, kita tak laksanakanlah yang program *Fund My Home* tersebut.

Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT : Ya minta pencerahan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Tapi itu terpulang pada mereka yang ingin membeli rumah untuk guna kaedah tersebut. Hanya Kerajaan Negeri menyediakan skim yang lain.

Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT : Nak tanya. Adakah yang untuk yang skim yang sewa beli itu lepas apa itu, penyewa itu menyewa 10 tahun mereka akan memiliki rumah tersebut atau berapa lama tempohnya?

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Dia boleh membuat keputusan untuk membeli dan bayaran tersebut dibuat kepada bank. Kalau dalam tempoh dua tahun dia membuat keputusan untuk membelinya dan perkara itu boleh dimaklumkan kepada bank. Tapi buat sementara dia membuat keputusan tersebut pembelian itu dibuat dibayar oleh bank kepada pemaju. Baik. Bukit Lanjan juga ada bangkitkan berkaitan dengan Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Pembangunan Rumah Selangorku. Jadi, untuk pengetahuan Yang Berhormat semua, sebenarnya memang ada satu jawatankuasa khas. Kita panggil Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Pembangunan Rumah Selangorku di mana Jawatankuasa ini tugasnya adalah memantau perkembangan pembangunan RSKU. Jadi, ini menunjukkan seriusnya kita nak memastikan pembinaan Rumah Selangorku itu dilaksanakan mengikut jadual. Jadi, setelah mendapat kelulusan, mana-mana bangunan telah mendapat kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri maka pembangunan sesuatu projek tersebut diberi tempoh masa di antara 18 hingga 24 bulan. Untuk mengemukakan dan mendapatkan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan bagi pembangunan yang mereka rancang untuk bangunkanlah. Iaitu mendapat kebenaran merancang. Boleh sebenarnya didapati ataupun dikemukakan kepada One Stop Centre di PBT-PBT. Jadi, Jawatankuasa ini akan melaporkan status kemajuan bagi setiap projek yang telah mendapat kelulusan. Jadi, setiap tiga bulan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Rumah Selangorku akan mendapat laporan daripada Jawatankuasa ini tentang perkembangan mana-mana projek yang telah mendapat kelulusan. Tindakan yang pernah diambil ke atas pemaju yang gagal memenuhi syarat progres kerja dalam tempoh 18 hingga 24 bulan ini pernah dilaksanakanlah. Ada terdapat kalau tidak silap saya ada sembilan pemaju yang telah ditarik balik kelulusan pembangunan mereka. Jadi, mereka tidak pada masa yang sama tidak boleh menjalankan pembangunan yang lain selagi mereka tidak selesaikan pembangunan Rumah Selangorku. Jadi, ini langkah ini sebenarnya diambil oleh Kerajaan Negeri berdasarkan pengalaman daripada pentadbiran yang lepas di mana pembangunan diluluskan yang termasuk pembangunan rumah-rumah kos rendah pada ketika itu tetapi akhirnya binaan untuk rumah-rumah bernilai tinggi ini telah siap dibina dan hanya

tinggal apa tu, perumahan kos rendah yang tidak dibina akhirnya gagal dibina. Jadi, berdasarkan pengalaman itu kita telah mensyaratkan mana-mana pembangunan yang telah diluluskan kebenaran merancanginya perlu memulakan pembinaan Rumah Selangorku dahulu ataupun serentak dengan pembangunan yang lain. Yang Berhormat Bukit Lanjan juga ada menyentuh berkaitan dengan Skim Smart Sewa tadi di mana Sementa juga ada bangkitkan. Saya lupa nak sebut tadi bahawa Kerajaan Negeri telah menambah peruntukan sebanyak RM50 juta untuk beli lagi unit-unit yang baru kerana Skim Smart Sewa ini mendapat sambutan hangat daripada ramai yang belum mampu untuk memiliki unit tapi merasa selesa untuk menyewa kerana unit-unit yang ditawarkan itu memang, apa tu, berkualitilah. Jadi, tempoh sewaan yang saya sebut sebentar tadi hanya dibenarkan selama paling singkat mungkin dua hingga lima tahun. Lima tahun paling lamalah. Jadi, perlu mereka pastikan selepas lima tahun tu mereka sudah ada rancangan untuk memiliki unit. Pengurusan bagi rumah-rumah Smart Sewa ini dijalankan oleh pihak anak syarikat Lembaga Perumahan Hartanah Selangor iaitu Perumahan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (PHSSB). Jadi, setakat ini rumah-rumah tersebut telah berjaya diuruskan dengan baik dengan pembayaran sewa yang selalunya melebihi 80% dan kebanyakannya sudah mencapai 99%. Jadi, saya nampak mungkin kaedah menyewa unit ini lebih sesuai bagi sesetengah keluarga yang belum mampu memiliki unit mereka sendiri. Yang Berhormat Morib juga ada bangkitkan berkaitan dengan Rumah Idaman Rakyat Selangor. Ini adalah projek Rumah Selangorku oleh pihak MBI di mana saya ucapkan syabas kepada MBI kerana menyahut cabaran ataupun menyahut seruan Kerajaan Negeri untuk menyediakan rumah yang cukup bagi golongan B40. Jadi, inisiatif ini juga menunjukkan satu imej yang baru yang ingin diketengahkan Rumah Harga Kawalan tetapi tidak dikompromi dari segi kualiti rumah tersebut, yang ditawarkan. Jadi, terdapat 5,000 unit yang akan dimulakan pembangunannya dan ada di beberapa tempat yang mungkin yang ada ni adalah yang akan datang tapi saya juga dimaklumkan sudah ada juga unit-unit yang dah siap dan akan diserahkan kunci. Jadi, Dusun Tua juga ada bertanyakan tentang hal yang sama dan ingin tahu jumlah keluasan tanah yang MBI miliki.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN : Tuan Speaker.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Ya, Morib.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN : Mohon pencerahan. Tadi Yang Berhormat EXCO ada sebut ada unit yang telah siap. Boleh saya, ada maklumat tak unit di mana?

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : *InsyaAllah* di Kajang yang sudah siap menggunakan kaedah ini di mana keluasan lantainya adalah 1,000 kaki

persegi dan dilengkapi dengan apa tu, peralatan-peralatan yang dinyatakan. Jadi, setakat ini MBI, tanah-tanah yang dimiliki itu adalah apa tu, milik MBI dan juga pembinaannya adalah kolaborasi antara pemaju dengan MBI. Jadi, kos pembinaan untuk setiap kawasan pembangunan adalah tertakluk kepada banyak faktor seperti kos infrastruktur, bentuk muka bumi dan sebagainya. Namun, secara keseluruhannya kos setiap unit rumah yang berkeluasan 1,000 kaki persegi yang bakal dibina di lokasi yang berbeza tidak akan melebihi nilai RM250,000.00. Maka, anggaran kasar keseluruhan projek pembinaan boleh didarabkanlah bilangan unit yang akan dibina dengan harga seunit rumah. Dusun Tua juga ada mencadangkan supaya pemaju-pemaju tidak perlu membina Rumah Selangorku tapi sebaliknya hanya menyumbangkan harga unit-unit Rumah Selangorku yang perlu dilaksanakan dan dimasukkan di dalam Tabung Perumahan. Sebab saya lihat begini, keperluan untuk memiliki rumah ini jumlahnya agak besar jadi kalau kita, kalau tugas untuk membina rumah ini hanya diletakkan di atas Kerajaan Negeri yang sebenarnya tidak membina rumah hanya menetapkan dasar dan saya nampak hasrat untuk menyediakan rumah yang mencukupi itu tidak akan tercapai. Jadi, tugas ini sama-sama dipikul di samping Kerajaan Persekutuan dia mempunyai kewangan untuk membina rumah, dia panggil Perumahan Rakyat di mana Kerajaan Negeri kenal pasti tanah yang ada kemudian Kerajaan Persekutuan membina unit-unit tersebut. Bagi pemaju sebenarnya kita juga mengambil pandangan semua sebenarnya pemaju begitu juga pembeli bagi memastikan harga yang ditawarkan pemaju itu boleh dibeli oleh golongan B40 dan pada masa yang sama pemaju juga buat keuntungan. Itu sebab awal tahun ini, kita apa tu, menyemak semula dasar perumahan Rumah Mampu Milik di Selangor dengan harga kawalan untuk memberi makna mengambil pandangan tersebut di mana keluasan kita sudah kurangkan bagi harga yang sama. Jadi, membolehkan pemaju mengurangkan kos, bukan mengurangkan kos, mendapat keuntungan yang lebih sikit dan juga pada masa yang sama menawarkan unit yang boleh dimiliki oleh B40. Bukan itu sahaja sebenarnya kita juga mengambil pandangan mereka dan bersetuju untuk membentuk satu jawatankuasa *task force* untuk menyemak harga yang diperlukan untuk membina rumah Rumah Selangorku ini daripada peringkat merancang hingga siapnya unit tersebut. Jadi, bagi memastikan melihat di mana kita boleh mengurangkan lagi kos penyediaan Rumah Selangorku dan saya nampak ini disambut baiklah oleh pihak pemaju. Jadi, kita sebenarnya tidak juga, kita mengambil pandangan mereka sebab kita nampak mereka pemain penting dalam industri perumahan ini. Jadi, cadangan membayar nilai harga pembinaan Rumah Selangorku itu dan masukannya dalam tabung itu mungkinlah itu saya dengar memang adalah pemaju yang telah memberi cadangan tersebut tapi saya nampak yang lebih bermanfaat ataupun *win win situation* adalah pemaju boleh *cross subsidize* kita meluluskan pembangunan harga rumah bebas dan pada masa yang sama harga kawalan supaya dia boleh mendapat keuntungan dengan penjualan harga rumah bebas dan juga boleh membina Rumah Selangorku. Ya, silakan.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih. *Just* ke atas kenyataan tadi masalah kita dengan *cross subsidy* yang sedia ada ialah *cross subsidy* itu adalah sama untuk pemaju yang membina rumah berharga RM500,000 ataupun membina rumah berharga RM2 juta kerana formula yang kita ada di Negeri Selangor ialah dia mesti bina mungkin 20, 30 ataupun 40% Rumah Selangorku. Tak kisah berapa harga rumah harga bebas tersebut jadi subsidi adalah sama daripada rumah RM500,000.00 dan daripada rumah RM2 juta. Jadi, *the middle class is this proportionally subsidizing more* berbanding mereka yang kaya untuk pembinaan Rumah Selangorku.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Saya lihat tidak semestinya begitu sebenarnya sebab kita pemaju juga apabila mereka membina rumah-rumah ini melihat kepada permintaan sebab bila ada dasar rumah yang ada harga kawalan ini maka orang ramai lebih suka untuk membeli rumah yang harganya RM500 ribu daripada *more than that* dengan izin. Jadi saya nampak apa jenis apa pun harga rumah yang akan dibina oleh pemaju itu sebenarnya bergantung pada permintaan.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKRAN : Minta maaf, mungkin saya kurang jelas. Masalah dengan formula 30% rumah Selangorku ialah pemaju yang bina 10 rumah harga RM500 ribu kena membina 3 rumah Selangorku dan pemaju yang membina 10 rumah RM2 juta ringgit juga hanya perlu membina 3 rumah Selangorku jadi peratus subsidi dalam harga RM500 ribu lebih tinggi. *Because they have to use the same amount money to* bina 3 rumah Selangorku tetapi sumber dapat adalah sama tidak kisah rumah RM2 juta ataupun rumah RM500 ribu.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : OK Yang Berhormat Bukit Gasing sebenarnya peratusan itu juga tidaklah maknanya *fix at three* bergantung pada keluasan dan juga zon di mana ia berada so ia berbeza sebenarnya dan juga bagi kawasan seperti Lembah Klang nilainya lebih tinggi sikit berbanding yang di zon 3, zon 1 nilai yang ada jenis yang tambahan. Jadi saya nampak itu formula yang kita ada setakat ini tapi kita sangat terbuka untuk maknanya untuk kita mendapat satu yang lebih baik. Jadi cadangan itu juga kita akan tengok kalau maknanya ia boleh diterima. Seterusnya Taman Templer juga ada bangkitkan hal berkaitan dengan projek terbengkalai. Templer tiada. Kalau tidak ada saya tidak payah jawab. Saya rasa begitulah. Kemudian Yang Berhormat Seri Setia, isu berkaitan dengan PPR Lembah Subang 1 jadi saya suka mengambil kesempatan ini untuk beri sedikit kronologi apa yang berlaku sebelum ini berkaitan dengan PPR Lembah Subang memang keadaannya sangat menyedihkan. Jadi kita berusaha untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka. Jadi, baik PPR Lembah Subang ini,

Lembah Subang 1 telah siap dibina pada 30 Mac 1999 fasa 1 dan 30 September 2000 fasa 2 di atas tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan PTP seluas 7.74 hektar dengan kos berjumlah RM109,207,000.00 merangkumi tiga ribu lebih unit dan 8 blok pangsa berbilang tingkat. PPR Lembah Subang ini telah di serahkan kepada Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2002 tanpa sebarang perjanjian diserahkan secara verbal tidak ada hitam putih sebenarnya dan perkara ini sebenarnya diketahui oleh pihak Menteri dan kemudian Jemaah Menteri pada tahun 2017 telah bersetuju supaya KPKT mengambil alih pengurusan PPR Lembah Subang 1 berkuat kuasa 1 Januari 2018. Jadi keputusan Menteri yang sebelum ini. Jadi itu sebab tahun ini PPR Lembah Subang tidak lagi diurus oleh MBPJ ataupun Majlis Bandar Raya Petaling Jaya tapi diserahkan kepada KPKT. Namun mengambil kira kepentingan negara dan juga keperluan rakyat masa ini KPKT berpandangan pengurusan dan selenggara PPR Lembah Subang 1 ini wajar diserahkan semula kepada Kerajaan Negeri tapi penyerahan ini Kerajaan Negeri mencadangkan ia diselesaikan secara *ligal*, sah ia ada 2 *option* 2 pilihan. Satu adalah untuk cadangannya adalah untuk serahkan pengurusan ini secara pajakkan dengan kadar nominal RM100 sepanjang tahun sepanjang tahun. Pajakan dikenakan ke atas Kerajaan Negeri atau ini cadangan UPEN melalui kaedah pelepasan tanah rizab berdasarkan Pekeliling Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Bilangan 2 Tahun 2015 oleh Kerajaan Persekutuan ini dibuat oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri yang dilihat lebih sesuai untuk menjaga PPR Lembah Subang 1. Jadi sebenarnya sekarang ini dalam proses untuk diserahkan tanah tersebut diserahkan kepada Kerajaan Negeri dan cadangan saya untuk selepas ini adalah untuk pembangunan semula kawasan tersebut. Buat sementara ini kita mengurusnya, KPKT bawah Jabatan Perumahan Negara yang akan bertanggungjawab mengurus bangunan tersebut, 8 blok tersebut dan mereka juga mereka telah melantik 1 kontraktor untuk menjalankan tugas tersebut.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKRAN : Yang Berhormat Timbalan Speaker, cuma selama mana pengurusan ataupun penyelesaian ini yang diambil masih yang lama selama itulah masalah akan berbangkit. Macam saya cakap dalam perbahasan saya semalam antara isu warga asing masuk ke dalam rumah ini, yang tinggal dan kemudiannya orang yang tanpa mendaftar terus masuk di sini dan saya rasa Kerajaan Negeri rugi banyak dari segi pembayaran sewanya dan sebagainya. Jadi saya minta dibuat satu penyelesaian yang lebih cepat mungkin antara Kerajaan Negeri dan Pihak KPKT.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Memang kita sentiasa dalam komunikasi bersama dengan Jabatan Perumahan Negara yang bertanggungjawab untuk menguruskan bangunan tersebut dan kita juga dalam perbincangan untuk mengurus isu-isu yang dibangkitkan oleh Seri Setia iaitu

penyewaan yang melebihi puluhan tahun mereka tinggal di situ kemudian yang menyewa atas sewa dan juga menyewa kepada warga asing dan ada isu mencuri bekalan elektrik dan juga air. Jadi itu dalam perbincangan kami dan kerjasama dengan Jabatan-jabatan yang berkaitan. Jadi itu, insyaallah dalam proses hanya sebab perkara ini telah menjadi masalah yang agak lama jadi ia mengambil masa sedikit untuk mendapatkan maknanya untuk melihat kesan daripada tindakan yang kita laksanakan. Ya Balakong.

Y.B. PUAN WONG SIEW KI : Terima kasih. Nak tanya YB EXCO dalam skrip saya pun ada dengan izin ada soalan tentang pemantauan selepas jual beli Rumah Selangorku sudah diselesaikan. Sebab rasa saya yang ini termasuk juga Skim Smart Sewa sekiranya Rumah Skim Smart Sewa ini di bawah aset Kerajaan Negeri maksudnya kita perlu jaga juga keadaan selepas orang sewa. Jadi saya rasa kalau kita tidak memantau ia akan jadi satu bebanan kepada Kerajaan Negeri.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Ya saya belum sampai ke situ lagi. Tapi saya maklum tentang perkara tersebut. Jadi berkaitan dengan Lembah Subang itulah keadaan yang ada pada hari ini tapi kita memang sentiasa berusaha ke arah itu untuk selesai masalah-masalah teknikal yang dihadapi penduduk di situ. Perkara yang dibangkitkan oleh Balakong adalah berkaitan Unit-unit RSKU yang disewakan. Sebenarnya dalam Pekeliling Lembaga Perumahan Hartanah Selangor Bilangan 1 Tahun 2013 mengenai Dasar Perumahan Rumah Mampu Milik Negeri Selangor telah meletakkan syarat Rumah Selangorku jenis A,B,C dan D adalah untuk didiami oleh pemilik bukan untuk disewakan. Jadi menjawab persoalan didapati ada Balakong yang telah menyewakan unit yang mereka beli pentadbiran ini sebenarnya berusaha merangka mekanisme yang sesuai untuk melaksanakan agar aktiviti sewaan ini tidak berluasa. Hanya dan sedang LPHS sebenarnya sedang menggariskan ataupun sedang memantau berdasarkan laporan ataupun aduan yang kita terima. Kita memang mensyaratkan dalam sistem pendaftaran bahawa mereka ini mesti menduduki ataupun duduk di situ dan tidak boleh menyewa. Merujuk kepada Perkara 13 dalam Lembaga Persekutuan yang menjamin hak pemilikan harta dan kebebasan untuk berurusan dengan harta tersebut maka timbul persoalan dari segi keesaan tindakan penguatkuasaan yang akan dijalankan oleh LPHS. Maknanya LPHS tidak ada didalam akta ataupun enakmen yang boleh membuatkan menguatkuasakan syarat tidak boleh disewakan. Jadi walau bagaimanapun memandangkan unit Rumah Selangorku yang merupakan hartanah harga kawalan LPHS sentiasa peka terhadap aduan pihak awam dan setiap aduan disiasat secara terperinci sebelum mengambil tindakan administratif sama-sama dengan pihak pengurusan atau pun JMB. Jadi itu keadaan yang kita sedang hadapi bagi penguatkuasaan perkara tersebut tapi syarat bila mereka

memohon sudah tentu merupakan syarat yang kita letak tapi kita sedang mengkaji bagaimana kita boleh kuatkuasakan perkara tersebut. Ya.

Y.B. PUAN WONG SIEW KI : Terima kasih YB EXCO, tapi sebabnya bagi saya syarat adalah syarat sahaja maksud saya semua yang beli Rumah Selangorku ataupun rumah mampu milik ini semua pun tahu syarat tidak boleh disewa tapi pada masa mereka beli memang ada sudah ada orang memang hendak sewakan kepada orang lain sahaja dan yang ini memang sedang berlaku dan ada banyak sewa kepada warga asing dan tadi YB EXCO kata tiada penguat kuasa boleh dibuat selepas sekiranya memang dapat keadaan sebegini. Jadi apakah langkah ataupun apakah cara-cara untuk mengatasi masalah ini sekiranya memang dapat aduan daripada orang ramai. Terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Baik, kita saya nampak daripada segi undang-undang kita mungkin perlu merujuk kepada Penasihat Undang-undang Negeri bagaimana kita boleh laksanakan syarat tersebut tapi buat masa sekarang kita bekerjasama dengan pihak Pengurusan Bangunan memastikan mereka tidak menyewakan kepada warga asing kemudian menyewakan kepada yang lain. Kalau warga asing lagilah pelanggaran 2 syarat. Sewa dan juga kepada warga asing. Jadi ini antara usaha kita maknanya masih kita pantau supaya diberi amaran kepada mereka bahawa mereka diberi atau pun ditawarkan unit ini dengan syarat mereka tinggal di situ bukan sewakan unit tersebut, buat masa ini. Kemudian saya juga ada terima permintaan dari Kota Damansara berkaitan dengan masalah ada 100 buah keluarga yang di Kampung Bunga Raya yang terpaksa berpindah dan memerlukan tempat tinggal. Dan cadangannya mendapatkan Rumah Selangorku kerana mereka ini merupakan bekas peneroka bandar. Jadi untuk makluman Yang Berhormat setakat ini kita dah semak, tidak menerima sebarang permohonan mungkin belum mohonlah. Saya beranggapanlah sebab tidak ada di rekod kami. Walau bagaimanapun, LPHS akan pertimbangkan permohonan yang akan dibuat oleh 100 keluarga ini mengikut terma dan syarat yang ditetapkan. Jadi dan saya juga terima aduan daripada Pandamaran mengatakan Rumah Selangorku ini *charges* selenggaranya mahal tinggi. Jadi memang pemaju sesebuah pemajuan perumahan adalah berkewajipan untuk berikan perincian berhubung butiran bagi pembayaran *charges* selenggara dalam jadual kelima perjanjian jual beli iaitu Jadual H Akta Pemajuan Perumahan Kawalan dan Pelesenan 1966. Ini juga adalah selaras dengan peruntukan di bawah fasal 19(2) yang memperincikan bahawa amaun atau pun jumlah yang dikenakan bayaran hendaklah ditentukan mengikut unit-unit *share*. Sementara yang diberikan oleh juru ukur berlesen bagi pemaju dan amaun tersebut hendaklah menjadi amaun yang mencukupi bagi kerja-kerja selenggara dan pengurusan harta bersama tersebut.

Oleh yang demikian, pembeli adalah dinasihatkan untuk membuat rujukan kepada jadual tersebut dan mengetahui butiran bayaran yang dituntut bagi tujuan pengenaan *charges* selenggara. Dalam keadaan di mana pembeli merasakan kadar *charges* yang dikenakan adalah tidak adil dan tak patut, pembeli rumah RSKU boleh membuat aduan berhubung *charges* selenggara tersebut. Jadi kalau Yang Berhormat Pandamaran tahu di mana bangunan RSKU yang mengenakan *charges* yang tinggi boleh maklumkan ke Lembaga Perumahan Hartanah Selangor bagi kami membuat siasatan terhadap aduan tersebut. Mungkin Pandamaran ada maklumat tersebut sekarang.

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE: Ya terima kasih EXCO. Yang saya difahamkan sebab pemilik rumah RSKU ini dia orang kata rumah RSKU ini adalah rumah mampu milik. Dan bagi kita orang duduk dekat rumah teres tak payah bayar apa pun. Mereka Cuma bayar bil elektrik, bil semua tapi kalau dekat rumah RSKU dia kena bayar RM170 hingga RM200. Saya tengok dah, dia memang dia punya unit-unit itu, *share-share* itu memang munasabah tapi adakah kita Kerajaan Negeri dapat menolong mereka daripada segi kewangan atau pun meringankan mereka. Ya memang saya dapati memang boleh terima tapi bagi mereka mungkin ada yang belum kahwin, RM170 dekat RM200 memang satu beban untuk mereka.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Setakat ini belum ada lagilah tapi LPHS memang akan melihat *case by case* lah dengan izin. Perumahan bertingkat yang mengenakan *charges* selenggara yang tinggi, mungkin ada ruang untuk mengurangkan selepas setahun mungkin dapat dikurangkan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat EXCO saya minta Yang Berhormat EXCO jawab yang perbahasan yang dibangkitkan dalam perbahasan. Kalau perkara baru saya cadangkan jawab dalam secara bertulis

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Tapi itu memang yang dibangkitkan oleh Pandamaran.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Baik kalau yang dibangkitkan tak apa.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Jadi akhir sekali saya rasa saya dah jawab semua. Akhir sekali saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan di sini untuk tahun yang akan datang selain daripada memantau pembinaan RSKU ini kita juga akan melihat kepada projek-projek terbengkalai yang terdapat di dalam Negeri Selangor ini. Bagi dipulihkan projek-projek tersebut dan menyumbang kepada stok unit-unit rumah yang boleh ditawarkan kepada warga Negeri Selangor, itu perkara pertama. Dan kedua adalah juga melihat kepada kawasan-

kawasan yang perlu dibangunkan semula dan mungkin dengan pembangunan semula ini boleh ditambah unit-unit rumah yang sesuai untuk dimiliki oleh warga Negeri Selangor yang belum ada rumah lagi. Jadi saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang menunjukkan minat kepada sektor perumahan kerana ini merupakan keperluan asas bagi setiap warga yang tinggal di Negeri Selangor. Dan kita berusaha untuk memberikan unit-unit ini tanpa mengurangkan daripada segi kualiti unit yang ditawarkan. Berbanding dengan rumah-rumah harga bebas, jadi itu saja Tuan Timbalan Speaker, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih saya persilakan Yang Berhormat Seri Serdang.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Assalamualaikum warrahmatuallahirwabarakatoh. Tuan Timbalan Speaker lebih daripada 20 orang daripada Adun-adun telah mengemukakan soalan-soalan yang berkaitan atau perkara-perkara yang berkaitan dengan portfolio saya iaitu kebajikan, kesihatan dan juga wanita. Jadi saya mungkin menjawab secara keseluruhan tanpa menyebut nama Adun-adun yang membangkitkan isu itu. Jadi untuk pertamanya saya ingin menjawab isu-isu mengenai kesihatan. Yang Berhormat sekalian ada menyebut tentang program gaya hidup sihat, SLIM Selangor dan sebagainya kononnya ada di situ, RM2 juta peruntukkan.

Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, program gaya hidup sihat bukanlah sahaja hanya SLIM Selangor atau pun hanya kesihatan mental. Ia merangkumi beberapa program yang kita bawa masuk di bawah program gaya hidup sihat. Di antaranya memang kesihatan mental juga SLIM Selangor dan juga program *wellness* di dalam Kembara Karnival Health Selangor di seluruh Selangor dalam masa satu tahun. Program-program ziarah *medic* dan sebagainya. Jadi dengan itu saya ingin menjelaskan tentang program-program gaya hidup sihat dan memang termasuk di antaranya adalah hasrat kita untuk melaksanakan SLIM Selangor. SLIM itu senangnya *translatenya* kuruslah, makna dia kita hendak berkempen supaya rakyat di Negeri Selangor tidak obes kerana kita tahu obesiti itu adalah salah satu gejala atau pun penyakitlah yang membawa kepada non atau penyakit yang tidak berjangkit seperti sakit jantung, kencing manis, darah tinggi, buah pinggang dan sebagainya. Jadi untuk gaya hidup sihat, SLIM Selangor ini sebenarnya bukanlah satu program yang baru. Memang selama ini Kementerian Kesihatan memang melaksanakan program-program pertandingan untuk menguruskan badan, mengurangkan BMI atau *body mass index* dan juga untuk menanamkan gaya hidup sihat kepada rakyat dalam segi keperluan mereka bersenaman, keperluan memilih makanan yang sihat, mengelakkan

tabiat atau pun cara hidup yang membahayakan diri sendiri seperti merokok dan juga makanan yang tinggi di dalam gula dan sebagainya.

Jadi SLIM Selangor ini *insyaAllah* memang akan diadakan pertandingan dan *insyaAllah* dalam perancangan kita akan berasaskan kepada DUN atau pun daerah lebih mudah kepada daerah sebab kita ada Pusat Kesihatan Daerah masing-masing. Jadi tentulah program ini bukan tiga bulan atau dua bulan tetapi satu tahun kerana kita tahu untuk menguruskan badan tak susah, puasa dua bulan kuruslah. Tetapi kalau kita hendak menanamkan tabiat sihat ia perlu masa untuk dihayati tabiat tersebut. Jadi bukan sahaja kita mengambil berat badan dan *body mass index* pada awal pertandingan pendaftaran tetapi pada masa yang berkala iaitu tiap-tiap tiga atau empat bulan dalam masa ini mereka perlu, peserta-peserta perlu mengikuti beberapa kursus atau pun ceramah untuk memahami tentang pola hidup kesihatan seperti bersenam, apakah senaman yang perlu dilakukan, bila nak lakukan, banyak mana hendak lakukan. Dan kemudian makanan yang hendak dimakan, apa boleh, apa patut kita hindarkan dan sebagainya. Jadi ini adalah satu gabungan sebenarnya dengan apa yang telah dilakukan oleh Kementerian Kesihatan di peringkat pusat dan mungkin sebelum ini Negeri Selangor agak terpinggir tak tahu apa yang berlaku, tetapi memang sudah ada pakar-pakarnya dalam Kementerian Kesihatan yang akan membantu kita untuk menganjur program seperti ini.

Kemudian tentang kesihatan mental, saya ingat tadi Bukit Tunku mungkin tersilap. Maaf, Kampung Tunku Yang Berhormat minta maaf mungkin tersilap. 100,052 ribu angka yang saya beri itu hanya untuk pusat kaunseling. Empat pusat kaunseling yang utamanya di PKNS untuk bayar kaunselor dan utiliti sahaja. Sementara itu kita telah memperuntukkan RM500 ribu *insyaAllah* untuk program-program kesihatan mental dan *insyaAllah* tahun depan 2019 kita akan memulakan program-program pertama adalah untuk mengadakan kursus-kursus atau pun taklimat-taklimat kepada barisan hadapan kita seperti yang disebutkan oleh Sungai Kandis, imam masjid dan mereka-mereka di PKM kita pusat khidmat kita dan sesiapa saja yang berinteraksi dengan orang ramai, mereka sering juga mengalami *stress*. Ya jadi bagaimana untuk mengatasi *stress* dan sebagainya dan kita akan mempergiatkan saringan untuk melihat sama ada kemurungan, kerisauan dan sebagainya. Sebab instrumen ini sudah ada, ya instrumen ini sudah ada dan rakyat perlu sedar bahawa mereka boleh membuat penilaian itu atas diri mereka sendiri dan sekiranya sesuatu simptom itu hadir selama dua minggu atau lebih, maka mereka sudah perlu untuk berjumpa dengan kaunselor atau pun melakukan sesuatu untuk mengurangkan *stress* mereka itu. Rakyat perlu difahamkan bahawa semua orang mengalami masalah kesihatan mental sebenarnya. *Stress, anxiety, depression* kita melaluinya sebagai seorang manusia cuma apabila tidak dapat dikawal keadaan ini kita perlu berjumpa dengan kaunselor. Apabila berjumpa dengan kaunselor

bila kaunselor melihat bahawa setelah di kaunseling sebagainya dia masih lagi tidak dapat mengatasinya kita mungkin hantar dia kepada klinikal psikologi atau pun kepada psikiatri. Tetapi seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Adun sebelum ini bahawa stigma untuk berjumpa pakar psikiatri ini sangat tebal dalam masyarakat kita. Sesiapa saja yang berjumpa dengan pakar psikiatri dikatakan gila, tetapi tak semestinya. Kalau sudah tak berjumpa klinikal psikologi kaunselor masih tidak lagi boleh mengurangkan masalah mental itu, memang sepatutnya sudah kita pergi kepada psikiatri kerana hanya pakar jiwa psikiatri saja boleh memberi ubat penenang, ubat tidur dan sebagainya. Jadi kita perlu spektrum sebenarnya keadaan kesihatan mental ini. Jadi selain daripada kita pertama menjaga penjawat-penjawat awam kita pembantu-pembantu kita mendapat taklimat, ceramah bagaimana mengatasi masalah *stress* dan sebagainya. Kita juga akan mengadakan kursus pendek kepada kita panggil *late counselors*. *Late counselors* adalah orang-orang yang bukan kaunselor bertauliah tetapi mereka mampu yakni tahu apa patut dibuat apabila mereka berjumpa, nasihat diberi, ke mana hendak dirujuk dan sebagainya. Jadi mungkin sesiapa yang berminat sekali lagi orang-orang yang di hadapan tadi yang kita sebut mungkin petugas-petugas kita di PKM, ahli-ahli kariah masjid dan lain-lain, NGO-NGO dan sebagainya boleh kita latih dan akhirnya kita juga akan memberi bajet kepada latihan-latihan kepada kaunselor bertauliah. Kaunselor bertauliah ini kita tahu kalau di sekolah pun kita kena ada kaunselor bertauliah tetapi guru-guru kita mahir dengan kaunseling kanak-kanak, murid-murid dan kalau kita juga ada kaunselor perkahwinan misalnya, dia bertauliah dan *specialize* di dalam perkahwinan. Kadang-kadang kita perlu *pool* atau pun menarik mereka semua ini untuk mereka mempertingkatkan ilmu lebih daripada luar bidang mereka supaya mereka dapat membantu kita untuk memberi kaunseling kepada mereka-mereka yang mempunyai masalah yang lain daripada bidang pengkhususan mereka. Jadi ada cadangan supaya menarik guru-guru kaunselor daripada sekolah-sekolah tapi sebenarnya guru-guru kaunselor dari sekolah-sekolah juga terbeban dengan masalah-masalah murid-murid yang semakin meningkat jadi kalau mereka mahu kita bawa, kalau mereka tidak mahu kita tidak mahu membebankan lagi tanggungjawab ke atas mereka. Jadi itu adalah mengenai kaunseling dan Tahun 2019 Karnival Sihat Selangor kita selama ini kita bawa dari satu PBT ke satu PBT, kita *rebrand* dia kepada Karnival 3W iaitu 3 *Wellness, Welfare and Woman* maknanya kita akan bawa semua IPR-IPR dan mana-mana program yang selayaknya duduk di dalam karnival ini supaya rakyat terdedah dan mendapat maklumat. Kita mempromosikan program-program IPR yang ada di dalam Negeri Selangor dan berhubungan dengan kesihatan mental. Fokus Karnival Sihat Selangor ataupun Karnival 3W ini Tahun 2019 akan menumpukan ataupun kita panggil dia punya tarikannya adalah kesihatan mental. Makna dia kita akan besarkan mengenai *wellness* ini melalui saringan-saringan dan kemudian ada tempat berjumpa dengan kaunselor, *meet the counselor* dan juga ada ceramah – ceramah kepada golongan sasaran seperti ibu bapa dan juga remaja kerana kita tahu

remaja memang menghadapi tekanan dan saya juga berasa sedihlah bila Yang Berhormat Subang Jaya menceritakan kepada saya bahawa program yang dilakukan dengan penuntut-penuntut universiti menunjukkan bahawa kadar *stress* di kalangan penuntut universiti sangat tinggi dan sudah ada ke sampai tahap *solsiden talks* hendak membunuh diri. Jadi ianya serius dan kita perlu melihatnya dan jangan mengambil senang tentang kesihatan mental ini. Seterusnya saya ingin pergi kepada Peduli Sihat yang banyak disebut oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat ADUN, Peduli Sihat Selangor yang..

Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB : Penjelasan.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Ya.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Timbalan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Tentang persediaan kita untuk memastikan bahawa masyarakat kita bebas ataupun kurang masalah sakit mental, adakah rancangan itu selari dengan penyediaan kita tentang bilangan yang cukup dari segi sesi *counselor, psychologist, psychiatrist* dan apakah peringkat-peringkat *stress anxiety depression* itu sebenarnya kita ada satu *mapping* yang jelas apa kategori masyarakat dan sebagainya. Jadi persediaannya dan ke mana arah tuju?

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Sebenarnya kalau saya nak katakan cukup 100% itu Yang Berhormat mungkin tidak begitu tetapi kita ada *resources* , kita ada sumber-sumber dari pihak NGO juga daripada Kementerian Kesihatan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, universiti kita ada banyak buah universiti di sekeliling kita Yang Berhormat yang mereka datang pada kita untuk sama-sama menyumbang kepada kesihatan mental ini. Itu sebabnya program yang saya sebut tadi 3W itu *anchor* kepada kesihatan mental kita untuk Tahun 2019 adalah Fakulti Perubatan dan Kesihatan, Universiti Pertanian Malaysia. Jadi mereka sanggup bersama dengan kita menjelajah 12 sepanjang tahun untuk menanam kesedaran kepada rakyat. Pada masa yang sama kaunselor kita berada di Kuala Lumpur di lembah Klang. Memang konsentrasi kepakaran itu adalah di sini. Jadi cuma sama ada mereka hendak melakukannya secara sukarela atau berbayar soal kedua. *In Sha Allah* kita cukup sumbernya Yang Berhormat. Mengenai Peduli Sihat Selangor tentang...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Tidak banyak persoalan sebenarnya mengenai Peduli Sihat Selangor.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : *Ops sorry.*

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih, semohon maaf sekiranya saya tidak dapat berdiri kepada peringkat yang lebih awal dan saya meneliti pengumuman Yang Berhormat EXCO berkenaan dengan kesihatan keseluruhannya. Iaitu saya kira ia merupakan satu perkara yang sangat mencabar baik SLIM, baik Peduli Sihat dan Kesihatan Mental. Cuma kalau kita mengikuti ramuan yang diacukan oleh Kementerian Kesihatan dengan mengadakan program-program rutin sahaja, saya amat khuatir bahawa walaupun kita hanya peruntukan RM180 juta untuk SLIM ianya mungkin tidak akan membawa kita ke mana-mana sahaja dalam masa setahun. Saya kira kita memerlukan satu anjakan paradigma yang sangat-sangat besar. Perubahan dari segi minda, perubahan dari segi budaya pemakanan, diet dan sebagainya. Kita perlu adakan satu arahan yang tegas. Katakan tidak ada bekalan gula, kena ada banyakkkan peluang untuk pekerja-pekerja *exercise* ataupun bersenam dan kalau kita tengok apa yang berlaku di luar negara mereka menggalakkan pekerja-pekerja untuk berbasikal ke pejabat dan di pejabat dibekalkan *locker* dan juga bilik mandi iaitu mereka boleh menukar pakaian mereka dan seterusnya mereka boleh membersihkan badan mereka dan kemudian mereka meneruskan pekerjaan mereka. Di Malaysia kita tidak ada sistem-sistem sokongan ini dan saya amat berharap sekiranya kita ada peruntukan untuk menerajui ataupun membawa agenda kesihatan ini perkara yang kita perlu lihat walaupun saya maklum Kerajaan Negeri hanya Kerajaan Negeri, peruntukan amat terhad tapi saya rasa dengan sokongan dan juga daripada Kerajaan Persekutuan kita perlu melakukan sesuatu. Mungkin kita boleh mula di SUK, bermula di peringkat yang kecil dan kita *move out*. Jadi itulah saranan saya. Saya harap dapat dipertimbangkan.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Banting. Memang benar apa yang disebut oleh Yang Berhormat.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Minta penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO atas penjelasan. Saya ingin bertanya mengenai *Lay Counselor* dengan izin. Adakah pejabat Yang Berhormat EXCO mempunyai *hard target* dengan izin untuk bilangan *Lay Counselor* yang akan dilatih untuk 2019. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Kampung Tunku. Setakat ini saya belum lagi membuat sasaran berapa jumlah *Lay Counselor* yang kita perlu dapatkan bergantung kepada pembahagian bajet kita nanti berapakah kursus yang dapat kita lakukan. Jadi saya mungkin kita tidak dapat dengan jumlah yang banyak tapi kalau kita buat secara konsisten setiap tahun dari dalam jangka masa panjang kita akan dapat jumlah yang agak besar *In Sha Allah*. Baik seterusnya saya nak ke sedikit kepada soalan-soalan seperti tentang Bantuan Sihat Selangor. Sebenarnya bila ditanya tentang dialisis bagaimana kita dapat membantu mereka. Sekarang ini memang sudah ada Bantuan Sihat Selangor untuk dialisis. Kebanyakan pesakit-pesakit buah pinggang mendapat tajaan atau pun mereka sendiri pergi ke pusat-pusat dialisis swasta dan biasanya mereka yang ditaja itu kebanyakan mereka memang tidak cukup tajaan itu kerana mereka perlu menambah untuk suntikan-suntikan dan ubat-ubatan tambahan. Setakat sekarang ini memang Kerajaan Negeri tiada pusat dialisis bawah negeri. Kita bekerjasama dengan pusat dialisis organisasi-organisasi NGO ataupun dengan pusat dialisis swasta dan kita menambah keperluan pesakit tetapi maksimumnya hanya 5,000 kepada mereka untuk menambah kepada dialisis ini. Mengenai tadi ada juga Yang Berhormat Rawang bertanya tentang peralatan. Peralatan juga ada Bantuan Sihat Selangor, maksimum juga 5,000 tetapi mesti ingat peralatan ini mestilah peralatan yang diberi preskripsi oleh doktor kerajaan kerana ada pesakit-pesakit yang datang dengan banyak permohonan apa yang dipanggil *health handsing machine*, banyak *vibrator*, apalah semua. Tapi semua ini tidak ada rekomendasi atau deskripsi daripada doktor kerajaan jadi kalau Yang Berhormat nak memberi dan percaya kepada alat-alat ini sila gunakan geran Yang Berhormat. Saya tidak boleh meluluskannya sebab kriterianya sangat *strict* di situ. Mengenai Yang Berhormat Teratai ada membawa sakit *mucopolysaccharidosis* iaitu adalah satu penyakit yang kongenital dan seperti Yang Berhormat Teratai sebut enzimnya berkurang dan setakat hari ini Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan pun tidak memberi memperuntukan untuk *rare disease* ini. Kalau peringkat negeri di bawah penyakit lain-lain itu kita hanya dapat memberi sampai 5,000 dan memang kalau Yang Berhormat tengok rawatan kalau 19,000 sebulan setahun jutaan untuk seorang pesakit jadi memang kita tidak mampu buat sekarang ini, walau bagaimanapun apa yang terdaya apa yang ada kita akan bantu sedaya mungkin kepada mereka. Peduli Sihat Selangor yang ada sekarang ini kita sebenarnya sudah membuka luas Peduli Sihat Selangor bukan sahaja kepada *screening*, kepada program-program pencegahan, saringan penyakit-penyakit, fisioterapi juga boleh kita dapat melalui Peduli Sihat Selangor dan *In Sha Allah* Bantuan Sihat Selangor akan kita perluaskan kepada fisioterapi yang diperlukan oleh pesakit yang mengalami *stroke* dan sebagainya dan pasca keluar daripada hospital dia memerlukan fisioterapi. Kalau dia perlu fisioterapi tapi dia tidak mampu dia boleh guna *mobile fisioterapi*. Itupun tertakluk kepada tak sampai 5,000 sahaja dan ada soalan yang agak *specific* mengenai Hospital Banting,

Hospital Sijangkang, saya beri jawapan sedikit status terkini pembinaan Hospital Tanjung Karang. Cadangan pembinaan Hospital Tanjung Karang, pembinaan sebuah hospital dengan 150 buah katil yang meliputi 30 skop perkhidmatan perubatan dan bukan perubatan. Kemajuannya setakat sekarang baru 12.45% di atas tapak, dijadualkan 8.53% makna dia sudah mendahului sasarannya sebenarnya dan makna dia dalam proses. Pusat Kesihatan Sijangkang, dimaklumkan bahawa Pusat Kesihatan Sijangkang ini dari tahun 1940 dan kemudiannya diubah klinik ini ke Balai JKKK Sijangkang sehinggalah sekarang. Jadi saya boleh berkata di sini bahawa permohonan ini telah dikemukakan permohonan untuk mendapat satu Klinik Kesihatan Jenis 3 yang lengkap dengan perkhidmatan *x-tray*, pergigian dan makmal yang lebih menyeluruh dan sudah dikemukakan dan dalam RMK11 dan untuk *rolling plan* ketiga dan keempat. Itu jawapan yang ada pada Kementerian Kesihatan Negeri, saya akan *follow up* nanti dengan dia.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya Yang Berhormat Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Sifat pusat Kesihatan Sijangkang ini adalah sebuah dispensari seperti mana yang dimaklumkan tadi sejak tahun 1940, yang terlalu uzur dan telah dirobuhkan sebab ada pokok yang menghempap pada satu ketika dan sebelum tu pun sudah tidak selamat dan telah berpindah lebih kurang seingat dalam satu dekad lebih daripada 10 tahun. Menunjukkan balai JKKK yang terlalu lama dan akibatnya kadang-kadang litar pintas dan sebagainya walaupun ada unsur untuk membaik pulih dan sebagainya tetapi saya kira tidak sesuai lagi. Dan saya dapat maklumat sebelum ini sudah pernah berada di dalam *top list* 3 pusat kesihatan yang akan dibina oleh Kementerian. Saya tak layak nak prejudis sebab kita kerajaan yang berbeza dengan kerajaan pusat ketika itu tetapi saya masih mengharapkan supaya keperluannya terlalu mendesak dan saya harapkan ia dapat disampaikan walaupun kita di peringkat negeri tidak ada *authority* untuk pembinaan tersebut. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Sijangkang. Memang *InshaAllah* saya akan tetap membawanya, kita dijangka akan berjumpa dengan Kementerian Kesihatan dan juga bersama dengan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor memandangkan belanjawan peruntukan kesihatan yang tinggi kali ini berbanding pada tahun-tahun yang lepas, *InshaAllah* banyak keperluan yang kesihatan, kemudahan kesihatan di negeri Selangor ini agak uzur dan memang saya diamanahkan untuk juga *follow up* perkara-perkara ini ya. Untuk hospital kawasan Sepang, pembangunan hospital di Sg. Pelek, Sg. Pelek ada? Sekarang diselaraskan dengan perancangan pembangunan fasiliti di seluruh negeri tapi dia tak ada tak apa, buat masa sekarang hospital Cyberjaya juga dalam proses pembinaan dengan 288 buah katil dan hospital Banting dalam proses naik taraf jadi, daripada Sepang, daripada Sg. Pelek ada

2-3 hospital di sekeliling buat sementara waktu. Pusat Kesihatan Selayang Baru, Templer, Yang Berhormat Taman Templer tak ada, saya tak jawablah ya. Ok. Saya kira saya dah habis tentang kesihatan, saya nak bergerak ke kebajikan kalau tidak ada apa-apa soalan seterusnya, jangan bagi..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Hospital Banting tadi ada disebut Hospital Banting kan? *Is there anything to report?* dengan izin.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Taman Templer dah masuk.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Ok, Taman Templer bertanya mengenai Klinik Kesihatan, Pusat Kesihatan di kawasan Selayang Baru. Memang sedia ada mempunyai Klinik Kesihatan Selayang Baru dan Klinik Desa Selayang Baru. Terdapat Klinik Kesihatan Selayang Baru yang telah diluluskan oleh pihak Kementerian dan EPU di bangunan Selayang Edge 18 yang kini dalam peringkat PDA atau *Preliminary Details Abstract* bagi tujuan pengubahsuaian bangunan untuk dijadikan fasiliti kesihatan. Itu jawapan dia. Terima kasih. Adalah makna dalam proses dah. Ok, seterusnya Yang Berhormat.. penjelasan?

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : YB EXCO, saya ingin bertanya tentang rawatan jantung di IJN, adakah untuk tahun 2019 disediakan peruntukan tersebut untuk para pesakit jantung di IJN? Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Peduli Sihat Jantung ya. Sebelum ini tidak dibangkitkan, walau bagaimanapun, saya nak sebut memang ada peruntukannya di IJN, tak IJN tetapi *InshaAllah* kita akan perluaskan juga ke pusat-pusat jantung lain di hospital-hospital di sekeliling seperti di hospital Selayang, UITM dan sebagainya. Seterusnya, untuk kebajikan, di bawah kebajikan banyak soalan-soalan yang telah dibangkitkan dan saya harap saya dapat menjawab kesemuanya. Mengenai program KISS ya, seperti yang telah diumumkan ya, satu peruntukan RM50 juta telah diberi kepada program KISS ini seperti yang juga dimaklumkan oleh Yang Berhormat ADUN sekalian, sekarang ini program KISS untuk 2018 sudah terpaksa kita berhentikan kerana sudah sampai ke maksimum iaitu 40,000 penerima KISS dan belanjanya ialah RM96 juta. Jadi, Yang Berhormat ADUN semua boleh bayangkan apabila tahun ini, tahun 2019 saya turun ke RM50 juta makna dia pasti ada yang mungkin tidak kita penuhi semua. Daripada 40,000 orang itu. Walau bagaimanapun seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita, bahawa program-program kita sekarang sudah kita bawa daripada *charity* ke *empowerment* daripada hanya memberi ikan, kita sekarang nak memberi kail ya dan juga kita sedang menjajarkan semula program-program kita ini dan penerima-penerima KISS *InshaAllah*

kita akan padankan dengan mereka yang ada di dalam senarai e-Kasih ya, yang kerajaan pusat ICU ada senarai mereka, kami sedang memadankan nama-nama ini dan perancangan kita, rancangan kita, cadangan kita adalah KISS ada, kita akan memberi peluang kepada mereka-mereka yang tidak ada di dalam senarai e-Kasih untuk memohon berada di dalam senarai e-Kasih daripada ICU dan borang-borangnya akan diadakan di pusat-pusat khidmat Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Jadi, masalah kita yang lepas, saya akui kerana sudah dapat aduan dan sudah ada kes-kes saya dapat hanya segelintir tetapi aduannya banyak, bahawa sebahagian daripada penerima-penerima KISS adalah mereka yang sebenarnya tidak patut dapat. Tidak memenuhi kriteria seperti yang telah ditetapkan pendapatan isi keluarga RM2000 dan perlu ada anak yang pergi ke sekolah, bawah 18 tahun. Jadi, ada penerima-penerima yang tidak memenuhi kriteria ini jadi salah satu cara kita nak memutihkan senarai KISS kita ini atau senarai IPR kita adalah dengan memadankan penerimanya dengan e-Kasih. Sekiranya mereka yang dalam kategori layak tetapi tidak berada dalam senarai e-Kasih maka kita akan beri peluang 6 bulan pertama ini untuk kita daftarkan mereka dan e-Kasih yang akan membuat verifikasi.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat ada bawa isu ini?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Ya, ada.

TUAN SPEAKER : Silakan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : KISS *more*. Yang Berhormat, saya ingin tanya sebelum ini pun, kita pernah bangkit di dalam dewan yang mulia ini, bukan sesi ini lah tetapi sesi sebelum ini di mana kita, banyak ADUN-ADUN mendapati bahawa sistem e-Kasih tidak sempurna. Jadi, e-Kasih pun ada masalah dan sekarang yang kita dengar KISS pun ada sedikit masalah. Jadi, yang mana sepatutnya *priority* untuk memberi peluang ataupun melayakkan mereka mendapat KISS?

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Bukit Lanjan. Memang dulu masa kita tidak sejajar dengan persekutuan, ya, tidak dapat dinafikan bahawa yang mengedarkan ataupun yang menamakan, yang mencadangkan nama-nama kumpulan dalam e-Kasih ini, adalah daripada mungkin JKP, daripada Jawatankuasa Persekutuan. Jawatankuasa itu, jadi, kita pun sebagai Ahli Parlimen tidak ada *access* kepada e-Kasih ini namun proses verifikasi itu, e-Kasih lebih baik daripada kita. Kalau Yang Berhormat semua tengok balik kepada borang

permohonan e-Kasih, ada 2 perkara yang Yang Berhormat kalau saya tanya sekarang ni tak ada siapa yang boleh kata kesemuanya, seratus peratus dia pasti. Pertama, adalah pendapatan bagi mereka yang tidak ada slip gaji dan tidak ada penyata KWSP dan juga mereka yang mastautin atau tidak. Kita bergantung maklumat pemastautin atau tidak ini hanya semata-mata kepada mungkin aktivis kita, ketua kampung kita, ketua komuniti dan sebagainya. Jadi, 2 verifikasi ini amat susah dan saya rasa ada masanya kita *hesitate* bila nak menandatangani borang KISS dan KISS adalah satu-satu permohonan yang memang ADUN-ADUN sendiri, Yang Berhormat ADUN sendiri meluluskan. Selgate dan Selcare hanya melaksanakan. Mereka tidak meluluskan, kalau borang itu pergi kepada mereka, mereka pasti balik-balik kepada Yang Berhormat ADUN untuk mengesahkan. Ini adalah satu-satu program saya tidak tahulah sebelum ini tapi semenjak saya pegang, inilah penerangan yang saya dapat bahawa kelulusannya adalah di Pusat Khidmat Masyarakat masing-masing. Jadi, proses verifikasi inilah yang kita hadapi masalah. Sementara e-Kasih, mereka mempunyai 3, mereka mempunyai pegawai-pegawai kerajaan di setiap Pejabat Daerah yang turun padang berjumpa dengan pemohon dan mereka ada, saya sendiri sudah melihat dan membuat perbincangan dengan mereka, mereka ada borang 24 muka surat ya, untuk verifikasi segala maklumat yang mereka perlukan daripada situ untuk meluluskan kelayakan untuk berada di e-Kasih. Namun, ada namun dekat sini, namun tahap potongan ataupun *cut off point* untuk e-Kasih, untuk masuk dalam borang e-Kasih, kalau pendapatan isi keluarga RM650, dipanggil miskin tegar dan kalau RM950 miskin ya, jadi kalau kita di sini di Selangor, kita perlu ubah sikit sebab untuk e-Kasih, garis untuk kita menentukan, *I mean* untuk KISS, garis kita adalah RM2000. Jadi, ini pun kita sedang berbincang dengan pihak ICU supaya boleh *adjust* dan boleh menggunakan sistem mereka untuk membantu mereka. Dan melalui sistem e-Kasih juga, kita mempunyai rekod, semua bantuan-bantuan yang telah didapati oleh rakyat kita, mudah kita nak tengok siapa dapat zakat, siapa dapat itu, siapa dapat ini, jadi, dengan itu, penilaian kita lebih adillah saya rasa, *InshaAllah*.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Maaf.

TUAN SPEAKER : Silakan, silakan Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Maaf Yang Berhormat. Saya ingin tanya ataupun *seek clarification* Yang Berhormat. So, maksudnya sekarang data KISS ataupun pemohon KISS akan melalui sistem e-Kasih? Atau pun ia masih menggunakan sistem yang sama?

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Ok. Maaf ya, saya, pemohon, penerima e-Kasih kita, penerima KISS kita tetap yang 40,000 yang ada sekarang. Saya

percaya di pejabat-pejabat pusat-pusat khidmat Yang Berhormat semua masih ada fail untuk e-Kasih untuk diluluskan ya. Jadi, itu pun tak boleh nak lulus sebab kita sudah kehabisan dana untuk tahun ini jadi, maksud saya di sini, kita nak menggunakan khidmat ICU, pegawai kerajaan untuk membuat verifikasi bagi pihak kita. Verifikasi kelayakan, pemutihan. Jadi kalau, dengan kita membuat ini maka, mereka yang tidak berada di bawah RM2000 ke bawah, akan digugurkanlah. Jadi, kita memberi masa 6 bulan pertama 2019 kepada penerima-penerima KISS kalau mereka tahu mereka tak layak, tak payahlah isi e-Kasih tu ya, sebab assessors ataupun

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Sri Serdang, sila duduk. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, oleh sebab urusan dewan masih panjang maka dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawa usul.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Dewan sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut, bahawasanya dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga jam 6.00 petang.

Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong, saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya (Ahli Dewan kata ya). Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui. Silakan Yang Berhormat Sri Serdang.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Ok, Yang Berhormat Tuan Speaker. Di mana ya saya tadi? e-Kasih, ok.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Yang ada pegawai daripada e-Kasih

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Yes, yes.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Mereka akan bantu KISS

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Membuat verifikasi.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Orang yang dapat KISS untuk isi borang. So, kita tidak perlu

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Kita tak perlu buat apa-apa sekarang. Kita akan menggunakan atau meminta bantuan pegawai-pegawai daripada Persekutuan yang duduk di Pejabat Daerah untuk membuat verifikasi pemohon-pemohon e-Kasih. Jadi masa 6 bulan, Yang Berhormat sekalian, borang e-kasih akan diedarkan di semua PKM. Mereka juga boleh pergi ke ICU Negeri Selangor untuk mengisi permohonan e-kasih. Jadi e-kasih sebenarnya mereka tidak dapat apa-apa. Cuma adalah satu proses verifikasi sama ada mereka termasuk di dalam golongan miskin. Jadi apabila e-kasih sudah mula membuat verifikasi. Maka mereka yang sudah layak maka itulah yang akan kita padankan atau kita sambungkan dengan penerima KISS. Buat masa sekarang semua penerima KISS sampai pertengahan In Sha Allah adalah yang telah terima. Apa ini, yang sudah terima dalam 2018 dan mungkin permohonan baru Yang Berhormat semua sedia ada boleh diluluskan dan kita ada peruntukan RM50 juta itu. Tapi kalau semuanya kita sambung permohonan baru dengan yang sedia ada ada 40,000. Maka kewangan kita tidak akan mencukupi sampai ke peruntukan yang telah diberikan untuk KISS itu. Nampak *distress* betul YB Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Ya, saya rasa yang saya kuarir adalah sekarang ada satu sistem verifikasi yang baru dan kononnya ini adalah borang di mana ada 24 muka surat dan siapa akan bantu untuk isi borang-borang ini? Tidak lain dan tidak bukan Ahli Dewan Negeri ataupun pegawai kita.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Tidak, tidak Yang Berhormat. Ini akan dilakukan oleh pegawai, dia pergi, dia orang pergi rumah ke rumah, tetapi proses ini lama Yang Berhormat ya. Jadi ia akan makan masa, bukanlah hari ini kita buat, esok kita dapat. Tidak, ya, 6 bulan atau lebih ya, jadi verifikasi bukan kita. Jadi Yang Berhormat hanya perlu mengedarkan borang e-kasih dan kemudian kalau mereka pulangkan, tolong bawa kepada saya atau Jabatan saya ataupun terus ke ICU. Itu sahaja. Ok tak apa, kita.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat. Morib

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN : Terima kasih, mohon pencerahan. Untuk penerima KISS, ada kita telah mendapat beberapa aduan untuk di DUN saya. Maknanya memang jelas mereka ini masa memohon itu memberi maklumat yang palsu. Ada lebih kurang 3, tak sampai 5 apa ini kes. Jadi benda itu dah jadi jelas, adakah satu mekanisme untuk kita *merecommend* untuk batalkan apa itu hak mereka untuk KISS ini. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Tentu sekali Yang Berhormat, kerana dengan adanya surat daripada Yang Berhormat penerima KISS yang tidak layak boleh sahaja dipotong nama mereka daripada senarai yang kita ada. Saya nak mengubah kepada *work from home* ya yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang bagaimana kita nak memberi kail kepada golongan yang memerlukan pendapatan yang lebih tinggi daripada apa yang mereka ada sekarang. Jadi sebagai usaha pertama kita, kami memilih ataupun bertanya, mengajak penerima-penerima KISS yang sedia ada melalui penyelia-penyelia PWB mereka untuk bersama dalam satu program awal. Program yang pertama yang sedang kami laksanakan sekarang adalah jahitan manik dan apa ini, sulaman yang mereka akan mendapat latihan oleh sebuah syarikat apa ini busana, syarikat baju apa ini baju apa saya nak sebut ya. Butik ya, kepada butik dan sebagainya dan mereka ini akan dilatih dan setelah dilatih selama 3 bulan mereka akan diberikan pekerjaan untuk menyulam dan produknya akan diambil oleh butik ini untuk dipasarkan. Yang Berhormat sekalian tentu tahu bahawa sebenarnya program-program keusahawanan ini banyak telah kita lakukan dalam negara kita. Masalah dengan kita bukan tidak ada produk, masalah dengan kita adalah pemasaran produk. Biasanya kursus-kursus keusahawanan ini, kalau tidak dipantau, kalau tidak dibimbing ya, maka ia akan hanya tinggal sebagai hobi seperti yang disebut oleh YB Balakong ya apa ini. Tapi kali ini kita berhasrat untuk mengeluarkan sebanyak mungkin, seramai mungkin penerima-penerima KISS yang mahu dan pendapatan kita jangka dalam RM1000.00 sebulan hanya dengan menyulam dan menjahit dan produknya mereka tidak perlu pasarkan kerana sudah akan di janji ambil oleh pihak yang mengajar mereka. Saya sedang masih lagi mencari pihak swasta ataupun pihak-pihak yang berminat untuk membantu kita melatih apa ini, wanita-wanita yang tidak dapat bekerja di luar rumah, tapi mereka nak menambah pendapatan. Mereka tidak boleh keluar kerja kerana mereka mempunyai anak dan sebagainya. Jadi program-program seperti ini kita akan pertingkatkan antaranya juga termasuk mengasuh, kursus mengasuh mereka boleh mengambil anak sampai 4 atau 5 orang untuk jaga di rumah dan meningkatkan pendapatan mereka. Kita sudah ada kursus yang dipanggil kursus intensif pengasuh kanak-kanak yang ada yang diwujudkan sebelum ini dan setakat sekarang kita dah ada 800 orang daripada kalangan mereka yang mengasuh di rumah dan mendapat pendapatan ini. Seterusnya, saya nak menjawab sedikit mengenai Bukit Gasing menyebut tentang, Bukit Gasing tak ada. Apa pun Bukit Gasing menyebut tentang tempat untuk warga emas beraktiviti. Sebenarnya Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pembangunan Wanita dan masyarakat telah memulakan program PAWE. Ia nya adalah pusat aktiviti warga emas yang mereka beri modal untuk mulakan dan saya ingin menggalakkan Yang Berhormat sekalian untuk mencari lokasi-lokasi ini, Bukit Gasing menyebut tentang ada Bukit Gasing ada menyebut tentang adanya rumah-rumah di bawah MBAJ yang tidak dipakai.

Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAN : Taman Templer.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Untuk menjadi PAWE.

TUAN SPEAKER : Silakan Taman Templer.

Y.B. MOHD SANY BIN HAMZAN : Saya nak mohon pencerahan daripada Tuan Speaker berkaitan dengan soalan-soalan yang dijawab oleh Yang Berhormat EXCO. Tadi saya terdengar ada EXCO menyatakan, bila Yang Berhormat yang menanyakan soalan itu tak ada dalam dewan, soalan itu tidak dijawab. Adakah ini merupakan satu peraturan daripada dewan, sebab kita harapkan walaupun mungkin Yang Berhormat - Yang Berhormat tak ada dalam dewan. Tapi mungkin kita ada di luar, mungkin ada urusan-urusan contohnya ke *toilet* ataupun solat dan sebagainya, mungkin ada tetamu dan kita mengharapkan supaya soalan-soalan ini dijawab kerana rakyat perlu tahu jawapan daripada pihak kerajaan tentang apa yang kita utarakan ini. Saya berharap sangat selepas ini perkara sebegini tidak berlaku. Terima kasih, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Terima kasih celahan daripada Yang Berhormat Taman Templer. Saya nak bagi tahu Yang Berhormat Taman Templer apabila EXCO menggulung. Sepatutnya Ahli-Ahli Yang Berhormat mesti berada di dewan ya sentiasa berada di dewan, kecuali pergi ke tandas dan sebagainya. Kalau tidak apabila EXCO tidak nampak mana-mana ADUN yang tak ada di dalam dewan, EXCO berhak memberi jawapan bertulis sahaja. Tidak perlu memberi jawapan kecuali EXCO ada masa boleh memberi celahan kalau tidak EXCO berhak untuk mengendahkan. Kerana ADUN tersebut tidak berada dalam dewan. Oleh itu, berada dalam dewan pada setiap masa adalah penting untuk mendapat jawapan yang diingini dan diingini oleh rakyat. Ini yang saya tegaskan di sini ya. Silakan Yang Berhormat.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Taman Templer. Baik saya nak bergerak kepada soalan seterusnya mengenai Pusat Aktiviti Warga Emas ini. Serupa juga untuk makluman Yang Berhormat sekalian. Kita ada Pusat Aktiviti Kanak-kanak, kita juga ada Pertubuhan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti. Mungkin yang lepas, 10 tahun ini Yang Berhormat daripada Pakatan tidak banyak tahu mengenai pusat-pusat kebajikan ini tetapi sekarang In Sha Allah Yang Berhormat semua ada *access* dan mereka mengalu-alukan kedatangan Yang Berhormat sekalian kerana dapat membantu mereka dalam apa segi sekalipun. Pusat Aktiviti Warga Emas atau (PAWE), kita ada Pusat Aktiviti Kanak-kanak juga dan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti untuk OKU. Jadi saya mengharapkan sangat untuk apa ini Yang Berhormat

sekalian memberi perhatian kepada PDK terutamanya Pusat Pemulihan Dalam Komuniti untuk memberi bantuan apa yang terdaya Yang Berhormat dan juga menarik perhatian saya sekiranya keadaan mereka daif. Kita tidak mempunyai dana yang besar untuk memberi segalanya yang mereka pohon kalau Yang Berhormat berjumpa mereka banyak benda yang mereka pohonlah. Tapi saya kira kalaulah Yang Berhormat semua dalam masa setahun memberi satu perkara dalam 5 tahun 5 perkara yang mereka dapat nikmati. Saya nak kepada.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat panjang lagi ke?

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Ya memang panjang.

TUAN SPEAKER : Sila ringkaskan.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Ya. Ok mengenai OKU. Saya menyambut baik tentang pandangan Yang Berhormat Kuala Kubu tentang Pendidikan Agama kepada anak-anak OKU ini dan In Sha Allah di dalam latihan kita kepada guru ANIS, cikgu ANIS ini kita akan masukkan guru-guru KAFA juga. Tapi Pendidikan Agama seperti yang disebutkan oleh Kuala Kubu Bharu adalah untuk *high functiony* OKU la ya dan mereka ini kadang-kadang sudah pergi ke sekolah-sekolah normal yang biasa ya. Mengenai pesakit terlantar dan OKU terlantar boleh menggunakan bantuan Sihat Selangor untuk apa-apa bantuan yang diperlukan oleh apa ini pesakit tersebut. Kalau saya ingat saya dah habis bacakan ada satu lagi Yang Berhormat Tuan Speaker iaitu mengenai Pusat Wanita Berdaya. Jadi saya cuma nak ceritakan sedikit ringkas mungkin tentang perkembangan pusat wanita berdaya ini pada awalnya masa 2008 ia hanya adalah, mula-mula pusat untuk kita mendekati masyarakat utamanya kaum wanita. Oleh kerana kita baru bermula. Pada ketika itu penyelia-penyelia dan sebagainya tidak pun mendapat apa-apa imbuhan. Tetapi masa 2013 ke atas, masa itu YB EXCO, YB Sementa.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat supaya perbetulkan Yang Berhormat ya.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terlupa banyak kali sebut. Yang Berhormat Sementa telah berjaya mendapatkan elaun kepada penyelia-penyelia kita dan program mereka juga makin banyak. Cuma kali ini, kita sudah di fasa yang ketiga. Fasa ketiga bukan lagi fasa hanya masak-masak, jahit-jahit atau kraf. Itu adalah program-program umum untuk apa ini warga wanita terutamanya yang berlainan minat. Kita telah menambah di dalam modul-modul Pusat Wanita Berdaya, program-program pembangunan kapasiti iaitu program-program ilmu yang boleh meningkatkan keupayaan wanita untuk menjadi pimpinan di peringkat akar umbi dan seterusnya naik

ke atas. Jadi ada program-program seperti pendemokrasian hak mengenai isu-isu gender, mengenai *violence against women*, keganasan terhadap wanita. *Good governance*, wanita dan undang-undang, alam sekitar dan kepenggunaan, kesihatan keluarga, pembangunan dan keselamatan keluarga. Asas keusahawanan dan juga pertahanan diri. Asas-asas pelaburan. Banyak Yang Berhormat, saya tidak mungkin nak menyebutkan semua. Makna dia apa sahaja kursus ataupun program yang boleh menambah ilmu dan kemahiran kepada golongan wanita di akar umbi boleh sahaja penyelia PWB untuk melaksanakannya dengan bajet yang telah peruntukan. Cuma saya minta kepada Yang Berhormat - Yang Berhormat ADUN sekalian, untuk kalau boleh jangan jadikan penyelia PWB sebagai kakitangan di PKM. Apabila dijadikan petugas di PKM, kerja mereka menjadi padat dan kerja mereka tidak boleh fokus kerana mereka perlu membantu ADUN, YB ADUN untuk melaksanakan program-program ADUN juga. Jadi apabila kita menganjurkan program.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Bukit Gasing ada sebut dalam perbahasan ada sebut PWB. Tak ada sila duduk.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Tuan Speaker, jadi kalau mereka terlibat dengan PKM sebagai pegawai pusat khidmat masyarakat. Maka mereka tidak boleh fokus kepada kerja-kerja PWB ini dan elaun mereka tidaklah sebanyak mana. Jadi kalau kita bebaskan mereka. Maka, mereka perlu memikirkan program, saya meletakkan standard yang tinggi kepada mereka. Maknanya mereka objektif mesti jelas, sasarannya siapa, bagaimana nak buat bajet dan sebagainya. Jadi bila kita menganjurkan program-program di peringkat negeri atau persekutuan, kita nak bawa mereka suruh bawa lagi wanita, mereka jawab "*kami tak boleh pergi, kami ada program DUN hari ini.*" Jadi saya harap sangatlah YB Adun tidak *take things for granted* lah. Minta maaf yang penyelia PWB ini orang kata *extra pay of hands*. *No! They are not your extra pay of hands*. Dia membantu YB Adun dengan membuat program (Yang Berhormat Adun) dengan membuat program-program dengan wanita dan kemudian menjemput YB Adun untuk menyertai, untuk kenal pengundi-pengundi wanita dan rakyat ya. Dan mereka boleh buat program untuk orang lelaki pun. Misalnya kalau mengenai undang-undang, mengenai kepekaan gender. Ia tidaklah terhad kepada wanita semata-mata. Satu lagi saya minta sangat-sangat YB Adun semua mempunyai peruntukan RM800,000. Patutnya tolong bantu PWB. Bukan minta PWB keluarkan lagi duit untuk membantu program Adun. Ini saya dapat daripada penyelia-penyelia saya ya Yang Berhormat.

Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB : Saya ada satu soalan.

TUAN SPEAKER : YB Hulu Kelang, ada bahas isu PWB?

Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB : Ada bahas. PWB.

TUAN SPEAKER : Ada?

Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB : Ada. Secara tak langsung.

TUAN SPEAKER : Ada ya? Jujur ya? Jujur. Silakan.

Y.B. TUAN SAARI BIN SUNGIB : Ok. YB Exco, isunya begini. Di tempat-tempat yang tertentu (di DUN-DUN tertentu) ada penyelia PWB yang bagus. Di samping adanya Adun yang bagus. Jadi dengan peruntukan RM30,000 itu sedikit letih bagi dia. Kita suruh dalam RM10,000 (RM15,000) dalam tempoh sebulan (eh setahun), itu mengembangkan dia punya potensi. Jadi tak benar kalau kita katakan kita nak guna dia. Kita kembangkan potensi dia dan boleh bantu untuk perkara berkaitan.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih YB Hulu Kelang. Ya memang betul ada yang bukan dia tak bagus, dia bagus tapi kita tak faham. Dia mungkin tidak (dia belum faham lagi) tentang matlamat PWB. Dan

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, oleh kerana PWB banyak bantu ADUN yang lelaki dan sebagainya, saya nak bagi masa kepada Pandan Indah untuk gulung ya. Ringkaskan (pendekkan).

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Ok. Jadi saya nak sebut tadi peruntukannya bukan RM30,000 tapi RM50,000. Tetapi Yang Berhormat, kita mengharapkan kali ini (fasa kali ini), kita mewujudkan satu lagi kategori iaitu Wanita Berdaya Selangor. Daripada wanita di akar umbi ini, YB Adun dan juga penyelia PWB boleh tolong mengenal pasti kepada kami mereka-mereka yang mampu untuk kita tingkatkan lagi kemampuan mereka dalam menyediakan 30% wanita sebagai membuat keputusan supaya kemudian mereka boleh menjadi ahli majlis, mereka boleh menjadi ketua kampung, mereka boleh menjadi JKMPKK (ahli MPKK) dan lain-lain lagi tugasan di mana wanita patut untuk mengambil bahagian. Jadi saya ingat setakat itu sahaja Yang Berhormat sekalian. Terima kasih YB Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Terima kasih YB Seri Serdang ya. Saya jemput YB Pandan Indah.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih YB Tuan Speaker. Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya sebenarnya mempunyai tugas yang berat pada petang ini kerana mempunyai portfolio yang begitu banyak sekali pertanyaan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya tak tahu kalau YB Seri Serdang tadi mengambil lebih daripada sejam untuk memberi ucapan. Saya mempunyai tugas lebih berat dan saya akan cuba sedaya upaya saya untuk selesaikan.

Dan bahagian yang pertama ini berkaitan dengan infrastruktur dan kemudahan awam yang merupakan soalan yang popular di kalangan Yang Berhormat semua dan hampir semua menyentuh sedikit sebanyak berhubung dengan infrastruktur dan kemudahan awam. Bersama saya dengan jabatan-jabatan dan agensi yang di bawah *standco* Infrastruktur dan Kemudahan Awam, kita sentiasa berbincang dan mencari jalan penambahbaikan kepada aspek *delivery* atau penyampaian dalam aspek yang berkaitan dengan jalan, longkang dan sebagainya. Jadi saya berkeyakinan yang kita hanya mampu untuk melaksanakan semua ini dengan mengambil kaedah pendekatan yang di luar kotak pemikiran ataupun tidak boleh mengambil mudah kaedah-kaedah yang lama sedangkan kita tahu kita menghadapi masalah yang sama berulang-ulang. Yang ini yang pendekatan-pendekatan yang kita perlu ambil. Antaranya saya boleh senaraikan di sini yang sedang kita membuat penelitian dan sebahagiannya telah pun kita dapat persetujuan untuk dilaksanakan.

Yang pertamanya berhubung dengan dana sendiri. Jadi untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat semua, masalah besar daripada pembangunan infrastruktur terutama jalan ialah berkaitan dengan dana yang besar. Jadi peruntukan yang diberi ini biasanya tidak mencukupi dan perlukan peruntukan yang lebih besar. Saya bagi contoh perkara yang mudah. Kalau pembangunan jalan-jalan raya ataupun rangkaian jalan raya di sebelah pantai barat Selangor, kosnya per kilometer ini jauh melebihi daripada kos kalau dibuat di sebelah timur ataupun di sebelah Gombak sana kerana di sebelah sini ada dua unsur yang penting dalam pembinaan iaitu tanah ataupun tapaknya. Di sini banyak tapak adalah berada di kawasan yang paya (istilah dipanggil *marine clay*) dan juga tanah gambut. Jadi kos untuk pembinaan jalan ini sangat tinggi kerana perlukan di *stabilize* ataupun distabilkan tanah untuk tapaknya itu. Penggunaan *piling* ataupun penggunaan *Styrofoam*, *block* dan sebagainya ini perlu dilaksanakan untuk memastikan jalan itu boleh bertahan lama. Dan semua kena faham juga bahawa jalan juga mempunyai tarikh luput. Bukan kata jalan itu boleh berpuluh-puluh tahun. Dia ada tarikh luputnya dalam sekitar 15 hingga 20 tahun sahaja. Dan apabila sampai tempohnya, dia perlu dibuat penaiktarafan. Dan di Selangor ini, sebahagian besar jalan sudah pun mencapai tarikh luputnya dan perlu dibuat satu penaiktarafan kepada jalan itu untuk memastikan prestasinya bertambah baik. Tapi ini tidak dapat dilakukan secara serentak kerana kekangan kewangan dan dana. Ini antara perkara yang perlu

kita fahami. Dan dengan sekarang ini di bawah kerjasama yang lebih baik dengan kerajaan persekutuan, jadi kita boleh buatlah penyelarasan berhubung dengan pembangunan dan juga penyelenggaraan jalan-jalan di negeri Selangor. Ini termasuk jalan-jalan federal dan juga jalan-jalan negeri (PBT) dan juga jalan-jalan kampung. Itu yang pertama.

Yang keduanya ialah saya dah sebut berkali-kali perkara ini di Dewan ini yang mulia ini, saya sudah sebut. Saya sebut sekali lagi. Antara perkara yang saya kenal pasti apabila menjawat ataupun memegang portfolio ini ialah didapati perkara yang luar biasa iaitu di mana ada jalan ataupun longkang-longkang ini yang tidak ada tuan punya. Ini satu yang sangat-sangat menakjubkan. Yang ini yang kita yang saya sebut itu. Saya tidak menyalahkan mana-mana pihak. Mungkin tidak ada dibuat selama ini penyelarasan. Dan sebab itulah apabila perbincangan dibuat berhubung dengan jalan raya ataupun longkang ini, saya telah dalam Mesyuarat Stanco kita bersetuju supaya agensi yang terbabit duduk dan menyelesaikan inventori ataupun senarai jalan dan longkang yang dimiliki oleh agensi/jabatan masing-masing sama ada JKR atau PBT ataupun Pejabat Daerah dan JPS supaya dia diselesaikan. Jangan ada yang tertinggal. Dan kita juga bersetuju untuk jalan ini, kita sedang akan cadangkan untuk tahun berikutnya (tahun ini, 2019 tak sempatlah) 2020 supaya jalan ini diserahkan kepada dua agensi sahaja iaitu Jabatan JKR dan juga PBT supaya lebih memudahkan urusan penyelarasan dan pelaksanaan penyelenggaraan jalan. Tapi ini tidak begitu mudah untuk dilaksanakan. Bukan saja melibatkan inventori, juga melibatkan kewangan kerana peruntukan-peruntukan kewangan ini perlu disalurkan kepada agensi yang tinggal ini kerana kalau kita nak tambah tugasnya dia mesti juga datang dengan dana. Dia tidak boleh datang dengan tugas yang tambahan tapi dana masih sama. Ini perkara juga yang perlu di kita sedang akan kita laksanakan. Pada bulan 12 (Disember) ni pun dah mula ada perbincangan secara *detail* dari segi teknikal untuk pelaksanaan ini.

Yang ketiganya yang juga memberi kesan juga kepada aspek infra ini ialah sistem tender itu sendiri (kontrak). Dan ini pun dibincang dalam Mesyuarat MMKN dan MTES pun dibincang. Sistem *Cut Off* yang disebut oleh YAB Menteri Besar dalam ucapannya pun memang ada memberi sumbangan yang besar kepada penjimatan kos kita. Tapi dia ada juga kelemahannya yang kita perlu perbaiki dan kita sedang meneliti untuk dicadangkan kerana Sistem *Cut Off* ini pun boleh dimanipulasi dan akan dapat kepada kontraktor-kontraktor yang tidak begitu berkelayakan sebenarnya, boleh dibuat dan menyebabkan kadang-kadang pembinaan jalan itu tidak menepati kehendak ataupun kesesuaian tender ataupun kontrak berkaitan. Dan ini juga berkait juga dengan kontraktor.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER : Silakan Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Iaitu berkenaan dengan pelaksanaan Sistem *Cut Off* ini. *Common sense* memberitahu kita ialah sekiranya seseorang kontraktor itu adalah bagus dan baik, dan sekiranya kontraktor yang sama itu menyertai tender ataupun sebut harga kerajaan pada masa-masa yang akan datang sepatutnya ia akan diberi sedikit kredit ataupun kelebihan di situ. Tapi dalam Sistem *Cut Off* yang ada ini, kontraktor sebegini diberi layanan yang sama dengan kontraktor yang lainnya tidak ada pengalaman yang mungkin tidak begitu berprestasi baik dan sebagainya dan kadangkala dalam Sistem *Cut Off* ini mereka mungkin akan dikeluarkan, disingkirkan atas manipulasi ini. Bolehkah kita memberi sedikit kredit ataupun *score* kepada mereka? Dicadangkan.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Minta maaf YB Banting. Saya sebenarnya banyak kalau nak bercerita mengenai sistem tender ini (*cut off*). Tapi saya rasa beri peluang kepada Stanco saya untuk meneliti dan mencadangkan nanti kebaikan, penambahbaikan kepada sistem tender ini. Saya setuju sangat dengan YB Banting tadi itu.

Dan seterusnya ialah pihak kontraktor sendiri yang perlu juga kita pastikan mereka ini juga dibimbing ataupun diberi pendedahan dan kursus yang sesuai supaya mereka juga dapat dibangunkan. Kalau kita buat sistem bagus pun kalau kontraktor yang nak laksanakan pun tidak begitu berketerampilan dalam pelaksanaan kerja-kerja infrastruktur ini maka kita akan menghadapi masalah yang sama juga.

Dan antara yang lagi kaedah yang kita akan perkenalkan yang kita sedang meneliti ialah juga pengenalan teknologi moden bersesuaian dengan R4.0 ini dalam juga infrastruktur. Antaranya kita telah sedang meneliti pembelian perolehan peralatan yang sesuai untuk terutamanya contohnya ialah *pot holed patches*. *Pot holed patches* ini (dengan izin) adalah mesin moden yang boleh digunakan untuk menyelesaikan isu-isu mengenai lubang jalan yang akan dibuat secara lebih efisien dan lebih profesional dan lebih kukuh dari segi teknikalnya dan juga termasuk juga teknologi yang kadang-kadang dari segi material ataupun bahan-bahan untuk penampalan itu sendiri yang selama ini kita masih mengekalkan *premix cold* dan *hot* (itu yang kita gunakan sekarang). Contohnya *rubberize compound*, penggunaan getah *compound* dalam pembinaan jalan yang boleh sedikit sebanyak nanti akan membantu juga penggunaan getah kita (di negara kita ini) sedang/dah dikaji dan pun dah dilaksanakan di beberapa jalan. Di negeri Selangor pun dah ada dilaksanakan dan kita akan meneliti dan melihat

kemampuan penggunaan bahan-bahan yang baru ini bagi bukan sahaja untuk penjimatan, tetapi juga untuk tujuan ketahanan jalan itu sendiri. Ini antara perkara yang.

Yang terakhir kali berhubung dengan pendekatan-pendekatan dan penambahbaikan inilah. Juga yang saya sebut dalam ucapan sebelum ini berhubung dengan penggunaan *utility mapping*. Sudah tiba masanya negeri Selangor sebagai negeri yang maju, kita ni kalau kita ditanya di jalan ini, yang mana, apa yang ada di bawah jalan ini kita pun tak tahu apa ada. Paip air kat mana duduk tak tahu. *Cable electric* pun tak tahu kat mana. Kalau adapun tidak lengkap. TNB ada sendiri dia punya *map* dia (petanya), Air Selangor ada petanya sendiri. Laluan masing-masing dan mereka tidak berkongsi. Sebab itu apabila kerja-kerja jalan dibuat, akan terkena kabel elektrik, akan terkena paip air pecah dan sebagainya. Ini sebenarnya bukan ciri-ciri sebuah negara maju. Negara maju ini mempunyai kelengkapan prasarana yang baik. Malah saya pernah melihat sebuah negara yang saya lawati di negara Jepun, ada satu daerah dia menyediakan PBT ataupun pihak *local authority* itu menyediakan memastikan bahawa pihak utiliti berkongsi peta ini di mana laluan gasnya, laluan airnya, laluan elektriknya semua ada di dalam itu dan pihak kontraktor mana yang nak buat sebarang kerja di dalam kawasan PBT berkenaan perlu membeli peta ini untuk dan itu dijadikan sumber kewangan untuk PBT yang berkenaan. Ini telah dilakukan dan saya berkeyakinan tidak lambat untuk negeri Selangor melaksanakan ini.

Berkaitan dengan soalan-soalan ini, saya pergi secara ringkas sebab banyak soalan-soalan ini YB Tuan Speaker saya akan ringkaskan.

TUAN SPEAKER : Bagus, silakan.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Antaranya yang ditimbulkan oleh YB Semenyih berhubung dengan pelebaran jalan. Saya maklumkan di sini. Di Batu 9 ke Batu 14 Hulu Langat (dia ada ke? Tak ada ke?) telah diluluskan dalam proses tender ya. Kemudian untuk Jalan Persekutuan FT01 dan FT31 tidak ada sebarang cadangan lagi penaiktarafan FT01, FT31 sedang dikaji dan kertas cadangan akan dimajukan kepada Cawangan Ibu Pejabat JKR Malaysia. Untuk Kota Damansara berhubung dengan pandangan atau pun yang di bawa tentang pelebaran ataupun pembesaran jambatan di kawasan Kampung Melayu Subang itu. JKR Selangor akan mengkaji keperluan itu. Untuk pelebaran itu dan akan membuat permohonan pada UPEN untuk dilaksanakan lambat sikitlah Rancangan Malaysia Ke12 yang akan bermula 2021. Jadi sekarang ini memang tidak ada lagi peruntukan itu tapi walau bagaimanapun kerja-kerja pembesaran Sungai di kawasan berkenaan akan diteruskan, penyelenggaraan akan dibuat untuk kerja-kerja di kawasan berkenaan.

Tentang perhubungan atmosfera ini ialah di bawah Bidang kuasa Pihak MBSA dan saya pun difahamkan baru-baru ini dalam Mesyuarat bahawa perkara itu pun dah hampir diselesaikan. Untuk jalan itu disambung pembinaannya dan tentang penaiktarafan itu akan dikaji kemudian ya.

Untuk Taman Templer ini berkait juga dengan sistem longkang dan juga di tepi jalan di kawasan JKR ini dan penyelenggaraan itu akan dilaksanakan untuk pembersihan mengikut apa yang telah di skop penyelenggaraan itu dua kali setahun dan untuk Sentosa satu cadangan yang oh tak ada juga (ketawa). Satu cadangan yang baik dari segi penyelenggaraan lampu jalan ini diuruskan oleh satu pihak sahaja. Satu agensi atau satu agensi sahaja. Sekarang ini diuruskan oleh Pihak PBT, TNB dan JKR. Jadi satu ini satu cadangan yang agak drastik yang perlu dikaji dan saya akan ambil perhatian cadangan ini sebab dia melibatkan juga aspek perundangan dan juga dana kewangan, jadi ini akan dikaji.

Ok. Untuk isu banjir ini saya ingin menyentuh sedikit sahaja isu banjir ini dah pun saya sebutkan tadi sebahagiannya. Komponen utama dalam isu pengurusan banjir ini ataupun metagasi banjir ini ataupun tebatan banjir ini ialah kolam takungan banjir dan juga penyelenggaraan parit dan longkang. Ini dua komponen besar. Jadi kolam takungan ini untuk makluman semua sangat penting diuruskan dengan betul dan sekarang ini dia lebih daripada 400 kolam takungan banjir di seluruh Selangor dan kita telah ada cadangan untuk memastikan setiap pembangunan supaya kolam takungan banjir ini diwujudkan dalam kawasan-kawasan pembangunan baru kerana peranan kolam takungan banjir ini adalah untuk menahan air apabila hujan yang terlalu lebat menahan air dan menunggu sehingga air sungai ataupun parit dah surut sedikit baru dilepaskan air ini ke dalam. Ini akan mengelakkan banjir kilat ataupun mengurangkan banjir kilat dan lebih daripada 400 kolam kita ada sekarang. Masalahnya ialah kolam ini tidak diserahkan kepada pihak Jabatan Pengairan dan Saliran hanya 40 sahaja yang ada. Jadi pihak JPS walau bagaimanapun terpaksa kadang-kadang mengambil tindakan untuk membuat selenggaraan di kolam-kolam yang bukan diserahkan dan terdedah kepada tindakan undang-undang dan pernah berlaku di saman oleh pihak ketiga kerana pandai sangat pergi dok sibuk (ketawa) dok *maintain* kolam orang lain. Dia terpaksa buat untuk membantu dari segi menguruskan masalah banjir ini tetapi kena saman.

Jadi saya telah berbincang dan saya telah bawa pun dalam Mesyuarat EXCO tentang isu ini dalam MTES pun kita bincang dan kita telah meminta pada JPS supaya mengambil langkah-langkah perlu berbincang dengan pihak PBT dan juga pihak ketiga sama ada pemaju ataupun orang perseorangan supaya kolam-kolam ini diserahkan di bawah pengurusan JPS untuk diuruskan dengan baik. Tapi ada sedikit isu di mana

kolam-kolam ini perlu ada *icebuilt*, lukisan *drawing* dia punya kemudian nak kena tahu *ownership* siapa dan sebagainya. Proses ini kita kalau kita tunggu mungkin kita tak dapat selesaikan kerana dia makan masa dan ada setengah tu dah lama kolamnya mungkin dah tak ada *drawing* dia pun. Tak tahulah siapa punya. Jadi terpaksa dibuat mungkin kalau perlu kita akan mengambil *engage* konsultan untuk melaksanakan tugas-tugas ini dan kita perlu bayar lah untuk pastikan kolam-kolam ini dapat diserahkan dengan betul kepada JPS untuk diuruskan.

Yang keduanya berhubung dengan senggaraan yang masalah besar dengan senggaraan sungai ataupun anak sungai dan parit monsun drain ini ialah pembinaan ataupun pencerobohan di kawasan-kawasan rizab sungai. Saya terpaksa sebut di sini. Saya faham apabila kita mengambil program-program untuk pembesaran, pembersihan kita terpaksa bertindak. YB-YB kita pun terpaksa datang merayu supaya jangan

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Pandan Indah. Yang Berhormat ya. Silakan.

Y.B. TUAN IR. IZHAM B. HASHIM : (Ketawa) Yang Berhormat-Yang Berhormat pun mengadu, datang mengadu. Saya faham peranan Yang Berhormat semua untuk menjaga pengundi-pengundi masing-masing. Kita faham tetapi kerja-kerja ini perlu dilaksanakan kerana akan menyebabkan masalah banjir dan sebagainya. Jadi kita akan bincang secara baik dan saya telah pun berjaya menyelesaikan beberapa masalah ini di mana pembangunan ini berlaku, berlangsung atau berlaku di kawasan rizab sungai yang menyebabkan kerja-kerja pembesaran, pembersihan tidak dapat dilakukan. Jadi saya harap kerjasama daripada semua untuk perkara ini kita dapat laksanakan dengan baik ya dan saya.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Pencerahan boleh mencelah.

TUAN SPEAKER : Ya Yang Berhormat Kota Damansara.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Yang Berhormat EXCO, projek ni melibatkan pemindahan yang ramai penduduk jadi kita akan dianggap sebagai Kerajaan yang tidak prihatin pada mereka ni jadi saya rasa kalau projek itu boleh ditangguhkan sebagaimana yang berlaku di Kota Damansara tu saya minta projek itu dipanjangkan dan tidak alternatifnya supaya mereka ini tidak dipindahkan terutama di Kampung Desa Subang Perantau Yang Berhormat EXCO. Benda ini diluluskan sebelum kita dulu dan saya pun tak tahu kenapa diluluskan tapi saya harap kerjasama dah dibuat saya minta supaya penduduk di Desa Subang Perantau tu tidak wujud

perpindahan atau maksud menyelesaikan masalah banjir kerana kita ada penyelesaian lain. Alternatif lain Yang Berhormat EXCO.

Y.B. TUAN IR. IZHAM B. HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat Kota Damansara. Saya sebenarnya apa-apa yang kita hendak buat ni kita mesti berdasar pada undang-undang. Kalau kata kita benarkan sebahagian tempat rizab sungai boleh di ceroboh sebahagian yang lain tak boleh jadi kita ni macam mana kedudukan kita. Jadi kita kena faham benda-benda begini. Kita kena ambil tindakan yang betul tapi tindakan tu tidaklah dibuat secara drastik. Secara yang kasar kita ada peraturan dan cara kaedah yang kita boleh buat. Buat laksanakan dengan baik. Pemindahan dengan rumah mampu milik dan sebagainya perlu kita buat tapi untuk

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Kampung Tunku.

TUAN SPEAKER : Banting-banting.

TUAN SPEAKER : Banting. Maaf Banting. (ketawa). Saya nak tanya Yang Berhormat Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya.

TUAN SPEAKER : Ada bahas berkaitan dengan STANCO?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tak apa saya akan masukkan dalam perbahasan peringkat jawatankuasa nanti.

TUAN SPEAKER : Sila duduk.

Y.B. TUAN IR. IZHAM B. HASHIM : Terima kasih petang-petang ni ya. Saya rasa benda ini tak hendak saya panjangkan ini kita boleh bincang dengan baik tetapi penyelesaian kita mestilah mengambil kira aspek perundangan, peraturan dan juga mengambil kira akan keperluan umum kerana kalau kita gagal melaksanakan kerja-kerja ini kita telah memutuskan menyebabkan banjir kepada orang yang kawasan-kawasan yang lain dia menjadi masalah juga kepada rakyat. Jadi saya rasa saya hanya menyentuh banyak lagi sebenarnya saya ada di sini berkaitan dengan air yang terpaksa saya jawab dan juga berkaitan dengan

Y.B. TUAN HAJI SAARI B. SUNGIB : Penjelasan.

Y.B. TUAN IR. IZHAM B. HASHIM : Ya sila.

Y.B. TUAN HAJI SAARI B. SUNGIB : Tentang banjir ni.

TUAN SPEAKER : Sila kan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI B. SUNGIB : Dengan izin, the bottom line ialah siapa yang nak tanggung kos perbelanjaan dan baru-baru ini saya telah berhujah menyatakan akhir MPAj mohon pada EXCO dan minta pada Menteri Perumahan. Jadi bagaimana kesudahan adakah peruntukan akan dikeluarkan untuk menyelesaikan masalah rakyat yang derita kerana menghadapi banjir setiap kali.

Y.B. TUAN IR. IZHAM B. HASHIM : Isu peruntukan ni macam saya sebut jalan tadilah. Sama juga peruntukan ada peranan masing-masing, ada peruntukan daripada federal, ada peruntukan daripada negeri yang perlu kita selaraskan dan untuk kita laksanakan projek tebatan banjir ini pun bukan kos yang rendah dan kita memerlukan peruntukan bantuan daripada federal untuk melaksanakan. Kalau tidak kita tidak ada kemampuan untuk melaksanakan kerja-kerja berkaitan dengan tebatan banjir ini yang besar ini dan saya in shaa Allah akan berusaha bersama-sama dengan JPS untuk mencari jalan, kaedah yang terbaik bagaimana kita dapat melaksanakan terutama yang kritikal. Kawasan-kawasan kritikal sebab kita di bawah JPS kita mempunyai hotspot-hotspot yang tertentu yang perlu diberi perhatian segera yang kerap berlaku masalah banjir contohnya macam di Rawang. Yang Berhormat Rawang bila saya sebut dia senyum. Mempunyai rekod banjir yang agak tinggi untuk tahun 2017, 2018 sudah hampir 10 kali ya. Hampir. Mempunyai rekod banjir yang kerap berlaku di kawasan itu B27 itu. Jadi itu antara perkara-perkara yang bukan maksud saya di Rawang sahaja lah ada lagi tempat-tempat lain kita ada senarai kita akan sentiasa kaji untuk dilaksanakan dari masa ke semasa.

Saya ingin menyentuh berhubung dengan bekalan air. Isu air. Soalan daripada Yang Berhormat Bukit Lanjan berhubung dengan *water resources supply and demand* ini *distribution study for* Selangor ini telah siap dilaksanakan dan ini menjadi panduan kepada Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. atau Air Selangor dalam mereka merangka pelan pembangunan ataupun pelan perancangan perniagaan mereka. Berdasarkan kepada ini. Kajian ini dibuat ialah dengan kita melantik firma perunding. Konsultan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan terikat dengan undang-undang, peraturan yang digariskan oleh Lembaga Jurutera Malaysia dan mereka ini sebagai firma perunding, sebagaimana juga firma perunding yang lain mereka bebas tidak terikat kepada mana-mana syarikat dalam membuat hasil penyelidikan dan kajian. Ini sama lah konsultan yang lain pun begitu mereka buat kajian, berdasarkan profesionalisme mereka dan cadangan itu telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri telah dengan Air Selangor yang merupakan yang telah

menggunakan *finding* ataupun hasil penemuan mereka ini berhubung dengan aspek bekalan air di negeri Selangor ini untuk rancangan jangka panjang mereka. Ini yang sebenarnya yang kita buat ya.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker. Soalan ataupun penjelasan.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Bukit Lanjan. Ada masuk dalam aspek air.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Ada.

TUAN SPEAKER : Ada ya. Tak nak bawa pergi dalam Jawatankuasa ya.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tidak.

TUAN SPEAKER : Ok. Sila.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : kerana berkaitan dengan jawapan daripada Yang Berhormat Pandan Indah. Satu apa nama firma atau pun konsultasi *firm* yang telah buat kajian tersebut dan kalau kajian ini telah dibuat mengapa ianya dalam ucapan belanjawan 2019.

Y.B. TUAN IR. IZHAM B. HASHIM : Saya sebenarnya telah meminta daripada UPEN berhubung dengan konsultan ini masih saya belum menerima lagi. Nanti saya dapat saya akan berikan nama konsultan ini tapi dia di sebut di sini memang mereka ini memang mempunyai kepakaran yang luas dalam kejuruteraan awam dan elektrik dan kejuruteraan mekanikal. Untuk membuat kajian itu dan telah pun siap dan dia memberi tumpuan kepada permintaan air mentah kajian mengenai permintaan air mentah dan air terawat bagi jangka panjang sehingga 2065. Ini yang kajian yang telah dibuat mengenai water resources ini dan juga fokus kepada kawasan tumpuan kekurangan air, water stress punya area. Nanti saya akan berikan kepada Yang Berhormat apabila saya dapat nama. Saya dah minta nama-nama perunding ini untuk dimajukan.

Tentang juga soalan Yang Berhormat Bukit Lanjan juga berhubung dengan *demand side* punya *management as off supply side* punya *management* kita akur dan ambil perhatian tentang cadangan daripada Yang Berhormat tentang keperluan asas perkhidmatan air di uruskan dengan mementingkan ketelusan, akauntabiliti, efisien dan tidak mementingkan keuntungan semata-mata.

Jadi kita berusaha untuk mengurangkan penggunaan air di kalangan pengguna melalui pelaksanaan *water demand management* dan juga dalam masa yang sama dan menggalakkan pengguna melaksanakan pemasangan alat-alat penjimatan air yang digalakkan *water saving devices* yang dapat mengurangkan penggunaan air secara automatik. Jadi ini termasuklah sistem penjimatan pancuran air, sistem peralatan paip dan sistem tandas serta mesin basuh dan mesin basuh tangan yang menggunakan sistem penjimatan air.

Jadi dari masa ke semasa Kerajaan Negeri dan Air Selangor akan membuat kajian dan meneliti polisi-polisi berkaitan bekalan air ini ke arah memastikan bekalan air secara holistik menjamin ketelusan ketanggunganjawapan efisien dan kos efektif dan juga dalam masa yang sama pembangunan bekalan air mesti di buat bagi memastikan kelestarian dan kecukupan bekalan air untuk menampung permintaan masa hadapan dan soalan daripada Yang Berhormat Subang Jaya berhubung dengan pelaburan dalam industri air ataupun infrastruktur air sebanyak 223 juta sama ada mencukupi atau tidak. Sasaran kita sekarang ini untuk negeri Selangor bagi bekalan rizab bekalan air ataupun net margin yang sihat ialah di sekitar 15% itu sasaran kita tapi memerlukan sedikit perancangan jangka panjang kerana sekarang ini rizab air kita berada di sekitar 4% sahaja. Sedangkan penggunaan tahunan ialah 3.5% kenaikan jadi satu angka yang amat-amat membimbangkan. Jadi pelaburan ini hanya sebahagian daripada yang dibelanjakan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kuantiti dan kualiti air terawat. Ini yang dibuat tapi kita berkeyakinan kita perlu meneliti dengan lebih teliti kerana kita kebimbangan kita kelewatan antara kelewatannya termasuklah Labuhan Dagang yang agak delay beberapa bulan yang kerisauan kita supaya untuk tahun hadapan sebab itu kita memberi fokus untuk pastikan tahun hadapan rizab air ini dapat ditingkatkan berperingkat-peringkat dan in shaa Allah pada tahun 2022 kita harapkan dengan siapnya loji pembangunan rawatan air Langat 2 fasa 1 dan juga Labohan Dagang fasa 2 rizab bekalan air kita dapat ditingkatkan melebihi 10%. Kalau tidak sampai 15% pun melebihi 10%. Ini adalah menjadi sasaran kita.

Jadi untuk soalan bagi Yang Berhormat Templer berhubung dengan paip air itu untuk berita baik bagi Yang Berhormat Templer penggantian itu diberi keutamaan sebagaimana yang saya sebut berdasarkan kepada aduan, kedudukan paip pecah dan Selayang Baru telah disenaraikan dalam lokasi program penggantian paip berdasarkan kedudukannya dalam ranking air Selangor melibatkan beberapa jalan telah kenal pasti kritikal termasuklah jalan besar Selayang Baru. Jumlah paip ialah sepanjang 9,640 meter dan program penggantian paip lama di Selayang telah pun diberikan penduduk taklimat program dia, program kerja pada masa ini pemasangan paip sedang dibuat dan mensasarkan kerja-kerja tapak akan mula dilaksanakan mulai bulan Disember ini dan jadual siap pada bulan Julai 2019 untuk Selayang Baru. Ok.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, tolong ringkaskan ya.

Y.B. TUAN IR. IZHAM B. HASHIM : Saya rasa (ketawa) saya terpaksa masuk kepada yang terakhir kepada aspek pertanian pulak ya. Dan sebelum masuk pertanian ini yang fiber saya minta maaf kerana saya dengan Yang Berhormat Kajang ni kita berkongsi portfolio ya. Bespeak berkenaan dengan infrastruktur digital jadi saya bertanggungjawab dalam infrastruktur digital Yang Berhormat Kajang dia bertanggungjawab pada aspek aplikasi dia ataupun wifi. Jadi sebab itu dia terpaksa menjawab dua-dua dalam masa soal tadi. Soal mulut tadi.

Jadi untuk makluman semua kita telah berjaya menyelesaikan satu isu yang besar berhubung dengan pelaksanaan infrastruktur digital ini iaitu kejayaan kita untuk menyatukan semua pemain-pemain dalam pasaran ini dalam satu jawatankuasa. Ini baru kita berjaya buat dalam dua minggu lepas. Jadi untuk julung kalinya satu jawatankuasa ini pun sebelum saya bawa lagi baru di bincang dalam mesyuarat yang lepas mesyuarat STANCO belum dibawa lagi di dalam Mesyuarat MMKN akan dimaklumkan nanti Penubuhan Jawatankuasa Penyelaras Pembangunan Infrastruktur Digital yang melibatkan semua players ya termasuk lah Telekom, Fibercom, Telco-telco lain, Maxis dan juga semua yang besar-besar semua ada dan juga Suruhanjaya Komunikasi Multimedia pun ada berjaya dibentuk untuk menyelaras kerja-kerja pembangunan infrastruktur digital di seluruh Selangor. Ini satu kejayaan yang besar kerana selama ini memang sukar untuk menemukan mereka ini bersama kerana masing-masing mempunyai strategi perniagaan yang berbeza dan mereka tidak mahu berkongsi maklumat-maklumat yang diperlukan untuk kita membangunkan infrastruktur terutamanya fiber di seluruh Selangor ini.

Jadi in shaa Allah dengan ini nanti kita akan mampu untuk melaksanakan termasuk juga Smartshell di bawah MBI juga akan terlibat sama untuk kita sama-sama membangunkan supaya aduan-aduan mengenai seluruh Internet yang perlahan dan sebagainya itu kita dapat selesaikan dalam masa yang terdekat.

Untuk pertanian saya menerima daripada 12 ADUN. ADUN 12 tempat, 12 kawasan dan melibatkan pelbagai soalan saya akan pergi secara laju, secara cepat kerana Pertamanya berhubung dengan sumber makanan negara ni, Selangor sebagai sumber makanan negara daripada Yang Berhormat Taman Templer, Kuang, Sungai Ramal dan juga Sungai Kandis juga ada menyebut sedikit berhubung dengan perkara ini.

Untuk makluman semua Selangor sebagaimana disebut dalam ucapan Yang Amat Berhormat bahawa kita adalah sebuah negeri yang sumbangan daripada pertanian ni tidak besar hanya dalam 1.5% daripada KDNK dan sebahagian besarnya adalah

daripada perkhidmatan dan juga perindustrian. Tapi walau bagaimanapun kita perlu ambil berat berhubung dengan *food security* kita itu jaminan bekalan makanan kita dan juga SSL ataupun *Sel Sufficiency Level* tahap kecukupan sendiri kita dalam makanan kerana makanan merupakan aspek industri strategik bagi negara ataupun negeri.

Oleh itu, kita mengambil maklum mengenai kekurangan tanah ataupun masalah tanah kerana ini menjadi perkara asas dalam pembangunan pertanian tak kira lah sama ada perikanan ataupun penternakan memerlukan tanah jadi tanah yang di Selangor ini tidak begitu banyak. Tanah untuk TKPM, Taman Kekal Pertanian untuk Malaysia yang di bawah pengurusan Jabatan Pertanian di Selangor hanya di sekitar 3,000 ekar sahaja. Di bawah Jabatan Veterinar di sekitar 850 ekar sahaja. Itu sahaja total jumlah keseluruhan tanah yang di bawah TKPM. Selain daripada itu ada tanah-tanah yang lain yang di bawah PKPS dan juga ladang-ladang sawit yang lain tapi tidaklah banyak kalau kita lihat padi pun hanya 29% sahaja. Kemampuan kita SSL ini tadi. Kalau kita tengok pada daging lembu hanya 2% sahaja kita punya *Sel Sufficiency Level*. 2% sahaja yang lain lebih tu adalah diimport. Ataupun diambil dari negeri lain ataupun diimport. Jadi walau bagaimanapun di bawah STANCO Pemodenan Pertanian kita berpandangan bahawa industri makanan ataupun industri pertanian dan juga industri asas tani mempunyai potensi yang besar dalam pembangunan industri sektor pertanian di negeri Selangor dan kita yakin boleh kita capai dengan pendekatan-pendekatan moden dan juga *high value crop* yang kita telah cadangkan disebutkan juga dalam belanjawan dan juga pelaksanaan konsep agro pronal, pembangunan agro pronal dan juga agro tourism ataupun pelancongan agro. Ini akan kita laksanakan dan akan kita teliti dan halusi dan akan kita pertingkatkan dari semasa ke semasa bagi mencapai saya rasa masa mungkin tidak mengizinkan saya ada banyak sebenarnya untuk disampaikan tapi akan saya buat mungkin secara bertulis lah atau macam mana ya banyak jadi saya ucap terima kasih sekali lagi kepada Tuan Speaker. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Saya mempersilakan Yang Berhormat Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Tuan Speaker. Oleh kerana masa tidak mengizinkan saya akan menjawab soalan atau isu yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat masih berada di dalam Dewan yang mulia ini.

Seri Setia, saya akan mula dengan isu jalan rosak yang dibangkitkan oleh rakan baru Yang Berhormat Seri Setia. Seperti Yang Berhormat sedia maklum jalan melibatkan tiga jenis jalan iaitu Jalan Persekutuan, Jalan Negeri dan Jalan Perbandaran. Bagi Jalan Perbandaran PBT sentiasa melakukan pemantauan keadaan jalan-jalan yang rosak ini. Pembaikan jalan di PBT dilakukan oleh Pasukan Roadgeng di mana kerja-kerja seperti tampalan lubang bagi kerosakan kecil akan dilaksanakan segera.

Manakala bagi kerja-kerja tampalan yang berskala besar dan kos yang tinggi kontraktor akan dilantik untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan tersebut dengan menggunakan peruntukan MARRIS. Orang awam boleh mengemukakan aduan jika mendapati terdapat jalan berlubang kepada PBT masing-masing atau melalui aplikasi web. Sentosa tak ada.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Mohon celahan. Tuan Speaker. Mohon celahan.

TUAN SPEAKER : Ya Yang Berhormat nak kemukakan isu apa.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Di sebut Seri Setia tadi.

TUAN SPEAKER : Ada Seri Setia, ok silakan.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : (ketawa) Tuan Speaker pun tak perasan. Dah penat. Terima kasih Tuan Speaker. Kepada Yang Berhormat EXCO yang ini saya teringat balik apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat EXCO Tn Hj. Izham yang menyatakan bahawa ada beberapa jenis jalan ataupun ada beberapa jabatan yang menguruskannya atau Kementerian yang saya minta supaya jangan lagi lah kita tuding jari ya. Yang ini kata yang ini, yang ini kata yang ini sebab kita di bawah Kerajaan yang sama. Saya tak nak nanti berlaku di mana Pihak PBT atau Pihak Kementerian yang masih lagi menuding jari. Pandangan saya sebaik-baiknya kita jalankan kemudian penyelesaiannya kemudian dari segi pembayaran atau apa-apa sahaja sebab masing-masing takut untuk mengeluarkan peruntukan perbaiki ini yang menjadi masalah menuding jari antara satu sama lain.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Ya kami sedia maklum dan YB Pandan Indah sedang mengkaji satu kaedah yang baru untuk selesaikan masalah ini. YB Pandamaran membangkitkan 3 isu.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Yang Berhormat Pandamaran membangkitkan 3 isu di Kawasan Klang iaitu peruntukan baik pulih bagi infrastruktur dan masalah banjir. Berkenaan masalah infrastruktur MPK sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan terbaik dan mencari pendekatan baru untuk perbaiki mutu penyampaian perkhidmatan seperti menyediakan aplikasi yang berintegrasi dengan google map untuk mengenal pasti maklumat jalan dan saluran di bawah kawal selia MPK, JKR, JPS dan PPD secara automatik dan seterusnya dapat memberikan maklumat agensi yang bertanggungjawab

kepada pengadu. Aplikasi ini masih dalam proses uji lari dan mula mendapat sambutan dari orang awam.

Bagi masalah banjir Yang Berhormat Pandamaran memaklumkan wakil rakyat kerap dipersalahkan apabila banjir berlaku kerana kelewatan Jabatan dalam mengesan punca banjir. Ingin saya tegaskan di sini bahawa pasukan tindakan segera, pantas, MPK sentiasa siap siaga 24 jam memantau di sekitar lokasi berisiko banjir. Skwad ini bertindak selaku *first responder* dalam menyampaikan segala maklumat dan laporan berkaitan bencana yang berlaku. MPK juga telah mengarahkan semua jabatan bersiap sedia dari segi logistik serta tenaga kerja ini termasuk membuka pusat pemindahan sekiranya berlaku banjir. Membuat pemantauan dan pembersihan saluran parit di seluruh kawasan bagi memastikan kelancaran saluran air supaya tidak tersumbat.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri mengambil maklum akan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Panjang. Berhubung caj..

TUAN SPEAKER : Pandamaran.

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE : Tuan Speaker, terima kasih ya. Saya ingin bangkitkan beberapa projek kolam tadahan yang telah dilancarkan oleh JPS ya dua tiga tahun tapi masih belum mula dan kita pengambilan tanah memang lambat dan penduduk memang gesa pengambilan tanah tu harap dicepatkan dan

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat ini perkara baru ke?

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE : Ya sama banjir.

TUAN SPEAKER : Banjir lah.

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE : Ya banjir. Jadi bukan sahaja MPK tapi malah JPS ia projek dia jadi saya harap Kerajaan Negeri dapatlah mempercepatkan proses-proses sebegini. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Saya mohon lah Yang Berhormat berikan maklumat kolam-kolam tadahan tersebut kepada Yang Berhormat Pandamaran. (Ketawa) Maaf-maaf Yang Berhormat Pandan Indah (Ketawa) Yang Berhormat Pandan Indah. Hah mana saya. Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Panjang berhubung caj parkir yang akan dikenakan oleh MDSB. Cadangan mengenai caj parkir ini telah dimulakan sejak tahun 1990. Walau bagaimanapun cadangan tersebut telah ditangguhkan atas faktor-faktor termasuk keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap suara

rakyat. Walau bagaimanapun seperti sedia maklum caj parkir merupakan salah satu hasil kepada PBT. MDSB berpandangan bahawa kutipan caj parkir ini secara tidak langsung dapat membantu untuk meningkatkan hasil. Peningkatan hasil tersebut pula dapat membantu MDSB dalam menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada para penduduk. Kerajaan Negeri memahami dan prihatin akan kebajikan rakyat serta mengambil kira kesesuaian kadar semasa. Oleh yang demikian perkara ini akan di nilai dan diteliti secara menyeluruh agar memenuhi hasrat Kerajaan supaya PBT dapat memberikan penyampaian perkhidmatan yang efisien dan berkesan. Ada soalan lagi?

TUAN SPEAKER : Sg Panjang.

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN : Mohon Penjelasan Yang Berhormat EXCO. Berkenaan dengan kajian dan juga *feasible study* dengan izin berkenaan dengan caj parkir tersebut kita berharap supaya dia kaji dengan tepat kerana kita perlu memikirkan. Memang tak dapat dinafikan ia mungkin menjadi sumber tambah kepada kutipan hasil untuk PBT tetapi adalah kutipan hasil itu akan memberikan nilai yang significance atau pun wiber untuk dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan? Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Yang Berhormat Sg Panjang. Kajian masih dibuat belum dimuktamadkan lagi. KKB tak ada, ok untuk makluman Ahli Yang Berhormat Subang Jaya dan Morib ketiga-tiga PBT yang dicadangkan untuk dinaiktaraf telah mematuhi semua kriteria asas yang perlu dipatuhi untuk menjadikan Majlis Bandar Raya seperti mana yang telah ditetapkan oleh KTKT di dalam Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bil. 04 Tahun 2008. Justeru itu Kerajaan Negeri akan sentiasa memastikan perkhidmatan yang diberi oleh PBT ini dipertingkatkan selaras dengan status PBT sebagai sebuah Majlis Perbandaran dan Majlis Bandar Raya. Selain daripada itu Kerajaan Negeri akan memastikan kesemua PBT di negeri Selangor sentiasa mengamalkan sistem tadbir urus yang cekap dan mempunyai pengurusan yang baik. Sg Ramal tak ada, Air Tawar, Banting okay. Yang Berhormat Banting memohon supaya Jawatankuasa Tatatertib PBT dirombak semula dan Ahli Majlis diberi tugas untuk menyiasat. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, kalian Lembaga Tatatertib digariskan di bawah Seksyen 16(4) dan Seksyen 17(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan garis panduan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor. Keahlian Lembaga Tatatertib adalah terdiri daripada Datuk Bandar atau Yang Dipertua, Setiausaha dan seorang Ahli Majlis yang daripada Ahli Majlis Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat. Pengiraan bergantung kepada kehendak semasa dan pemilihan oleh Datuk Bandar atau Yang Dipertua. Lembaga Tatatertib ini mempunyai bidang kuasa dalam semua perkara yang diperuntukkan di dalam kaedah-kaedah pekerja 1995. Berhubung dengan kelakuan dan tatatertib semua pekerja serta mempunyai kuasa untuk mengenakan apa-apa

hukuman tata tertib seperti mana yang diperuntukkan di dalamnya. Manakala penubuhan jawatankuasa penyiasatan seperti yang dijangkakan dalam kaedah-kaedah pekerja 1995 hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada 2 orang pegawai Majlis yang berpangkat lebih tinggi daripada pegawai yang disiasat itu. Dan Ketua Jabatan pegawai yang disiasat itu tidak boleh menjadi Anggota Jawatankuasa Penyiasatan. Oleh yang demikian Kerajaan Negeri mengambil maklum akan cadangan yang dikemukakan untuk meletak Ahli Majlis sebagai salah seorang jawatankuasa penyiasatan.

Yang Berhormat Banting juga membangkitkan isu pengurusan sampah oleh KDEB. Tuan Speaker, perkhidmatan pengurusan sistem pepejal di MDKL, KDEB Waste Management Sdn Bhd telah dimulakan berdasarkan penerimaan surat setuju terima SST. Walaupun kontrak perjanjian belum di materialkan. Hal ini adalah bagi memastikan perkhidmatan kutipan sampah diteruskan setelah kontrak dengan Syarikat lama tamat serta memberi tempoh masa yang cukup untuk kedua-dua pihak meneliti dan menyemak terma-terma di dalam kontrak perjanjian yang biasanya mengambil tempoh selama 4 bulan daripada surat setuju terima dikeluarkan.

Yang Berhormat Sementa mencadangkan program Zon Bersih diteruskan. Secara keseluruhannya program zon bersih ini telah berjaya dilaksanakan bermula tahun 2010 hingga 2013 dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada semua pihak melibatkan Ahli Majlis, Jawatankuasa Penduduk, NGO, Agensi-agensi luar dan sebagainya. Pencapaian ini dan keberkesanan kempen zon bersih di peringkat PBT amat memuaskan di mana objektif utama untuk menyampaikan maklumat mengenai kepentingan menjaga kebersihan di kalangan masyarakat di lihat mula memberi kesan dan mendapat maklum balas yang positif. Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan yang diusulkan dan mungkin program ini perlu di tambah baik dari segi pengisiannya supaya lebih berkesan. Kerajaan Negeri akan membuat semakan dasar-dasar sedia ada dan selaras dengan kehendak dan keperluan semasa.

Sungai Pelek kempen tak ada? Bukit Lanjan

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI : Mahu mohon penjelasan.

TUAN SPEAKER : Sementa kempen, Sementa tak ada? Sila, sila.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI : Ada satu lagi topik tentang PBT iaitu Bandar Mesra Wanita.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Saya akan menjawab melalui ucapan bertulis. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Lanjan atas cadangan yang

diberikan. Sememangnya menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk menyediakan tandas awam yang mencukupi dan bersih. Kerajaan Negeri menyedari kekurangan tandas awam khususnya di kalangan tumpuan orang ramai. Bagi tujuan ini Kerajaan Negeri kini sedang meneliti kaedah yang sesuai untuk menaik taraf dan memanfaatkan tandas di restoran-restoran untuk kegunaan orang awam dengan mengambil kira pendekatan kos efektif berbanding dengan pembinaan baru tandas awam yang akan melibatkan perbelanjaan yang lebih tinggi. Dalam masa yang sama Kerajaan Negeri akan sentiasa mengadakan program-program kesedaran untuk semua lapisan Masyarakat di negeri Selangor. Yang Berhormat Bukit Lanjan juga ada membangkitkan pertanyaan mengenai status dan perkembangan pelaksanaan Smart Bas Selangor Bas Stop oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui SSDU. Status bagi pembinaan 10 buah bas stop yang 10 buah Smart Bas Stop yang telah dan sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:-

1) 4 buah bas stop, smart bus stop telah bersedia di lokasi iaitu 2 unit di Shah Alam, satu unit di Ampang Jaya dan satu unit di Selayang dan 6 buah smart bus stop telah siap di pasang di kilang dan akan diletakkan di lokasi iaitu Subang Jaya, Kajang, Klang, Sepang, Kuala Langat dan Kuala Selangor secara berperingkat.

Berhubung 4 buah smart bus stop yang tersedia di lokasi termasuk di Selayang yang kelihatan terbengkalai. Terdapat 2 perkara sedang dalam proses tindakan dan perlu di selesaikan pihak-pihak berkaitan iaitu status dengan bekalan elektrik yang diuruskan oleh MPS dan TNB kerana Smart Bus Stop ini hanya dapat dilengkapkan dengan kemudahan peralatan-peralatan pintar apabila bekalan elektrik di salurkan sepenuhnya dan keperluan menaik taraf ruang lebai oleh pihak MPS untuk kemudahan bus berhenti bagi mengambil dan menurunkan penumpang.

Yang Berhormat Banting lagi dan Yang Berhormat Pelabuhan Klang.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker, Tuan Speaker, just soalan yang sangat ringkas jadi bila bus stop di Selayang dijangka akan habis atau pun boleh digunakan oleh pengguna-pengguna.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Saya tiada maklumat bila, saya ambil maklum dan follow up dengan MBS perkara ini. Yang Berhormat Banting dan Yang Berhormat Pelabuhan Klang ada membangkitkan mengenai perkhidmatan bus smart Selangor bagi kemudahan khusus untuk murid dan pelajar sekolah di kawasan seperti Kampung Baru Sungai Jarum, Kampung Jenjarom, Telok Gong dan Pulau Indah. Untuk makluman Yang Berhormat hampir semua laluan perkhidmatan Smart Selangor sedia ada boleh dinaikni oleh pelajar sekolah kerana laluan-laluan tersebut turut melalui kawasan-kawasan persekolahan serta institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Namun cadangan bagi menyediakan perkhidmatan ini secara khusus untuk pelajar

sekolah adalah tidaklah bertetapan dengan tujuan utama perkhidmatan bas ini yang disediakan kerana penyediaan perkhidmatan bas Smart Selangor khusus untuk pelajar sekolah adalah tidak praktikal jika laluan tersebut tidak mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan tidak kos efektif. Kerajaan Negeri mengambil maklum akan setiap pandangan dan cadangan yang diberikan untuk diperhalusi dan ditambah baik dari masa ke semasa. Kerajaan Negeri juga sedang melihat keperluan bagi melengkapi missing link yang terdapat di kawasan pentadbiran PBT berdasarkan kajian pengangkutan awam yang telah pun dilaksanakan oleh PBT seperti MBPJ dan MBSA. Oleh itu Kerajaan Negeri menggalakkan semua PBT di negeri Selangor untuk menyediakan kajian pengangkutan awam masing-masing untuk melihat dengan lebih jelas keperluan pengangkutan awam terutamanya pengangkutan darat seperti perkhidmatan bas.

Tuan Speaker, Bandar Utama ada membangkitkan isu berkaitan kekurangan konektiviti bagi meningkatkan kecekapan pengangkutan awam dan kesesakan lalu lintas. Bagi mengoptimumkan dan pengangkutan awam diterapkan melalui inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri seperti perkhidmatan Bas Smart Selangor di mana laluan bas yang mempunyai saling hubungan dengan sistem pengangkutan awam yang lain seperti MRT, LRT dan Komuter. Menyediakan laluan-laluan basikal yang selama supaya ianya menjadi pilihan pengguna sebagai pengangkutan alternatif serta penambahbaikan terhadap capaian pengangkutan awam dengan memperkenalkan konsep penyewaan secara digital dan menggunakan aplikasi pintar yang lebih mendapat perhatian pengguna.

Yang Berhormat Subang Jaya ada membangkitkan pertanyaan perhubungan peruntukan yang di bangkitkan oleh pengangkutan Tahun 2019 berjumlah RM30 juta. Untuk makluman Yang Berhormat jumlah peruntukan sebanyak RM30 juta yang di bajetkan pada tahun 2019 adalah bagi membiayai kos keseluruhan Bas Smart Selangor yang ditanggung sepenuhnya Kerajaan Negeri. Manakala pelaksanaan laluan baru dan penambahan bilangan bas bagi tahun 2019 adalah tertakluk kepada baki kos pengoperasian bas sedia ada dan merangkumi kos sewaan, pengurusan dan penyelenggaraan atau ianya dibiayai oleh PBT. Namun demikian setiap cadangan penambahbaikan yang dinyatakan perlu diperhalusi dengan terperinci mengikut keperluan. Manakala berhubung cadangan dan permintaan laluan bas baru oleh Yang Berhormat Rawang dan Yang Berhormat Seri Setia pula seperti yang dijelaskan tadi ia perlu mendapat kriteria-kriteria yang ditetapkan seperti mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi perkhidmatan bas yang disediakan adalah bertetapan dengan tujuan ianya dilaksanakan termasuk tidak mempunyai perkhidmatan bas sedia ada oleh bas awam.

TUAN SPEAKER : Ya, Seri Setia.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Tentang bas yang dinyatakan oleh

TUAN SPEAKER : Setia Setia ada membangkitkan isu ini?

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Yang Berhormat EXCO apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat EXCO sama ada ada dibuat kajian laluan kesesakan kepadatan penduduk saya setuju tetapi saya nak bertanya kepada Yang Berhormat EXCO. Yang disebut oleh Yang Berhormat EXCO tadi adalah tentang bergantung juga kepada PBT yang akan mengeluarkan belanja contoh macam di kawasan saya Majlis Bandar Raya Petaling Jaya dia memang peruntukan untuk Bas Smart Selangor tetapi sekiranya peruntukan itu telah dibuat di kawasan lain dan saya terpaksa menunggu dalam masa setahun atau 2 tahun sedangkan penduduk kawasan saya memerlukannya apakah Kerajaan Negeri boleh membantu?

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Oleh kerana peruntukan terhad dan oleh kerana MBPJ itu lebih kaya daripada PBT lain maka perkhidmatan bas percuma di MBPJ adalah ditanggung sepenuhnya oleh MBPJ. Saya cadangkan Yang Berhormat Seri Setia boleh kemukakan cadangan itu kepada PBT dan Kerajaan Negeri sentiasa sedia membantu.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Yang Berhormat EXCO cadangan ini kalau nak ikutan saya dah bawalah dalam semasa saya menjadi Majlis tetapi ialah walaupun ia Majlis Bandar Raya ini banyak peruntukan atau duitnya tetapi memandangkan banyak kawasan yang memerlukan pengangkutan bas ini. Saya tak tahu apa sebabnya tetapi ini yang saya perlukan kawasan saya ini memang memerlukan sangat, Desa Mentari, Kampung Lindungan adalah kawasan yang memang kawasan padat.

TUAN SPEAKER : Ya Yang Berhormat. Kita faham banyak keperluan semua ya. Jadi saya minta Exco tolong. Ambil maklum ya.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Ambil maklum. Masa dah tak ada saya singkat je. Kerajaan Negeri mengambil maklum akan isu yang dibangkitkan oleh semua Yang Berhormat, termasuk yang termasuk Yang Berhormat Sungai Ramal berhubung masalah perkhidmatan Bas Smart Selangor yang berpunca dan dari sikap pemandu bas tersebut. Kerana Yang Berhormat Sungai Ramal mengadu sikap pemandu bas itu kurang memuaskan. Perkara ini akan dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan serta syarikat penyelia yang dilantik. Ok yang lain dah. Sekian saja penggulangan saya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Saya mempersilakan Yang Berhormat Kajang.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih kepada lapan Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan pembentangan belanjawan 2019 iaitu Sungai Air Tawar, Yang Berhormat Bukit Gasing, Yang Berhormat Morib, Yang Berhormat Jeram, Yang Berhormat Kampung Tunku, Yang Berhormat Bukit Lanjan, Yang Berhormat Sementa, Yang Berhormat Tanjung Sepat. Tetapi saya akan hanya fokus kepada tiga dengan dasar belum saya ke udarakan di sini di mana ada tuduhan-tuduhan yang tak betul oleh ketua pembangkang tentang isu hutan simpan kekal dan untuk soalan yang pertama Yang Berhormat Bukit Gasing bertanya tentang Selangor Merentas *Gateway* merangkakan ciptaan kerja sebanyak 6000 pekerjaan. Untuk menjawab soalan ini Yang Berhormat Bukit Gasing, *Selangor Merentas Gateway* atau SMG merupakan inisiatif jangka masa panjang yang berperanan meneroka potensi Sungai Klang di samping memastikan pembangunan sosio ekonomi dan persekitaran yang mampan. Ia terbahagi kepada tiga fasa utama iaitu pembersihan, pemuliharaan dan pembangunan sepanjang Sungai Klang. Projek ini akan mengenal pasti peluang pembangunan tanah baru sepanjang 56 kilometer Sungai Klang. Iaitu dengan zon-zon yang telah dikenal pasti untuk perumahan komersial, kemudahan awam, taman dan projek pelancongan daripada kuala muara Sungai Klang ke bahagian DBKL iaitu selepas Mid Valley. Landasan rumah yang sdn. Bhd. iaitu LSB anak syarikat milik Kerajaan Negeri Selangor yang terlantik sebagai *master developer* oleh Kerajaan Negeri bagi projek pembangunan koridor ini sedang giat melaksanakan kerja-kerja awal bagi projek-projek seperti di bawah bersama-sama agensi Kerajaan Negeri yang lain termasuk Pihak Kuasa Tempatan yang pertama menambahbaikkan Taman Awam Pangkalan Batu. Projek penambahbaikkan Taman Awam Pangkalan Batu yang berkeluasan kira-kira 15 ekar adalah penting dalam mewujudkan satu mercu tanda yang baru di Bandar Klang sebagai kawasan riadah komuniti. Yang kedua, pembangunan *main groove point*. *Main groove point* merupakan sebuah projek pembangunan kawasan pemuliharaan hutan paya bakau yang berkeluasan kira-kira 70 ekar yang berada di tepi Sungai Klang. Berhampiran dengan Pelabuhan Klang dan akan menyumbang kepada sektor ekopelancongan di Klang dan Selangor. Kedua-dua projek seperti yang di atas ini amat penting dalam mewujudkan ekosistem perniagaan dan sosial yang baru di Bandar Klang. Yang ketiga, *river* teksi ataupun *river cruse* atau *river* teksi ini diketengahkan untuk mewujudkan satu nadi baru bagi menghubungkan jaringan antara dua projek sosial seperti yang di atas melalui laluan air sungai. Selain itu projek ini juga sekali gus akan mentransformasikan sungai sebagai satu mode pengangkutan awam. Yang keempat pemuliharaan bekas tapak pelupusan sisa pepejal Teluk Kapas seluas kira-kira 100 ekar. Licik dan gas yang dilepaskan oleh bekas tapak pelupusan ini merupakan salah satu punca utama pencemaran di Sungai Klang. Bagi menangani isu ini pihak LSB akan melaksanakan

projek pemuliharaan bagi tapak ini. Seterusnya akan membangunkan projek pembangunan bercampur yang akan memberi manfaat kepada Kerajaan Negeri dan penduduk setempat khususnya dari sudut ekonomi sosial dan alam sekitar. Dan kelima, pembangunan tanah-tanah Kerajaan Negeri di sepanjang Sungai Klang dalam merealisasikan SMG sebagai sumber pendapatan baru negeri Selangor, tanah-tanah Kerajaan Negeri di sepanjang Sungai Klang yang selama ini terbiar dan terdedah kepada risiko pencerobohan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab harus dikawal selia dan dimajukan. Segala pembangunan yang akan dilaksanakan di dalam **jun** pembangun eksklusif SMG perlu mematuhi segala garis panduan yang telah ditetapkan di dalam rancangan tempatan iaitu RT dan *Urban Design Guide Line iaitu UDG*. SMG yang kini sedang giat dirangka oleh pihak **LSB**. Yang keenam, peningkatan kualiti hidup dengan meningkatkan jaringan telekomunikasi melalui jajaran Sungai Klang. Pihak **LSB** sedang berbincang dengan beberapa syarikat telekomunikasi dalam menerokai potensi perniagaan baru meningkatkan jaringan telekomunikasi ataupun *connectivity* yang pantas melalui jajaran Sungai Klang sejajar usaha mencapai status Kerajaan Negeri pintar menjelang tahun 2025. Untuk menjawab soalan yang ditujukan Yang Berhormat Sungai Air Tawar tentang cas 20sen ke atas beg plastik. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Sungai Air Tawar ada membangkit isu cas 20sen tidak berjaya mengurangkan beg plastik dan telah mencadangkan untuk menggunakan beg kertas untuk memelihara alam sekitar. Untuk makluman Yang Berhormat kempen bebas plastik negeri Selangor telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pelbagai pihak seperti peniaga-peniaga pasar raya besar, peruncit, pengusaha makanan dan penduduk di negeri Selangor. Kempen ini boleh dianggap berjaya kerana berdasarkan maklumat yang diterima daripada pihak pasar raya hasil kutipan cas 20sen ini semakin berkurangan. Keadaan ini membuktikan kebanyakan pengguna sudah mula membiasakan diri membawa beg sendiri sewaktu membeli belah. Kerajaan ingin sedia mempertimbangkan cadangan penggunaan beg kertas sebagai alternatif kepada penggunaan beg plastik. Walau bagaimanapun cadangan ini perlu diperhalusi kerana penggunaan kertas mempunyai kesan baik dan buruk terhadap alam sekitar. Sebagai contoh walaupun beg kertas boleh di kitar semula tapi penggunaan beg kertas akan melibatkan penebangan pokok yang akan memberi kesan kepada alam sekitar. Selain itu, beg kertas juga tidak sesuai digunakan untuk membawa barang-barang basah dan berat. Selaras dengan pelaksanaan *Malaysia Road Map Toward Zero Use Plastic 2018* sehingga 2030 yang telah dilancarkan oleh Kementerian Tenaga Sains Teknologi Alam Sekitar dan Perubahan Iklim iaitu **Domestic** pada 17hb oktober 2018 yang lalu. Kerajaan Negeri akan menjalankan kajian bagi mengenal pasti alternatif yang terbaik yang lebih mesra alam bagi menggantikan *single use plastic* bagi memastikan kebersihan alam sekitar sentiasa terpelihara. Tuan Speaker Kerajaan Negeri Selangor juga bercadang untuk mula mengutip cas 20sen yang dikenakan bagi setiap beg plastik yang dikutip oleh premis perniagaan terutama

pasar raya dan *convenient store*. Kutipan akan dilaksanakan melalui Pihak Berkuasa Tempatan mulai tahun hadapan. Kutipan terkumpul yang diterima oleh Kerajaan Negeri akan disalurkan ke akaun tabung amanah bagi kegunaan kempen-kempen kesedaran diperingkat akar umbi. Pada tahun depan 2019 Kerajaan Negeri Selangor juga akan memperluaskan lagi kempen bebas plastik dan polisterin ini ke sekolah-sekolah dengan kerjasama seluruh warga sekolah dan pengusaha kantin sekolah sebagai usaha pendidikan awal kepada generasi muda. Soalan ketiga juga yang ditanya oleh YB Yang Berhormat Sungai Air Tawar berkenaan iklan yang di paparkan di surat khabar berkenaan sesi pendengaran awam berhubung Hutan Simpan Bukit Lagong untuk bertujuan projek pembangunan perumahan. Dimaklumkan bahawa berdasarkan kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 19/2003 bertarikh 13 Ogos 2003. Telah disahkan oleh MMKN ke 20/2003 bertarikh 29 Ogos 2003. Jabatan Perhutanan Negeri Selangor diminta untukewartakan keluar sebahagian Hutan Simpan Bukit Lagong seluas lebih kurang 28.3 hektar iaitu 70 ekar kepada Pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor iaitu PKNS. Tapi prosesnya tidak berlaku pada ketika itu. Kawasan bertanda yang dimaksudkan adalah sebahagian kawasan kompartmen 19 Hutan Simpan Bukit Lagong daerah Selangor Tengah. Namun demikian berdasarkan seksyen 12 enakmen pemakaian akta perhutanan negeri 1985, tanah hutan simpan kekal yang terlibat perlulah digantikan dengan keluasan yang sama luas atau lebih sebahagian hutan simpan kekal. Untuk makluman kedua-dua proses ini iaitu warta keluar dan masuk hendaklah dilaksanakan secara serentak. Jabatan perhutanan negeri Selangor juga telah mengadakan beberapa siri perbincangan ke atas cadangan tapak penggantian bersama-sama dengan pihak PKNS dan bersetuju dengan cadangan kawasan penggantian tanah milik PKNS di Daerah Hulu Langat seluas lebih kurang 77.18 ekar iaitu lebih 7 ekar. Kertas ringkasan pemansuhan semua hutan simpan kekal Bukit Lagong seluas lebih kurang 70 ekar telah disediakan oleh pihak PTG Selangor dan dibentangkan semula oleh Majlis Persekutuan Kerajaan Negeri Selangor pada bulan Oktober 2018. Notis ini dikeluarkan lanjutan daripada keputusan MMKN 33/2018 bertarikh 26 Oktober 2016 dan disahkan oleh MMKN 34/2018 bertarikh 31 Oktober 2018 yang telah meluluskan penyelesaian ke atas permohonan pelupusan secara pemberi milikan tanah di bawah seksyen 76 kanun tanah negara sebahagian tanah hutan simpan kekal Bukit Lagong dengan penggantian dengan tujuan pembangunan. Bagi maksud proses pewartaan keluar dijalankan satu notis penyiasatan awam berkaitan dengan cadangan pemansuhan keluar sebahagian hutan simpan Bukit Lagong telah diiklankan di dalam akbar Berita Harian dan *The New Street Time* pada tarikh 21 hingga 23 November 2018. Negeri Selangor adalah negeri yang pertama memperkenalkan proses penyiasatan awam iaitu *public enquiry* sebelum suatu hutan simpan kekal di warta keluar. Keluasan kawasan penggantian hutan simpan kekal mestilah lebih luas daripada hutan simpan kekal yang dikeluarkan. Dan kawasan penggantian hendaklah dilakukan secara serentak. Jabatan Perhutanan

Negeri Selangor akan melaksanakan proses penyiasatan awam selaras dengan keperluan peruntukan undang-undang di bawah enakmen pemakaian akta perhutanan negara 1985 dan kaedah-kaedah penyiasatan awam Selangor 2014. Tempoh penyiasatan awam yang akan dilaksanakan adalah selama 30 hari sebarang maklum balas ataupun bantahan daripada pihak yang berkepentingan akan di analisa oleh pihak JPNS selepas sesuatu mesyuarat jawatankuasa penyiasatan awam yang dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Exco Pengerusi Tetap Alam Sekitar iaitu saya dan Yang Berhormat Exco Infrastruktur dan jabatan dan agensi teknikal seperti pihak unit Perancang Ekonomi Selangor SPBT, Kerajaan Kerja Raya (JKR), Pengairan dan Saliran (JPS), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM,) Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar (PERHILITAN), Jabatan Mineral Dan Geosains (GMG), Universiti Kebangsaan Malaysia, Lembaga Urus Air Selangor Dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor selaku urus setia akan diadakan bagi membincang maklum balas yang diterima daripada orang awam. Satu laporan hasil mesyuarat jawatankuasa tersebut akan diangkat kepada MMKN untuk pertimbangan dan keputusan sama ada suatu keputusan tersebut akan di kekalkan atau diwartakan keluar.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat ayat terakhir.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Ayat terakhir? So, untuk makluman projek ini adalah projek 2003 zaman kerajaan barisan nasional. Dalam MMKN.....

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat duduk dulu. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian oleh sebab urusan dewan ini masih panjang maka dewan pada hari ini perlu sekali lagi disambung. Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawa usul.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa usul yang berbunyi seperti berikut bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut peraturan 11 dalam peraturan tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga jam 6.30 petang.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Saya mempersilakan Kajang sambung.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Tuan Speaker. Projek yang...

TUAN SPEAKER : Kajang tolong habiskan ya. Terakhir ya sebab...

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Ya. Kurang lima minit. Kurang lima minit. Ya terakhir. So, untuk makluman Tuan Speaker projek yang disebut tadi ada dah pada tahun 2003 semasa zaman Barisan Nasional. Saya tak pasti kenapa Sungai Air Tawar bangkitkan isu ini sebab pada masa itu MMKN telah meluluskan arahan untuk warta keluar daripada hutan simpan kekal tapi tak ada satu tanah di warta masuk untuk ganti dan pada masa itu pelik juga walaupun MMKN telah luluskan arahan untuk mengeluarkan hutan simpan kekal KM dapat, KM diluluskan. Yang hutan simpan kekal belum dikeluarkan warta di warta keluar. KM telah diluluskan. So, untuk menyelesaikan masalah ini dan ini telah tertanggung lima belas tahun dah. Kerajaan prihatin Pakatan Harapan kita mengikut prosedur iaitu kita memulakan proses pendengaran awam, *public enquiry*, kita nak dapat maklum balas daripada *public* tentang isu ini sebab itulah kita adakan *public hearing* dan segala maklumat *feedback* yang kita dapat kita akan *consider*. So, saya rasa itu sahaja jawapan saya, saya rasa masih banyak lagi jawapan-jawapan saya akan bagi secara bertulislah kepada rakan-rakan yang telah pun membangkitkan isu berkenaan dengan *wifi*, berkenaan dengan kitar semula, berkaitan dengan orang asli. So, itu semua akan saya bagi jawapan secara bertulis. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER : Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Sungai Tua.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : *Bismillahirrahmannirahim*. Terima kasih Speaker dan Ahli-ahli Dewan yang masih lagi setia dalam Dewan yang mulia ini. Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh Ahli Dewan yang telah memberikan maklum balas-maklum balas terutamanya maklum balas positif terhadap pembentangan belanjawan yang telah dibentangkan pada hari Jumaat yang lalu. Sesungguhnya sebagaimana yang saya sebutkan di akhir pembentangan.

Belanjawan kali ini menitik beratkan dua elemen iaitu elemen pelan jangka panjang Kerajaan Negeri untuk menjana pendapatan yang baharu di samping mengekalkan konsistensi dan daya tahan kedudukan kewangan negeri Selangor Darul Ehsan dan dalam masa yang sama, keduanya memastikan program-program cakna rakyat peduli rakyat yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri dapat dilaksanakan secara berterusan dan teratur demi untuk memperkasa dan memberdayakan rakyat negeri Selangor Darul Ehsan. Sudah pasti isu pertama yang ditimbulkan adakah betul kita berada dalam kedudukan kewangan yang baik? Hal ini telah dibangkitkan oleh Sungai Air Tawar, oleh Gombak Setia, Ijok dan Sungai Panjang di awal perbahasan mereka masing-masing. Ahli Yang Berhormat sekalian, sumber hasil Kerajaan Negeri adalah seperti yang termaktub dalam bahagian tiga jadual kesepuluh perlembagaan persekutuan. Oleh itu usaha penerokaan sumber pendapatan baru bagi meningkatkan hasil negeri adalah berdasarkan elemen sumber hasil yang boleh dikutip oleh Kerajaan

Negeri di bawah kuasa yang telah diberikan mengikut perlembagaan persekutuan iaitu pertama hasil tanah, kedua hasil lombong, ketiga hasil hutan, keempat *duty* hiburan, kelima terimaan berkenai bekalan dan perkhidmatan air, yang keenam sewa dan jualan harta negeri, yang ketujuh bayaran fi denda dan perlucutan hak mahkamah selain daripada mahkamah di bawah bidang kuasa kerajaan persekutuan, seterusnya yang kelapan kaedah baki wang negeri, kesembilan faedah baki atas baki wang negeri, kesembilan bayaran mengenai perkhidmatan jabatan Kerajaan Negeri dan yang kesepuluh harta karun. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian pada masa ini pengurangan hasil berlaku disebabkan oleh permohonan premium tanah daripada notis 5A dan 7G yang dijangka tamat tempoh pada tahun 2019 adalah berkurang. Biasanya apabila notis-notis ini dikeluarkan dan mereka akan berakhir tahun lepas maknanya mereka akan perlu membayar notis-notis pemberi milikan tanah pada tahun ini ataupun tahun sebelumnya. Terdapat juga permohonan penilaian semula kadar yang diluluskan dan dikeluarkan notis yang baru. Terdapat juga permohonan yang ditarik balik selepas notis A dikeluarkan kerana jumlah bayaran premium yang tinggi dan pemohon tidak berkemampuan untuk menjelaskan. Kerajaan Negeri telah mengambil langkah dengan membentuk jawatankuasa mengkaji hasil negeri yang terdiri daripada pelbagai jabatan dan agensi di seluruh negeri dan di antara langkah-langkah yang akan dijalankan atau yang telah dijalankan adalah :-

Pertama, cadangan meningkatkan nilai syiling yang diterima daripada kerajaan persekutuan bagi pemberian berdasarkan tahap pembangunan ekonomi, infrastruktur dan kesejahteraan hidup. Ini adalah kerana terdapat pertambahan projek-projek yang dikemukakan oleh jabatan yang terlibat seperti JKR, JPS, Jabatan Pertanian, mahupun Jabatan Agama Islam.

Kedua, memperkenalkan caj fi bagi pokok getah, kelapa sawit dan kelapa di dalam tanah diberi milik dan tanah kerajaan seperti mana dalam keputusan Majlis Tanah Negara ke-71. Perkara ini sedang diselaraskan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor untuk pelaksanaannya pada tahun 2019.

Ketiga, tuntutan pengalihan dan pemasangan semula utiliti bagi projek kerajaan daripada syarikat utiliti seperti TNB dan Telekom Malaysia berdasarkan garis panduan pengalihan dan pemasangan semula utiliti dalam pelaksanaan program dan projek kerajaan bilangan 2/2016.

Keempat, Unit Perancang Ekonomi sedang dalam proses akhir bagi memuktamadkan pelaksanaan akta akses kepada sumber biologi dan perkongsian faedah 2017, akta 795. Berkaitan *access benefit sharing* or ABS yang bertujuan untuk memastikan sumber *biodiversity* yang diperolehi dipantau dan dikongsi bersama sekiranya hasil

R&D dikomersialkan seperti ubat dan barang kosmetik. Kerajaan Negeri akan diberikan kuasa untuk mengeluarkan permit mengikut permohonan. Akta ini dijangka berkuat kuasa pada akhir tahun 2018 dan Kerajaan Negeri akan bertindak sebagai pihak berkuasa yang mengeluarkan permit sama ada untuk tujuan komersial ataupun bukan komersial. Seterusnya setelah penstrukturan semula industri air, Kerajaan Negeri Selangor akan mengenakan cas abstrak air daripada air Selangor dengan anggaran lebih kurang RM15juta satu tahun yang dikenakan berdasarkan enakmen Lembaga Urus Air Selangor tahun 1999. Seterusnya menyelaraskan semula peruntukkan Kerajaan Negeri dan kerajaan persekutuan untuk mengurangkan pertindihan dan peruntukan dan menjimatkan perbelanjaan pembangunan kerajaan. Contohnya, projek di bawah ICU JPM dan menjimatkan hasil lagi seterusnya meningkatkan *reserve* Kerajaan Negeri. Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian mengenai cadangan yang telah dikemukakan oleh Sungai Air Tawar iaitu tentang cukai karbon, saya kira Yang Berhormat Bandar Kelang sebentar tadi telah memberikan beberapa penjelasan berkenaan dengan cukai karbon dan implikasi kewangan yang akan turut memberi kesan dan diberi kesan kepada rakyat walaupun tidak secara terus. Seterusnya, saya rasa Bandar Kelang juga telah memberikan contoh bagaimana Kerajaan Negeri memulakan inisiatif mengenal pasti hak aeroangkasa. Dan ini menunjukkan kita tidak sama sekali begitu bergantung dengan kerajaan pusat untuk menentukan kedudukan kewangan negeri sebaliknya telah memulakan *the Council Of Aerospace* ataupun *council* ataupun Perundingan Jawatankuasa Aeroangkasa di mana kita mengenal pasti kedudukan-kedudukan industri Aeroangkasa ini yang sudah melebihi daripada 200 syarikat. Malahan Kerajaan Negeri melalui pihak berkuasa negeri telah meluluskan satu badan ataupun satu kawasan perindustrian Aeroangkasa di Serendah yang telah mula beroperasi secara perlahan-

perlahan mulai beberapa tahun yang lalu. Sementara itu ada cadangan tentang bio bahan api berdasarkan minyak sawit dan Kerajaan Negeri menganggap pada masa ini bio bahan api berasaskan sawit di Malaysia hanyalah 10% sahaja manakala bio *fuel* sawit ini adalah dasar di bawah kerajaan persekutuan melalui kementerian industri utama dan bahagian bio bahan api BBA. Kementerian industri utama membuat pelesenan penguatkuasaan dan mengutip hasil berkenaan dengan bio bahan api berasaskan minyak kelapa sawit. Seterusnya Yang Berhormat daripada Ijok membangkitkan tentang kedudukan hasil negeri. Kerajaan Negeri menyediakan anggaran hasil premium tanah berdasarkan daripada permohonan-permohonan pemberi milikan ataupun lanjut tempoh pajakan dan tukar syarat yang dikemukakan di Pejabat Daerah Tanah Dan Pejabat Tanah Dan Galian pada tahun ini didapati kutipan premium berkurangan adalah disebabkan pertama pemohon tidak menjelaskan bayaran premium setelah borang 5A dikeluarkan dan luput tempoh. Kedua, pemohon mengemukakan rayuan lanjutan tempoh pembayaran premium dari enam bulan kepada

dua belas bulan mengikut pekeliling PTGS bilangan 1/2016 menyebabkan bayaran premium sepatutnya diterima pada tahun 2018 dilanjutkan sehingga tahun 2019. Pemohon mengemukakan rayuan nilai premium tanah dan mendapat nilai baru yang lebih rendah. Seterusnya yang keempat terdapat juga permohonan yang menarik balik permohonan setelah borang 5A dikeluarkan kerana tidak berkemampuan untuk menjelaskan bayaran premium dan seterusnya Kerajaan Negeri sedang menunggu bayaran premium tanah daripada kerajaan persekutuan bagi kawasan rehat dan rawat. Tapak komersial dan stesen minyak di sepanjang lebuh raya yang melalui negeri di Selangor. Perkara ini sedang dalam tindakan pihak Kerajaan Kerja Raya dan Lembaga Lebuh Raya. Sebelumnya kawasan R&R ini diberikan premium nominal kerana bertujuan untuk kegunaan orang ramai, namun akhirnya setelah kita melihat ia beroperasi didapati kedudukan rehat dan rawat ini juga diduduki dengan perusahaan-perusahaan komersial, gerai, kedai, restoran dan sebagainya yang turut mendapat labur dan untung daripada operasi mereka. Justeru, Kerajaan Negeri memetakan beberapa kawasan-kawasan tersebut di antara dua bahagian iaitu bahagian untuk kegunaan awam, tandas, masjid, surau dan sebagainya dan juga kawasan rehat di samping kawasan komersial yang turut dikenakan sewaan oleh Lembaga Kutipan Lebuh Raya. Justeru, saya ingin sebutkan di sini bahawa Kerajaan Negeri bukan mengambil dan menetapkan suatu hasil memetik bintang daripada langit ataupun datang daripada mana-mana. Ia adalah hasil daripada unjuran yang realistik, cuma kadangkala ada berlaku sedikit kelewatan di atas faktor-faktor yang saya sebutkan tadi dan di antaranya juga adalah melibatkan kerana tahun 2018 adalah tahun pilihan raya ada sebahagian keputusan-keputusan itu di tangguh terutama selepas pilihan raya dan melibatkan beberapa pertukaran-pertukaran jabatan dan pertukaran-pertukaran individu seperti CEO dalam anak-anak syarikat Kerajaan Negeri yang memerlukan proses dan pengesahan daripada mesyuarat penuh ataupun mesyuarat lembaga pengarah mahupun kelulusan daripada CEO. Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab Kerajaan Negeri telah membuat beberapa pelarasan di atas anggaran perbelanjaan 2019. Penyelarasan dibuat setelah mengambil kira unjuran hasil tahun 2019 di samping kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor termasuk *reserve* yang boleh dimanfaatkan bagi menampung keperluan tahun 2019. Anggaran defisit yang tinggi mulai tahun 2016. Namun penggunaan *reserve* sebenar tahun-tahun berkenaan adalah lebih rendah berikutan usaha perbelanjaan berhemah yang telah dilaksanakan. Bagi tahun 2019 Kerajaan Negeri masih meneruskan pelaksanaan perbelanjaan defisit namun jumlahnya telah di kurangkan kepada 17% sahaja daripada keseluruhan belanjawan iaitu sebanyak 360juta berbanding 870juta defisit pada tahun 2018. Oleh yang demikian penilaian semula program-program sedia ada Kerajaan Negeri perlu dilaksanakan. Berhasrat untuk memperkasakan golongan B40 dan terus menjadi keutamaan Kerajaan Negeri Selangor.

Y.B. TUAN HILMAN BIN IDHAM : Yang Berhormat Speaker.

TUAN SPEAKER : Sila Yang Berhormat Gombak Setia.

Y.B. TUAN HILMAN BIN IDHAM : Terima kasih Yang Amat Berhormat Sungai Tua di atas penjelasan berkenaan dengan hasil negeri dan juga soal defisit namun saya ingin bertanya apakah pandangan Yang Amat Berhormat Sungai Tua sekiranya antara langkah yang kita ambil untuk menjana sumber pendapatan negeri ini adalah dengan memberdaya anak-anak syarikat Kerajaan Negeri melalui penyusunan semula formula pembayaran dividen kepada Kerajaan Negeri supaya paling tidak kita dapat menambah hasil negeri dan begitu juga dengan dana-dana CSR anak-anak syarikat Kerajaan Negeri yang mana sebelum ini anak-anak syarikat sendiri yang mengagihkan dana-dana CSR itu tetapi kalau boleh kita salurkan semua dana CSR itu kepada Kerajaan Negeri supaya akhirnya pengembalian kekayaan negeri kepada rakyat itu dapat di aturkan oleh Kerajaan Negeri dengan baik dengan lebih berkeutamaan dan teratur melalui program-program seperti IPR. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Gombak Setia. Kebetulan memang saya nak sebutkan dan di akhir pembentangan belanjawan pada Jumaat yang lepas saya telah membangkitkan tentang bagaimana Kerajaan Negeri akan mendapatkan hasil tambahan dan anggaran kita sangat konservatif iaitu sekitar RM50juta pada tahun hadapan melalui anak-anak syarikat Kerajaan Negeri ke tabung pihak Kerajaan Negeri yang tidak berlaku sebelum ini ataupun jumlah yang diterima adalah terlalu kecil pada sebelum ini.

Ahli Yang Berhormat sekalian, saya maklumkan ya ini juga untuk melihat apa persoalannya ataupun perkara yang dikemukakan oleh Ijok bahawa terdapat 141 anak-anak syarikat GLC di bawah Kumpulan MBI seperti berikut di mana 19 syarikat adalah syarikat milikan penuh MBI, anak-anak syarikat tidak langsung ada terdapat 95 syarikat, ada syarikat bersekutu langsung ataupun lebih kurang satu syarikat dan syarikat bersekutu tidak langsung keseluruhannya adalah 26 syarikat. Status anak-anak syarikat tersebut adalah seperti berikut; 103 daripada 141 syarikat adalah syarikat-syarikat yang aktif, manakala 38 syarikat berstatus *domian* termasuk 26 syarikat *under liquidation*. Dan ini merujukkan bahawa ada 103 syarikat-syarikat yang aktif dan kita mempunyai jumlah keuntungan-keuntungan yang disenaraikan pada tahun 2017 tapi malangnya hanya sebanyak RM 934,000 sahaja dipulangkan oleh Kerajaan Negeri oleh satu je anak syarikat iaitu SRM Setia Sdn. Bhd pada tahun 2017. Justeru tahun hadapan semua anak syarikat ini kita akan tetapkan paling kurang dividen 30% hasil sebelum dan selepas cukai ke mana keuntungan selepas cukai dengan menetapkan mereka

melempi *insolvency test* supaya memastikan dividen yang dipulangkan itu juga adalah nilai yang berpatutan dan tidak membebankan Kerajaan Negeri Selangor.

Dalam masa yang sama juga pada masa yang sama kita dapati anak-anak syarikat telah berbelanja lebih kurang RM 61,549,551 untuk program-program CSR. Mulai tahun depan kita tidak lagi membenarkan semua anak syarikat menggunakan wang mereka untuk CSR semahu-mahunya, sebaliknya kita akan hadkan program CSR mereka dan program CSR ini akan diletakkan di bawah tabung IPR ataupun Tabung Inisiatif Peduli Rakyat dan ini menunjukkan bahawa anak syarikat membiayai program-program Inisiatif Peduli Rakyat. Nantinya Ahli Yang Berhormat sekalian, sesuai dengan konsep maju bersama, sesuai dengan konsep kebersamaan yang kita canangkan dan sesuai dengan sikap kita untuk menjadikan *comparenious society* daripada negeri berbelanja sekalian banyak jumlah anak syarikat berbelanja dengan sekian jumlah akhirnya nanti sampai ke satu tahap jika ada rakyat juga yang ingin memberikan sumbangan tabung ini juga akan membuka dengan memberikan pengecualian cukai pada tahap-tahap tertentu dan ini lah yang saya sebutkan konsep maju bersama di mana kerajaan anak syarikat anak syarikat Kerajaan Negeri, syarikat swasta dan orang yang kaya raya dan sebagainya bersedia untuk bersama-sama membantu yang susah dan dengan cara ini kita dapat mengurangkan beban kerajaan dalam masa yang sama adanya *social reponsibility* daripada rakyat dan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri untuk sama-sama membantu rakyat dan juga warga yang sukar dan warga yang susah. Ini lah yang kita letakkan *no man left behind*, di mana tidak ada orang lagi tertinggal daripada arus pembangunan dan kemajuan negeri dengan apa yang disebutkan oleh Gombak Setia dalam penggulungan ataupun dalam ucapan beliau bahawa bantuan diberikan kepada mereka yang sangat-sangat memerlukan dan kewangan diberikan kepada mereka yang sangat-sangat memerlukan dan kewangan diberikan kepada mereka yang benar-benar perlu untuk meningkatkan dan mengelakkan mereka terperangkap dalam bidang ataupun dalam kitaran kemiskinan yang menakutkan.

Ahli Yang Berhormat sekalian, selain daripada MBI ada 2 anak syarikat iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor. Kedua-dua anak syarikat ini telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai pada tahun 2017 untuk perbadanan adalah sebanyak RM 115,959,000 untuk Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor manakala PKPS pun mencatatkan keuntungan sebelum cukai, Perbadanan sebanyak RM12.70 juta pada tahun 2017, manakala hasil terkumpul bagi kumpulan masing-masing adalah sebanyak RM488 juta untuk Syarikat PKNS dan juga RM 80.315 juta untuk Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor. Ahli Yang Berhormat sekalian dengan penjanaan keuntungan yang dihasilkan tadi, pertama dividen, kedua sumbangan melalui Program *Corporate Social Responsibility*, kita yakin ia dapat mengurangkan secara signifikan perbelanjaan

Kerajaan Negeri ataupun hasil cukai negeri sebaliknya ia juga dapat meneruskan hasrat kita untuk melaksanakan program-program pelaksanaan dan penajajaran IPR sebagai mana yang telah kita sebutkan tadi.

Ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga ingin meneruskan berkenaan dengan isu-isu yang berkaitan dengan isu-isu yang berkaitan dengan Jawatankuasa Hal Ehwal Anak-anak Muda atau belia ataupun generasi muda negeri Selangor. Soalan yang sangat lazim timbul ialah berkenaan dengan insentif perkahwinan belia. Daripada Sungai Air Tawar, daripada Sijangkang, daripada Seri Setia, daripada Kuang dan semuanya tak layak untuk menerima permohonan insentif perkahwinan belia. Sekinchan pun tak layak. Ahli Yang Berhormat sekalian Program Insentif Perkahwinan Belia merupakan satu program yang diusulkan pada tahun 2013 untuk menambah dan menggalakkan institusi perkahwinan di dalam negeri Selangor dan meningkatkan kemahuan perkahwinan sebagai satu kedudukan institusi yang sah dan sihat di dalam negeri Selangor. Dengan meletakkan RM500.00 sebagai hadiah perkahwinan kepada anak-anak muda negeri Selangor sebagai tanda penghargaan Kerajaan Negeri kepada anak-anak muda ini. Namun begitu dalam masa yang sama Kerajaan Negeri mengesan terdapatnya masalah kedudukan perkahwinan yang longgar dan goyang terutamanya di kalangan anak-anak muda di kalangan negeri Selangor. Alhamdulillah wujudnya peningkatan kadar perkahwinan yang baik yang tinggi namun ada masalah urutan selepas itu yang sebahagian besarnya bukan hanya disebabkan oleh kedudukan ataupun kefahaman agama ataupun kelemahan dan kecacatan isu agama tetapi juga kegagalan untuk mengawal perkara-perkara lain seperti emosi, psikologi rumah tangga, tentang ekonomi rumah tangga, tekanan anak baru pertama, tekanan isteri pertama bersalin, dan sebagainya. Oleh itu kita telah menyasarkan untuk menangani persoalan ini bagaimana memastikan perkahwinan yang wujud dapat dikekalkan dan seterusnya memberikan kesan baik kepada kedudukan keluarga dan sekali gus sebagai mana saya sebut tadi dapat menambah kadar kesuburan negeri Selangor yang semakin lama semakin jatuh.

TUAN SPEAKER : Kuang

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Yang Berhormat Sungai Tua, adakah kerajaan mempunyai satu tindakan sebelum perkahwinan? Maksud saya memperkasakan kursus-kursus perkahwinan terlebih dahulu. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Justeru, terima kasih Kuang. Justeru, atas sebab itulah kita ingin memperkasakan program kursus perkahwinan sebelum perkahwinan dan juga menambah program pasca perkahwinan. Ini adalah persediaan yang lebih baik. Pengalaman saya yang berkahwin kali pertama setakat ini melihat bahawa, hmm

melihat bahawa kursus-kursus perkahwinan, belum ada cita-cita, kursus-kursus perkahwinan yang dijalankan adalah tempoh satu hari setengah. Dalam kursus-kursus tersebut biasanya diberikan beberapa asas-asas pendidikan agama dan juga tentang perkara-perkara asas yang berkenaan dengan hal ehwal hukum hakam perkahwinan dan sebagainya. Namun begitu, kita harus juga melihat keutamaan dan keperluan generasi masa kini di mana mereka juga perlu didedahkan tentang beberapa perkara baru, tekanan di tempat kerja, *sexual harrasment* di tempat kerja, tekanan keluarga ketika mengandung, bagaimana perasaan mendapat anak pertama, bagaimana tekanan ekonomi dan perancangan keluarga dan sebagainya. Justeru melalui program ini yang kita nak katakan daripada kita memberikan RM500.00 yang kemudian RM500.00 itu sebenarnya asasnya adalah untuk menggalakkan usaha-usaha menyimpan pada peringkat awal sebenarnya sebab itu diberikan Tabung Haji, sebab itu diberikan kad BSN ataupun kad Sijil BSN dan sekarang ini kita berikan Sijil BSN yang islamik juga dalam masa kesemuanya, sebenarnya kita telah bagi saya telah banyak digunakan untuk tujuan-tujuan lain. Justeru kita alihkan kepada program-program pembudayaan untuk pengukuhan institusi keluarga melalui kursus-kursus di peringkat awal.

TUAN SPEAKER : Seri Setia

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Yang Amat Berhormat Sungai Tua, saya nak minta pandangan YAB sebelum ini memang kita bagi RM 500.00 dan bagi saya dan bagi setengah pandangan juga mengatakan bahawa RM 500.00 seorang, dua orang jadi RM1,000.00. Nilainya cukup besar. Yang keduanya adakah kursus yang dianjurkan ini menjadi satu kewajipan dan akan diserap masuk terus di dalam kursus ini dan berapa pula kosnya?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita akan menggunakan lebih kurang kos RM 500.00 yang telah ditetapkan tadi untuk kursus-kursus yang kita akan wajibkan dan galakkan di peringkat awal. Kalau ada keperluan kita akan galakkan dan sebab Jabatan Agama Islam sebagai contoh juga mempunyai kursus seperti ini tetapi ia adalah berdasarkan pilihan dan ia tidak diwajibkan kepada semua pihak. Justeru kita akan mengambil masa dan mengambil proses dan mereka yang berkahwin dan ia akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri dan untuk memastikan keluarga-keluarga ini betul-betul siap dan bersiap sedia berdepan dengan institusi perkahwinan dan keluarga.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Mohon izin pada YAB Sungai Tua. Yang Berhormat sebut kursus-kursus itu pilihan, sebenarnya bagi mereka yang mahu berkahwin kali pertama, kursus-kursus itu adalah satu yang mandatori,

secara asasnya tidak ada pilihan dan kemudian pula dari segi untuk mengelolaknya juga para peserta dikenakan dengan bayaran cuma bertuahlah Selangor bayaran kursus pra perkahwinan paling murah dalam Malaysia ya dibandingkan dengan Wilayah Persekutuan dan beberapa negeri yang lain. Jadi saya mohon izin kepada YAB untuk membetulkan fakta tersebut.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Saya faham tentang kursus itu wajib. Saya juga berkahwin di Selangor, saya berkahwin dengan orang Selangor. Ahli Yang Berhormat sekalian, yang saya nak sebutkan ialah *content* dan isi kandungannya. Isi kandungannya akan ditambah dengan nilai-nilai supaya tempohnya akan lebih lama, masanya akan lebih panjang, isinya akan lebih diperbaharui dan lebih *update* dengan izin supaya bukan hanya soal hukum, bukan hanya soal undang-undang keluarga, tentang cara tentang wajib nikah, tentang apa perkara berkenaan nikah dan sebagainya tetapi juga perkara-perkara berkenaan dengan kehidupan selepas pernikahan. Ini yang kita nak letakkan dan ia akan merujuk kepada Jabatan Kemajuan Keluarga dan sebagainya untuk kita menetapkan modul tersebut.

Y.B. DATO' MOHD. IMRAN BIN TAMRIN : Terima kasih YAB Sungai Tua. Sedikit sahaja mohon penjelasan, kita faham berkenaan dengan komitmen kerajaan ingin menambah baik program-program dan juga kursus pra perkahwinan, jadi ini adalah menjadi satu kewajipan, nak tak nak pasangan-pasangan yang ingin berkahwin mestilah melalui proses ini sebagai pra syarat untuk mereka mendapatkan kebenaran kelulusan berkahwin tetapi bagaimanakah mekanisme pihak kerajaan untuk daripada segi *enforcement* dengan izin, kursus-kursus pasca perkahwinan. Apakah implikasi kalau mereka ini tidak hadir kursus-kursus tersebut? Jadi adakah ia bersesuaian atau tidak bersesuaian untuk *dienforce*? Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Ahli Yang Berhormat sekalian, memang kalau kita nak selamat tak kursus kita kahwin di Thailand tapi kena saman. Ahli Yang Berhormat saya bukan nak galakkan begitu tapi di Selangor begitu proses dia, di mana setiap pasangan-pasangan yang ingin berkahwin menunjukkan mereka telah mengikuti kursus-kursus yang diwajibkan sesuai dengan vendor-vendor dan juga kumpulan-kumpulan yang mengadakan kursus tersebut bagi Selangor dan saya fikirkan juga yang bukan Islam supaya nikmat daripada kursus perkahwinan ini dapat dipanjangkan dan dapat dibesarkan. Dan kepada kelompok-kelompok yang lain kerana aspek-aspek seperti soal hukum, seperti soal wajib nikah, peraturan-peraturan tentang nikah, tentang rukun nikah dan sebagainya itu ia hanya berkenaan dengan undang-undang agama namun dalam masa yang sama ada aspek kehidupan yang ingin diterapkan melalui program pasca perkahwinan ataupun isu-isu selepas perkahwinan yang selalu menimbulkan masalah-masalah kepada rumah tangga dan insyaallah ini akan lebih

baik. *The enforcement* dah berlaku cuma kita nak tambah kontan dan pengisian khususnya yang beragama Islam dan bukan beragama Islam kita sedang rujuk supaya kontan dan pengisian itu dapat diterapkan. Se pengetahuan saya ada beberapa keluarga yang ada berapa kursus yang perlu dilaksanakan oleh yang bukan Islam terutamanya di gereja-gereja juga saya lihat kontan nya juga mengajar beberapa keperluan-keperluan tentang kesihatan, keperluan tentang ekonomi rumah tangga dan sebagainya.

TUAN SPEAKER : Y.A.B. Dato' Menteri Besar, sila duduk.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : ..dan sebagainya dan ini saya rasa perlu untuk kita terapkan untuk menjamin keluarga yang bahagia. Saya sambung esok Yang Berhormat.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 6.30 petang. Dengan ini saya menangguhkan Sesi Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2019 sehingga hari esok 29 November 2018 bermula jam 10 pagi. Dewan ditangguhkan.

(DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 6.30 PETANG)